

AMALAN FIDYAH DALAM MASYARAKAT ISLAM DI
KANCHONG DARAT, BANTING, SELANGOR : SATU ANALISIS.

RUMAIZI BIN AHMAD

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

AMALAN FIDYAH DALAM MASYARAKAT ISLAM DI
KANCHONG DARAT, BANTING, SELANGOR : SATU ANALISIS.

RUMAIZI BIN AHMAD

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

ABSTRAK

Amalan fidyah merupakan salah satu tuntutan hukum kepada mereka yang berkenaan. Inilah asas kajian yang cuba diketengahkan oleh penulis dengan penelitian khusus terhadap amalan yang dilakukan oleh sebahagian penduduk di kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor. Mereka telah lama mengamalkan pembayaran fidyah dalam bentuk tertentu sehingga menimbulkan persoalan sama ada ianya menepati kehendak syarak atau tidak. Sehubungan dengan itu kajian ini dibuat bertujuan untuk mendapatkan kepastian hukum tentang amalan fidyah yang dilakukan khususnya terhadap amalan fidyah sembahyang dan cara-cara membayarnya. Selain menggunakan metodologi pengumpulan data melalui kajian kepustakaan dan temubual, penulis juga turut serta dalam upacara membayar fidyah yang diadakan. Kesemua dapatan maklumat tersebut telah dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Berdasarkan kepada analisis tersebut dengan meneliti nas, dalil-dalil serta kaedah-kaedah fikah dan usul selain hujah pelbagai pihak, penulis mendapati amalan yang dilakukan oleh mereka sebahagiannya tidak menepati kehendak hukum syarak, khususnya pengamalan fidyah sembahyang dan kaedah pembayaran yang dilakukan oleh sebahagian daripada mereka. Ini disebabkan hujah yang digunakan untuk mengharuskan fidyah sembahyang tidak kuat manakala bentuk pembayaran yang dilakukan oleh sebahagian daripada mereka tersasar daripada kehendak hukum yang sebenarnya.

ABSTRACT

Fidyah is an obligatory practice in Islam for certain Muslims in certain cases. This is a main topic discussed in this research especially those practiced among Muslim community in Kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor. The main issue discussed in this research is the way they practise fidyah, whether it is in accordance with Islamic law or otherwise especially fidyah solah and its paying method. The author attempts to get the answer by undertaking several methods such as a library research, interviews and observation by involving himself in the practice of fidyah. Then, by the inductive, deductive and comparative methods all the data and details are studied and analyzed according to the al-Quran, Hadith, the principles of fiqh and jurists' argumentation. As a result, the author concludes that some of the practices contradict to the true guidelines of Islamic law. Moreover, their arguments for the practice of fidyah for prayer are relatively weak while the way fidyah payment is made also questionable.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ISI KANDUNGAN	i
SENARAI ILUSTRASI	v
SENARAI KEPENDEKAN	vi
PANDUAN TRANSLITERASI	vii
SENARAI LAMPIRAN	ix
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1. PENGENALAN	1
1.2. Latar Belakang Masalah.	1
1.3. Kepentingan Kajian	3
1.4. Objektif kajian	4
1.5. Batasan Kajian	4
1.5.1. Topik perbahasan kajian.	4
1.5.2. Demografi kajian.	5
1.6. Hipotesis Kajian	5
1.7. Kajian Literatur	6
1.8 Metodologi Kajian.	12
1.8.1. Metod Pengumpulan Data.	13
1.8.1.1. Kajian Kepustakaan.	13
1.8.1.2. Kajian Lapangan.	14
1.8.2. Metod Penulisan dan Pembahasan	16
1.9. Sitematika Penulisan	17

BAB 2 : FIDYAH MENURUT HUKUM ISLAM	18
2.1. TAKRIF FIDYAH.	18
2.2. DALIL-DALIL TENTANG FIDYAH.	19
2.2.1. Fidyah Puasa.	20
2.2.2. Fidyah Haji.	23
2.2.3. Fidyah Sembahyang.	24
2.3. JENIS-JENIS DAN SEBAB-SEBAB FIDYAH.	25
2.3.1 Jenis-jenis dan Sebab-sebab Fidyah yang disepakati.	25
2.3.2. Jenis-jenis dan Sebab-sebab Fidyah yang tidak disepakati.	30
2.3.3. Pandangan Ulama Kontemporari tentang fidyah solat.	32
2.4. KAEDAH PELAKSANAAN FIDYAH MENURUT HUKUM FIKAH.	35
2.4.1. Fidyah puasa.	35
2.4.2. Fidyah Haji.	35
2.4.3. Cara Membayar Fidyah Sembahyang dan Iktikaf.	37
2.5. FAKIR MISKIN MENURUT HUKUM FIKAH.	38
2.5.1. Fakir dan miskin menurut pandangan fuqaha`.	40
2.5.2. Fakir dan miskin menurut pandangan mazhab Shafi`i	42
2.6. PEMBAYARAN FIDYAH DALAM BENTUK NILAI MAKANAN.	45
BAB 3 : AMALAN FIDYAH PENDUDUK KANCHONG DARAT	47
3.1. PROFIL KAMPUNG KANCHONG DARAT.	47
3.1.1. Lokasi Geografi dan Geopolitik.	47
3.1.2. Sejarah Kampung.	47

3.1.3. Populasi	48
3.1.4. Struktur Pentadbiran.	52
3.1.5. Kemudahan Sosial dan Agama	53
3.2. AMALAN FIDYAH PENDUDUK KANCHONG DARAT.	59
3.2.1. Jenis-jenis Fidyah Yang Diamalkan.	59
3.2.2. Cara Pelaksanaan Fidyah	60
3.2.4. Pandangan dan Pemahaman Beberapa Kelompok Masyarakat Kanchong Darat	65
3.3. KESIMPULAN	70
BAB 4 : ANALISIS HUKUM TERHADAP AMALAN FIDYAH PENDUDUK KANCHONG DARAT	71
4.1. PENGENALAN	71
4.2. JENIS FIDYAH YANG DIAMALKAN : FIDYAH SEMBAHYANG FARDU	72
4.2.1. Hukum Sembahyang	72
4.2.2. Hukum Meninggalkan Sembahyang Fardu.	74
4.2.2.1. Meninggalkan sembahyang kerana engkarkan kewajipannya.	74
4.2.2.2. Meninggalkan sembahyang kerana malas atau alasan lain tetapi tidak ingkarkan akan kewajipannya.	74
4.2.2.3. Meninggalkan sembahyang kerana lupa, tertidur, mabuk atau pengsan.	75
4.2.3. Analisis Hukum Terhadap Fidyah Sembahyang Fardu.	76
4.3. CARA / KAIFIAT FIDYAH YANG DIAMALKAN	87
4.3.1. Tinjauan Hukum Terhadap Upacara Khas Membayar Fidyah	87

4.3.2. Tinjauan Hukum Terhadap Memberi Fidyah Kepada Peserta Kenduri.	92
4.4. KESIMPULAN	93
BAB 5 : KESIMPULAN DAN SARANAN	97
5.1. Kesimpulan	97
5.2. Saranan.	100
5.3. Penutup.	101
BIBLIOGRAFI	103
Lampiran	111

SENARAI ILUSTRASI

Rajah 3.1 : Struktur pentadbiran Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan
Kampung Kanchong Darat sehingga Disember 2007. h. 57

Rajah 3.2 : Struktur pentadbiran Masjid Jamik Assolihin, Kanchong Darat. h.58

SENARAI KEPENDEKAN

r.a. *RadiyaLlahu 'anhu*

SAW *SallaLlahu 'alayhi wa sallam*

JKKK Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung

PAID Pejabat Agama Daerah

ibid *ibidium*. Rujukan sama dengan yang di atas.

op.cit. *oppo citato* Rujukan sama dengan sebelumnya yang diselangi oleh rujukan lain.

loc.cit. *locco citato*. Rujukan sama halaman dengan sebelumnya yang diselangi oleh rujukan lain

h. halaman

t.th tanpa tahun

t.p tanpa penerbit

t.t tanpa tempat

Jil Jilid

c. cetakan

et.al. Terdapat lebih dari satu nama pengarang

Dr. Doktor

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء, ا	a, ` (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	kh
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ي	y
ة	h

Vokal

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
_ (Fathah)	a	قانت	qanata
ـ (Kasrah)	i	سلم	salima
_ (Dammah)	u	جعل	ju'ila

Vokal panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اى	a	باب اكبرى	bab
ي	i	وكيل	wakil
و	u	سورة	surah

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ay	خير	khayr
و	uww	قوة	quwwah
ي	iy / i	عربي	'Arabiy/i

* Berdasarkan panduan pada Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Soalan-soalan temu bual.
Lampiran 2	Fatwa Negeri Perlis.
Lampiran 3	Fatwa Negeri Pulau Pinang
Lampiran 4	Jawapan daripada Majlis Agama Islam Singapura
Lampiran 5	Fatwa Negeri Kedah
Lampiran 6	Fatwa Negeri Selangor
Lampiran 7	Kad Atur cara Program Agihan Bantuan Ramadhan / Hari Raya Daerah Kuala Langat Mukim Morib / Kelanang
Lampiran 8	Catatan Upacara Membayar Fidyah dan Profil Peserta Terlibat.
Lampiran 9	Profil responden yang ditemu bual
Lampiran 10	Gambar-gambar upacara membayar fidyah.
Lampiran 11	Jadual Maklumat Responden Yang Membayar Fidyah

BAB 1

PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

Fidyah merupakan salah satu cara bagi menebus beberapa amal ibadat yang tidak mampu ditunaikan oleh seseorang dengan sebab-sebab tertentu. Dalam al-Quran terdapat 3 ayat yang menyebut perkataan fidyah secara khusus iaitu ayat yang berkaitan dengan puasa (2:184), haji (2:196) dan keadaan di hari akhirat (57:15).¹

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, fidyah hanya disyariatkan dalam ibadat haji dan puasa. Namun begitu, terdapat juga pandangan yang membolehkan fidyah dilakukan bagi menebus ibadat sembahyang yang ditinggalkan terutamanya oleh orang yang meninggal dunia di mana diambil sebahagian harta simati oleh warisnya untuk membayar fidyah. Ia dikatakan disandarkan kepada *qiyas* secara analogi dengan fidyah pada ibadat puasa.

Persoalan tentang fidyah sembahyang ini pernah menimbulkan polemik di negara kita pada suatu masa dahulu apabila segolongan ulama yang dikenali sebagai Kaum Muda mengkritik amalan fidyah sembahyang yang dianggap sebagai perbuatan bidaah justeru tiada dalil yang jelas mengenainya. Namun ia telah dipertahankan oleh golongan ulama yang dikenali sebagai Kaum Tua.

¹ Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī (1982), *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur‘ān al-Karīm*. Istanbul : al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 514.

1.2. Latar Belakang Masalah.

Kanchong Darat merupakan sebuah penempatan yang berakar dari kampung tradisional yang didominasi oleh orang Islam berketurunan Jawa. Meskipun berlaku transformasi mengikut arus pemodenan sehingga bergelar ‘juara segala juara’ dalam sayembara kampung terbaik peringkat nasional, masyarakatnya masih mengekalkan amalan-amalan tradisi yang bernuansakan Islam.

Amalan-amalan seperti majlis *tahlilan*, kenduri arwah, *mumputi* (bercukur jambul), *mapati* (kenduri selamat untuk ibu yang mengandung 4 bulan), *mitoni* (kenduri selamat ibu yang mengandung 7 bulan), *unggah-ungahan* (kenduri arwah pada bulan Syaaban), *muludan* (sambutan maulud nabi), *rajaban* (sambutan bulan Rejab), bulan *Suro* (sambutan bulan Muharram) dan sebagainya masih terus mewarnai aktiviti komuniti desa moden ini.

Tidak ketinggalan amalan fidyah dengan acara yang khas sehingga mencetuskan tarikan bagi diadakan kajian yang mendalam mengenainya. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman penulis selama ini, terdapat lima cara pelaksanaan fidyah yang dilakukan oleh penduduk Kanchong Darat.

- i. Membayar fidyah menggunakan beras dan diberikan kepada semua orang yang dijemput ke kenduri arwah tidak kira miskin, mampu atau kaya.
- ii. Membayar fidyah dengan cara memusingkan beras (sorong-tarik) di kalangan jemputan kenduri atau jemputan khas. Ia lebih ekonomik kerana hanya satu sukatan beras sahaja yang digunakan untuk upacara ini.

- iii. Membayar fidyah dengan emas sebagai ganti nilai beras atau dengan emas dan beras lalu memusingkan (sorong-tarik) di kalangan jemputan yang dipanggil khas untuk upacara ini.
- iv. Membayar fidyah samada dengan beras atau dengan nilainya menggunakan Ringgit Malaysia lalu diagihkan kepada fakir miskin secara terus atau melalui orang perantara tertentu atau dibayar kepada pejabat agama Islam daerah.

Amalan membayar fidyah yang dipraktikkan oleh penduduk Kanchong Darat bukan sahaja terbatas kepada fidyah puasa, tetapi sebilangan daripada mereka juga membayar fidyah sembahyang. Berbanding dengan fidyah puasa yang dilakukan oleh mereka yang masih hidup atau untuk yang telah meninggal dunia, fidyah sembahyang lazimnya hanya dilakukan untuk mereka yang telah meninggal dunia. Ia biasanya dilakukan pada hari atau malam ketujuh iaitu hari terakhir fasa pertama kenduri arwah. Selain daripada sembahyang fardhu, fidyah turut dibayar untuk sembahyang witr.

Persoalannya;

1. Adakah amalan membayar fidyah yang dilakukan oleh sebahagian penduduk di Kanchong Darat ini mempunyai asas dalam hukum syarak khususnya fidyah sembahyang fardhu dan witr .
2. Adakah pelaksanaan fidyah yang diamalkan oleh mereka bertepatan dengan kehendak hukum syarak atau tidak. Persoalan ini meliputi tentang cara bagaimana fidyah tersebut diamalkan, dan bahan fidyah yang digunakan serta sasarannya.
3. Adakah amalan membayar fidyah sebagaimana yang diamalkan oleh mereka masih relevan dengan realiti masyarakat Malaysia masa kini.

4. Apakah jalan penyelesaian yang boleh diketengahkan untuk memastikan amalan fidyah yang dilakukan oleh sebahagian penduduk Kanchong Darat menepati kehendak hukum syarak sebagaimana yang digariskan oleh para *fuqaha`*.

1.3. Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan kepastian hukum yang sahih dan seterusnya menjernihkan semula amalan fidyah yang dilakukan oleh penduduk di Kanchong Darat agar ia benar-benar menepati hukum syarak. Dengan adanya kajian secara ilmiah dan akademik akan menghasilkan satu kesimpulan hukum yang mantap, bernas dan sahih berdasarkan sumber-sumber yang muktabar dan asli.

Ia juga sebagai satu usaha untuk menambahkan khazanah kajian akademik dan ilmu pengetahuan khususnya tentang fidyah.

1.4. Objektif kajian:

Berdasarkan persoalan-persoalan dan kepentingan yang tersebut di atas, kajian ini bertujuan,

- i. Menganalisa perbahasan fikah tentang fidyah dan mengenal pasti *kaifah* atau kaedah sebenar amalan fidyah menurut hukum Islam melalui *dalālah* al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan ulama muktabar .

- ii. Mengenal pasti amalan membayar fidyah yang dipraktikkan oleh sebahagian penduduk Kanchong Darat serta membuat analisis hukum samada ianya menepati kehendak syarak atau sebaliknya.
- iii. Menilai serta menjelaskan hukum dan kaedah membayar fidyah menurut kehendak hukum syarak berdasarkan perspektif semasa.

1.5. Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada dua perkara;

1.5.1. Topik perbahasan kajian.

Topik yang dibahasakan dalam kajian ini hanyalah berkisar kepada persoalan tentang fidyah sahaja walaupun ia dikatakan sebagai salah satu bentuk atau sama dengan kafarah² Justeru itu kajian ini tidak akan membincangkan persoalan-persoalan berkaitan kafarah samada kafarah puasa, sumpah, nazar, dam haji dan sebagainya.

Pada permulaannya, ia akan membahaskan persoalan fidyah secara umum meliputi fidyah haji, fidyah puasa dan fidyah sembahyang diikuti dengan kajian tentang kaifiat amalan fidyah yang dilakukan oleh sebahagian daripada penduduk di Kampung Kanchong Darat yang berkisar pada persoalan fidyah puasa dan fidyah sembahyang sahaja lalu diambil kesimpulan daripadanya.

1.5.2. Demografi kajian.

² Al-Şābūni, Muhammad ‘Ali (1980), *Rawa‘i` al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*. Damsyik : Maktabah al-Ghazali. c.3, j.1, h. 189.

Kajian ini hanya dijalankan di Kampung Kanchong Darat, Banting, Kuala Langat, Selangor sahaja dan tidak melibatkan di luar kawasan tersebut. Ia hanya melibatkan amalan-amalan fidyah yang diamalkan oleh sebahagian penduduk di kampung ini sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

1.6. Hipotesis Kajian

Masyarakat Kanchong Darat melakukan amalan membayar fidyah samada fidyah puasa atau fidyah sembahyang tanpa pemahaman yang jelas berdasarkan hukum fikah yang sebenar. Mereka melakukannya sebagai ikut-ikutan atau taklid kepada amalan leluhur mereka sebelum ini dan juga hanya bersandarkan kepada amalan atau anjuran yang dilakukan oleh sebilangan ahli agama di dalam kampung tersebut. Kuatnya pegangan dan kepercayaan mereka terhadap ahli-ahli agama ini dan juga tradisi turun-temurun menyebabkan mereka susah menerima pandangan yang dianggap baru yang dibawa oleh golongan muda walaupun ternyata ilmu mereka lebih mantap.

1.7. Kajian Literatur

Agak sukar untuk ditemui bahan literasi berkaitan tentang fidyah secara khusus lebih-lebih lagi dalam bahasa Melayu. Persoalan tentang fidyah ada dibahaskan dalam semua kitab-kitab fikah yang lazimnya merupakan satu fasal dalam bab puasa dan haji. Dalam kitab-kitab *turāth* ini sudah tentu pembahasan tentang fidyah dibuat secara terperinci dari jenis-jenisnya, orang yang patut dikenakan fidyah, kadarnya dan sasaran pembayaran fidyah.

Dalam literatur klasik Melayu ditemui sebuah risalah kecil yang membicarakan persoalan fidyah secara khusus iaitu *Risālah al-Wahbah al-Ilāhiyyah fi Bayān Isqat Ma ‘alā al-Mayt min al-Huqūq wa al-Siyām wa al-Solah* yang merupakan terjemahan daripada kitab Arab oleh al-Shaykh Muhammad Mukhtār bin ‘Utarid yang dipercayai berasal dari Betawi, Tanah Jawa. Menurut penulisnya, ia diterjemahkan daripada kitab mazhab Hanafi yang berjudul *Munnah al-Jalīl Dhyl Tusfa’ al-‘Alīl wa Bal al-Falīl li Bayan Isqaṭ Mā ‘alā al-Zimmah min Kathīr wa Qalīl* karangan Ibn ‘Abidin.

Risalah ini mengandungi 6 muka surat yang dicetak oleh Matba‘ah al-Taraqī al-Mājidīyyah al-‘Uthmāniyyah di Mekah pada tahun 1330 Hijrah. Ia dimulakan dengan topik berkaitan wasiat diikuti dengan fidyah puasa, fidyah sembahyang, kaifiat membayar fidyah menurut mazhab Hanafi dan juga mazhab Shafi‘i. Dalam risalah ini ada dinyatakan bahawa menurut *qawl* muktamad mazhab Shafi‘i tidak harus dilakukan fidyah sembahyang di samping *qawl* yang daif daripada mazhab ini tentang keharusannya pula.³

Risalah kecil ini seterusnya menyatakan tentang cara-cara pengiraan puasa dan sembahyang yang ditinggalkan, berapa jumlah pembayaran fidyahnya dan bagaimana ia dilaksanakan menurut mazhab Hanafi dan mazhab Shafi‘i. Dalam mazhab Hanafi, fidyah sembahyang bukan sahaja terhadap 5 waktu yang fardu bahkan termasuk sembahyang witr yang dipandang wajib menurut mereka.⁴

Antara kaifiat yang dinyatakan ialah tentang berkeliling menghibahkan bayaran fidyah berulang kali kepada fakir miskin, iaitu sorong-tarik sebagaimana amalan

³ Al-Shaykh Muḥammad Mukhtār bin ‘Utarid (1330H), *Risālah al-Wahbah al-Ilāhiyyah fi Bayān Isqaṭ Ma ‘alā al-Mayt min al-Huqūq wa al-Ṣiyām wa al-Ṣolāh*. Mekah : Matba‘ah al-Taraqī al-Mājidīyyah al-‘Uthmāniyyah, h. 3.

⁴ *Ibid.*, h.4-5

sebahagian penduduk di Kanchong Darat.⁵ Secara keseluruhan, risalah ini menerangkan secara terperinci mengenai amalan membayar fidyah dari segi kaifiyatnya, tetapi tidak dihujahkan tentang sandaran pengambilannya melainkan dinyatakan *qawl* dari mazhab Shafi'i dan Hanafi sahaja. Tidak dinyatakan sandaran hukum daripada mana-mana kaedah usul fikah yang boleh dijadikan hujah.

Dalam mazhab Shafi'i terdapat satu rujukan klasik yang kerap digunakan untuk menjustifikasikan amalan fidyah terutamanya fidyah sembahyang dan witr. Rujukan tersebut ialah kitab *Hāshīyah I'ānah al-Tālibīn* karya al-'Allāmah Abi Bakr 'Uthmān bin Muḥammad Shattā terbitan Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, Beirut, Lubnan. Kitab ini merupakan syarah kepada kitab *Fatḥ al-Mu'īn*. Ia menerangkan tentang orang yang wajib membayar fidyah, bahan serta sasaran penerima fidyah dalam bab puasa. Selain itu ia mengemukakan pendapat yang zahir dalam mazhab Shafi'i tentang orang yang mati meninggalkan sembahyang tidak diqadakan atau dibayarkan fidyah untuknya selain dikemukakan pandangan yang mengatakan boleh diqada atau dikeluarkan fidyah.⁶

Beberapa kitab fikah Melayu juga ada menyentuh perkara ini berdasarkan saringan mereka terhadap kitab-kitab *tūrāth* Bahasa Arab. Antaranya dalam kitab *Sabīl al-Muhtadīn Lī al-Tafaqqūh Fī Umūr al-Dīn* karangan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari yang diterbitkan oleh Pustaka Nasional, Singapura. Persoalan fidyah dengan memberi makan kepada fakir miskin dinyatakan dalam bab puasa meliputi sebab dikeluarkan fidyah, cara dan sasarannya. Selain itu disentuh juga tentang fidyah sembahyang dan iktikaf dengan dikatakan *qawl* yang muktamad dalam mazhab Shafi'i bagi mereka yang mati meninggalkan sembahyang dan iktikaf yang fardu tidak

⁵ *Ibid.*, h.5.

⁶ Al-Dimyāṭī, al-'Allāmah Abi Bakr 'Uthmān bin Muḥammad Syattā (1995), *Hāsyīyāh I'ānah al-Ṭālibīn*. Beirut : Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, j.2, h.407.

dikerjakan baginya dan juga tidak dibayarkan fidyah justeru tiada warid secara sabit daripada Rasulullah tentang hal tersebut.⁷

Beliau juga membawa dua *qawl* yang dikatakan daif tentang orang yang mati meninggalkan sembahyang iaitu yang pertama hendaklah dikerjakan baginya sembahyang oleh warisnya dan yang kedua dibayarkan fidyah satu *mud* bagi setiap sembahyang yang ditinggalkan.⁸

Kitab *Fūrū' al-Masā'il* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani terbitan Maktabah wa Matba'ah Dār al-Ma'ārif, Pulau Pinang, yang merupakan kitab fikah yang dipersembahkan dalam bentuk soal jawab ada menyebut tentang persoalan fidyah sama sebagaimana yang dikemukakan dalam kitab *Sabīl al-Muhtadīn* di mana ianya juga dikemukakan dalam bab puasa. Persoalan tentang fidyah sembahyang juga sama dengan apa yang dinyatakan dalam kitab tersebut.⁹ Kedua-dua kitab ini ada menyebutkan tentang Imam al-Subki yang mengerjakan penggantian sembahyang untuk keluarganya¹⁰. Namun kedua-duanya juga tidak membahaskan secara terperinci dalil-dalil yang berkaitan mengenainya terutama tentang fidyah sembahyang.

Dalam kitab *Majma' al-Anhar fi Sharḥ Multaqa al-Abḥar* karangan 'Abd al-Raḥman bin al-Shaykh Muḥammad bin Sulaymān seorang ulama mazhab Hanafī ada menyentuh tentang pembayaran fidyah bagi sembahyang. Kitab ini penulis muat turun daripada laman <http://www.maghrawi.net/> dalam bentuk perisian *Ms-Word*. Ia menerangkan tentang fidyah sembahyang dalam bab puasa. Beliau menyatakan sabitan

⁷ Lihat, Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (t.t), *Sabīl al-Muhtadīn Lī al-Tafaqquh Ft Ūmūr al-Dīn*. Singapura : Pustaka Nasional, j.2, h.152

⁸ Ibid.,h.153.

⁹ Lihat, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *Fūrū' al-Masā'il*. Pulau Pinang : Maktabah wa Maṭba'ah Dār al-Ma'ārif, j.1, h.220.

¹⁰ Dalam kitab-kitab tersebut hanya menyatakan *Imam al-Subki* mengerjakan qada sembahyang untuk ahli keluarganya dan bukannya membayarkan fidyah untuk mereka sebagaimana yang difahami oleh mereka yang mempertahankan amalan membayar fidyah sembahyang.

fidyah sembahyang berdasarkan *istihsān* dan juga hadis yang dikatakan daripada Nabi S.A.W yang berbunyi,

11

Walau bagaimanapun beliau tidak menyatakan sanad hadis tersebut melainkan hanya menyebutkan matannya sahaja. Demikian juga bagaimana *istinbat* hukum fidyah sembahyang berdasarkan *istihsan* tidak diperincikannya. Hal ini akan dibahaskan dalam bab 4 kajian ini.

Dalam kajian fikah perbandingan, terdapat sebuah kitab khusus yang membicarakan tentang penggantian ibadah yang mana membayar fidyah termasuk fidyah sembahyang dibahaskan di dalamnya. Kitab tersebut karangan seorang mufti bagi Angkatan Tentera Diraja Jordan, Nūh ‘Alī Sulaymān yang berjudul *Qadā` al-‘Ibādah wa al-Niyābah Fīhā*, terbitan Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, Amman, Jordan.

Persoalan fidyah sembahyang ada di sebutkan dalam bab kedua, persoalan ketiga tentang penggantian sembahyang di bawah tajuk kecil “*Memberi Makan Sebagai Ganti Sembahyang*”. Penulisnya menyatakan pandangan jumhur ulama yang tidak mengharuskan penggantian ibadat sembahyang bagi simati. Sedangkan bagi segolongan mazhab Hanafi, orang yang mati meninggalkan sembahyang dibayarkan fidyah untuknya kepada fakir miskin bagi setiap sembahyang yang ditinggalkannya. Penulis juga menyatakan dalil yang digunakan oleh segolongan ulama mazhab Hanafi itu berdasarkan *istihsan* lalu dinyatakan bentuk *istihsan* yang digunakannya.¹²

¹¹ ‘Abd al-Raḥman bin al-Shaykh Muḥammad bin Sulaymān (t.t), *Majma‘ al-Anhar fi Syarḥ Multaqa al-Abḥar*.t.t.p:t.p., h.33. Kitab dimuat turun dari, <http://www.maghrawi.net/modules.php?name=boocks&op=geninfo&did=868>, 11 September 2008, 10:24 am

¹² Nūh ‘Alī Sulaymān (1983), *Qadā` al-‘Ibādah wa al-Niyābah Fīhā*. Amman : Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, c.1., h.339-340.

Penulis juga membawakan pandangan mazhab Hanbali dan pandangan ulama awal mazhab Shafi‘i yang menyatakan tidak disembahyangkan dan dibayarkan fidyah bagi sembahyang wajib yang ditinggal manakala ulama terkemudian mazhab Shafi‘i sepakat dengan mazhab Hanafi.¹³

Selain itu, terdapat tiga kajian di peringkat ijazah pertama tentang fidyah. Kajian pertama dilakukan oleh Norsazali Abdullah pada tahun 1993 dengan latihan ilmiah bertajuk , “ *Amalan Fidyah : Cara dan Pelaksanaannya Di Dalam Masyarakat Islam Kini. Tumpuan kajian di Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.*”¹⁴

Dalam kajian ini beliau telah membahaskan topik fidyah secara umum bermula dari konsep ibadah dalam Islam, definisi fidyah dan *dalālahnya*, jenis-jenis dan sebab fidyah, perbezaan antara fidyah dan kafarah, hikmah pelaksanaannya, pelaksanaannya pada zaman Rasulullah SAW, serta penggunaan harta *tārikah* simati. Kemudian beliau membincangkan secara khusus tentang pelaksanaan fidyah di Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.¹⁵

Secara umumnya, beliau menyimpulkan bahawa pengetahuan tentang amalan fidyah tidak menyeluruh di samping beberapa praktik fidyah yang menurut pandangan beliau tidak menepati kehendak syarak yang sebenarnya¹⁶.

Kajian kedua yang dijalankan oleh Hissamuddin Ibrahīm pada tahun 2002 lebih mengkhususkan kepada amalan fidyah sembahyang dengan tajuk latihan ilmiahnya,

¹³ *Ibid.* h. 340.

¹⁴ Norsazali Abdullah (1993), “ *Amalan Fidyah : Cara dan Pelaksanaannya Di Dalam Masyarakat Islam Kini. Tumpuan kajian di Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.*” (Kertas Projek , Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).

¹⁵ *Ibid.*, h.1-62.

¹⁶ *Ibid.*, h. 75-107.

“*Pengamalan Fidyah Solat : Satu Kajian Hukum di Negeri Kedah*”.¹⁷ Beliau mengambil negeri Kedah sebagai lokasi utama kajiannya tentang fidyah solat berikutan amalan tersebut banyak dilakukan di sana.

Beliau telah memulakan kajiannya dengan mengulas mengenai fidyah dan perbezaannya dengan kafarah, membahaskan persoalan fidyah sembahyang dengan membawa pandangan pihak-pihak yang bersetuju dengan amalan fidyah sembahyang dan yang menentangnya.¹⁸ Walaupun kurang komprehensif ia membantu kita untuk memahami khilaf yang berlaku pada amalan fidyah sembahyang serta dari mana sumber pengambilan hukumnya.

Beliau juga membincangkan tentang pelaksanaan fidyah sembahyang dari segi waktu pembayaran, kuantiti, cara pengiraan menurut mazhab Hanafi dan mazhab Shafi‘i dan kaifatnya menurut kedua-dua mazhab tersebut.¹⁹ Beliau juga membincangkan tentang pemilihan mazhab dalam melaksanakan amalan ini serta hukum penggunaan emas, beras dan harga sebagai nilai kepada bayaran fidyah sembahyang selain menyatakan golongan yang berhak menerima fidyah.²⁰

Sebagai kesimpulannya, pokok perselisihan yang berlaku tentang pengamalan fidyah solat ini ialah kerana tidak kedapatan nas langsung daripada al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian beliau mengambil sikap berkecuali tanpa menyokong mana-mana pihak justeru baginya masing-masing mempunyai hujah tersendiri di samping menyarankan semua pihak bersikap *tasamuh* dalam menanggapi masalah ini. Secara

¹⁷ Hissamuddin Iberahim (2002), “*Pengamalan Fidyah Solat : Satu Kajian Hukum di Negeri Kedah*” (Kertas Projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁸ Ibid., h. 1-26.

¹⁹ Ibid., h.39-49

²⁰ Ibid., h.51-53.

umumnya, dapat difahami beliau memberikan pilihan kepada umat Islam untuk mengikut mana-mana pandangan yang dirasakan sesuai tanpa tuduh-menuduh antara satu sama lain.²¹

Walaupun kedua-dua kajian ini menyentuh tentang beberapa pandangan ulama mengenai fidyah sembahyang, ia tidak membahaskan secara terperinci apakah hujah-hujah yang digunakan oleh ulama yang mengharuskan fidyah sembahyang. Dalam kajian Norsazali, beliau hanya menyatakan sandaran hujah yang digunakan oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi berdasarkan hadis,

Hutang Allah lebih utama untuk dibayar

Dalam hal ini hutang sembahyang termasuk yang perlu dibayar seperti juga hutang haji dan puasa.²² Manakala kajian Hissamuddin hanya menyatakan pandangan ulama semata-mata tanpa sandaran dalil pengambilan hukumnya.

Kajian ketiga dijalankan oleh Norazlinda binti Mansur bagi melengkapkan pengajiannya untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dari Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian beliau yang bertajuk *Ahkam al-Fidyah fi al-Fiqh al-Islami* mengandungi 4 bab termasuk mukaddimah. Kajian ini hanya membahaskan mengenai fidyah puasa dan haji²³ sahaja tanpa menyentuh fidyah yang lain termasuk fidyah sembahyang.

Ia juga membahaskan kadar dan cara fidyah tersebut dikeluarkan serta pembahasan ulama dari empat mazhab mengenainya. Selain itu, beliau juga mengutip

²¹ *Ibid.*, h.56-59.

²² Norsazali Abdullah, *op.cit.*, h.32.

²³ Norazlinda binti Mansur (2008), "*Ahkam al-Fidyah fi al-Fiqh al-Islami*" (Kertas Projek, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia), h.34-42 dan h.50-58.

pandangan ulama kontemporari dalam masalah kadar pemberian fidyah.²⁴ Pada keseluruhannya kajian beliau hanya menyentuh tentang fidyah yang disepakati oleh ulama tanpa menyentuh hukum fidyah yang diperselisihkan kedudukannya oleh para ulama.

1.8 Metodologi Kajian.

Metodologi kajian akan meliputi dua perkara iaitu metod pengumpulan data dan metod penulisan dan pembahasan.

1.8.1. Metod Pengumpulan Data.

Pengumpulan data akan dilakukan melalui dua prosedur iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

1.8.1.1. Kajian Kepustakaan.

Kaedah kajian perpustakaan dilakukan dengan membuat bacaan dan rujukan daripada pelbagai bahan sumber seperti buku, jurnal, majalah, laman web dan apa-apa sahaja dokumen berkaitan kajian. Bagi mendapatkan bahan rujukan tersebut penulis menggunakan kemudahan di Perpustakaan Utama di Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Banting, Perpustakaan Maktabah Al-Bakakiah

²⁴ Ibid., h.60 – 74.

(perpustakaan keluarga penulis), koleksi bahan dan kitab Ust.Mohd. Zamri Shafik, pensyarah Darul Quran, Kuala Kubu Bharu.

Selain itu penulis menggunakan cakera padat (cd-rom) *al-Maktabah al-Fiqh wa Usulhi* yang memuatkan kompilasi buku-buku fikah muktabar. Penulis juga memuat turun buku-buku dalam bentuk dokumen (.doc) daripada laman web <http://saaaid.net/book/> dan <http://www.maghrawi.net/>, yang merupakan sebuah perpustakaan maya yang menyajikan beratus buku yang boleh dimuat turun dalam bentuk perisian elektronik²⁵. Penulis juga melayari laman-laman web berkaitan untuk mendapatkan pandangan para ulama kontemporari dalam permasalahan yang dikaji seperti laman web jabatan-jabatan mufti di Malaysia, Singapura dan Brunei selain laman web yang berautoriti seperti <http://www.islamonline.net> dan <http://www.islamic-fatwa.com>.

Melalui kaedah ini, penulis membuat pembacaan dan penelitian kepada nas al-Quran serta penafsirannya berdasarkan beberapa kitab tafsir yang muktabar manakala rujukan mengenai hadis-hadis akan dibuat terus kepada sumbernya serta bacaan kepada kitab-kitab fikah yang didapati. Bagi penterjemahan makna ayat-ayat al-Quran dalam kajian ini menggunakan terjemahan daripada program *Quran In Word Malay v.1.3*, manakala terjemahan hadis akan dibuat secara bebas dengan bantuan rakan-rakan yang mengajar Bahasa Arab selain semakan oleh penyelia.

Selain itu penulis juga membuat bacaan dan penelitian terhadap kitab-kitab *turath* pelbagai mazhab, kitab-kitab cabang dan sekunder, jurnal-jurnal dan rencana serta laman-laman web yang berautoriti.

²⁵ Kebanyakan buku-buku dalam laman web ini dalam bentuk dokumen (.doc) yang boleh dibuka dan dicetak menggunakan perisian MS-Word.

1.8.1.2. Kajian lapangan.

Ada beberapa prosedur kajian lapangan yang akan dijalankan, iaitu ;

- i. Kaedah observasi yang merupakan kaedah klasik yang sering digunakan dalam kajian saintifik,²⁶ iaitu pemerhatian dan pemantauan terhadap amalan yang sedang dikaji. Penulis menggunakan kaedah observasi penyertaan tanpa kawalan²⁷ dengan menghadiri sendiri upacara pembayaran fidyah samada yang dipraktikkan melalui kenduri arwah atau upacara khas secara jemputan tertentu. Semua upacara ini akan didokumentasikan samada melalui catatan dan / atau juga penggunaan alatan mekanikal seperti gambar foto dan rakaman audio visual.
- ii. Temubual, iaitu kaedah secara langsung mendapatkan maklumat secara dua hala yang berbentuk pandangan daripada responden²⁸. Teknik yang digunakan untuk mengadakan temubual ini ialah teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mana teknik ini termasuk dalam dalam kategori Persampelan Bukan Kebarangkalian. Teknik ini merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Justeru itu responden yang dipilih terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu;

²⁶ Ahmad Sunawari Long (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi : Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, h.50.

²⁷ Iaitu, pengkaji bertindak sebagai peserta dalam situasi tanpa kawalan dan berkongsi pengalaman dengan kumpulan yang dikaji. Lihat *ibid.*, h.51.

²⁸ *Ibid.* h.60.

- a. Pihak-pihak yang terlibat secara langsung membayar atau mengadakan upacara fidyah ini iaitu keluarga simati atau keluarga pesakit.
- b. Beberapa orang pemuka agama kampung seperti Imam dan nazir masjid, ulama-ulama, kiyai, ustaz dan ustazah serta pihak berkuasa Agama seperti pegawai Lembaga zakat Selangor Cawangan Banting dan Pegawai Tadbir Agama Daerah Kuala Langat. Antara para agamawan yang penulis temui ialah, Ustaz Hj. Sutjonoh bin Masut, mantan Pegawai Tadbir Agama Daerah Sepang; Ustaz Shafei Abdul Rahman, Graduan Fakulti Pengajian Islam UKM yang merupakan Pensyarah Kolej Komuniti Kuala Langat selain menjadi nazir Masjid Jamik Assolihin; Ustaz. Abdul Aziz Ismail, graduan Fakulti Pengajian Islam UKM, penduduk Kanchong Darat yang berkhidmat sebagai pendidik di Sekolah Menengah Telok Datok di samping bertugas sebagai Imam 2 di Masjid Jamik Assolihin; Ustaz. Hairul Azhar bin Kesot, Imam Besar Masjid Jamik Assolihin; Ustaz Hj. Salbini bin Hj. Ismail, mantan pengetua Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah, Kanchong Darat yang merupakan graduan dari Universiti al-Azhar. Tidak ketinggalan juga penulis menemui Pegawai Lembaga Zakat Selangor cawangan Banting untuk mendapatkan maklumat secara umum mengenai amalan fidyah di daerah Kuala Langat, khususnya kampung Kanchong Darat.

- c. Pihak yang lazimnya bertanggung jawab menyelenggarakan upacara membayar fidyah di Kanchong Darat iaitu, Tn.Hj. Abd. Majid bin Kambari, mantan Imam Besar Masjid Jamik Assolihin dan Tn.Hj. Sharif, mantan Bilal Masjid Jamik Assolihin.

Bagi menjamin kesahan dan ketepatan data yang diperoleh serta mencapai objektif kajian, hasil temubual akan didokumentasikan dalam bentuk catatan dan / atau rakaman elektronik. Semua temubual dilakukan secara individu melalui temubual berstruktur iaitu satu set soalan temubual yang seragam telah dibina untuk setiap kelompok.²⁹ Walau bagaimanapun, beberapa soalan spontan juga dikemukakan berdasarkan keperluan temu bual yang dijalankan.

1.8.2. Metod Penulisan dan Pembahasan

Kebanyakan data dan maklumat yang diperolehi akan diolah secara kualitatif kerana ia menggunakan fakta-fakta yang didapati daripada kaedah pengumpulan yang telah disebutkan di atas. Data yang berbentuk angka dan statistik akan dikemukakan secara kuantitatif berdasarkan carta dan jadual.

Manakala penulisan dan pembahasan akan dilakukan mengikut kaedah berikut;

- i. Deduktif atau *istinbat*,³⁰ iaitu menggambarkan kaedah umum yang ada kaitan dengan tulisan ini, dianalisis dan diambil kesimpulan secara khusus.

²⁹ Lihat lampiran 1.

³⁰ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel MULTIMEDIA AND PUBLICATION, h.82.

- ii. Induktif atau *istiqrā'*,³¹ iaitu menggambarkan kaedah khusus yang ada kaitannya dengan masalah yang penulis bahas, dianalisis kemudian diambil kesimpulan secara umum.
- iii. Komparatif atau *muqāranah*, iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap setiap fakta dan maklumat atau data yang diperolehi.

1.9. Sistematika Penulisan

Penulisan disertasi kajian ini dibahagikan kepada 5 bab. Setiap bab akan dipecahkan kepada sub-sub topik berkaitan dengan tajuk utama bab-bab tersebut .

³¹ *Ibid.*

BAB 2

FIDYAH MENURUT HUKUM ISLAM

2.1. TAKRIF FIDYAH

Fidyah berasal daripada kosa kata Arab dari kata akar yang terdiri daripada tiga huruf

iaitu *fā*, *dāl* dan huruf *mu'tal* (فدى) ³² yang menerbitkan kata (, فداء , يفدى , فدى

مفاداة)³³. Ia bermaksud menebus.³⁴ Kalimah ini terpakai pada beberapa ayat al-Quran

dalam pelbagai bentuk kata sesuai dengan tujuan maksudnya iaitu ;

(لِيَفْتَدُوا)⁴⁰, (لَأَفْتَدُوا)³⁹, (أَفْتَدْتِ)³⁸, (أَفْتَدِي)³⁷, (تُفْتَدُوهُمْ)³⁶, (وَفَدَيْتَهُ)³⁵,

(يَفْتَدِي)⁴¹, (فِدَاءٌ)⁴² dan (فِدْيَةٌ)⁴³.

Berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang digunakan dalam al-Quran tersebut, ia merujuk kepada penebusan dalam perkara ibadah (puasa dan haji) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 184 dan 196 selain dalam perkara munakahat (*khul'*) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 229. Selain itu ia juga digunakan dalam beberapa ayat yang

³² Ibn al-Husayn Ahmad bin Fāris bin Zakariyyā (1971), *Mu'jam Maqāyis al-Lughah* . Mesir : Mustafa al-Bābi al-Halabī, h.483.

³³ Ibn al-Manzūr (t.t), *Lisān al-'Arab*.Kaherah : Dar al-Ma'arif, j.5, h.3366.

³⁴ Hj.Othman b. Hj.Khalid et.al (2006), *Qamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1742.

³⁵ Al-Saffat : 107.

³⁶ Al-Baqarah : 85.

³⁷ Ali Imran : 91.

³⁸ Al-Baqarah : 229 dan Yunus : 54.

³⁹ Al-Ra'd : 18 dan Al-Zumar : 47.

⁴⁰ Al-Ma'idah : 36.

⁴¹ Al-Ma'arj : 11.

⁴² Muhammad : 4.

⁴³ Al-Baqarah : 184 , 196 dan Al-Hadid : 15.

menerangkan tentang penebusan pada hari akhirat seperti dalam surah Ali Imran ayat 91 dan lain-lain.

Al-Jurjānī menyatukan kalimah (الفدية) dan (الفداء) dalam mentakrifkannya yang bermaksud ”sesuatu ganti yang membersihkan dengannya seseorang mukallaf daripada perkara-perkara yang tidak disukai yang dipertanggung jawabkan kepadanya”⁴⁴

Kata (فدية) jamaknya (فديات) yang bermaksud penebusan⁴⁵ digunakan secara khusus untuk *fiqh al-‘ibadah*. Fidyah ialah segala sesuatu yang dipergunakan untuk menebus dirinya, baik merupakan harta atau lainnya yang dilakukan kerana terjadinya kekurangan dalam salah satu amal ibadahnya.⁴⁶ Walaupun dalam beberapa hal ia sama dengan kafarah⁴⁷ al-Hulaymi membezakan fidyah dengan kafarah justeru kafarah tidak diwajibkan melainkan pada dosa yang telah dilakukan⁴⁸ sedangkan fidyah merupakan bayaran denda untuk sesuatu amal ibadat yang tertinggal atau dilaksanakan secara tersalah.⁴⁹

Dalam bab puasa ia merupakan tebusan dengan memberi makan kepada orang-orang fakir dengan satu kadar ukuran tertentu makanan asasi untuk setiap hari puasa ditinggalkan,⁵⁰ manakala dalam bab haji fidyah ialah dam.⁵¹

2.2. DALIL-DALIL TENTANG FIDYAH.

⁴⁴ Al-Jurjānī, Abī al-Hasan ‘Alī bin Muhammad bin ‘Alī al-Husaynī (2003), *Al-Ta’rifāt*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, h.167.

⁴⁵ Al-Marbawī, Muhammad Idrīs ‘Abd al-Ra’ūf (1350 H), *Qāmūs Idrīs Al-Marbawī ‘Arabī – Malāyūwī*. Mesir : Mustafa al-Bābi al-Halabī, j.1, h.81.

⁴⁶ Al-Ṣābūni, Muhammad ‘Ali (1980), *loc.cit*.

⁴⁷ *ibid*.

⁴⁸ Al-Zarkashī, Abī ‘Abd Allāh Badr al-Dīn Muhammad (2000), *al-Manthūr fi al-Qawā‘id Fiqh Shāfi‘i*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, j.1, h.153.

⁴⁹ Zanatī, Anwār Mahmūd (t.t) *al-Rashīd Mu‘jam al-Mustalahāt al-Islāmiyyah*. t.t.p : t.p. h.76.

⁵⁰ Dr. Mustafa al-Khin et.al.(1998), *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhhab al-Imam al-Shafi‘i*. Damsyik : Dar al-Qalam, c.3., h.350.

⁵¹ Hj. Abd.Ghani bin Yahya (1959), *Suluh Maṭla‘ al-Badrayn*. Singapura : Al-Ahmadiyah Press, h. 93.

Dalil-dalil pensyariatian fidyah terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis. Selain itu para Imam Mujtahidin juga sepakat (ijmak) tentang pensyariatian fidyah. Dalil daripada al-Quran dan al-Hadis adalah seperti berikut;

2.2.1. Fidyah Puasa.

Dalil al-Quran.

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ وَعَلَىٰ
الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ ۚ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُ ۗ وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ
لَّكُمْ ۚ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

(Iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barang siapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin. Barang siapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui..

Surah Al-Baqarah (2) : 184.

Ayat di atas menunjukkan hukum-hukum mengenai *rukhsah* atau keringanan yang diberikan kepada orang yang berpuasa dan apa yang perlu dilakukan oleh mereka. *Rukhsah* ini diberikan kepada orang sakit, musafir dan juga orang yang tidak berupaya. Bagi orang yang tidak berupaya dikehendaki membayar fidyah kepada orang miskin sebagaimana dinyatakan dalam ayat:

وَعَلَىٰ الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ

Kalimat berakar dari kata *يطيق* – iaitu kata dasar dari kata kerja

اطاق yang bermaksud kemampuan mengerjakan sesuatu.⁵² Dalam ayat lain Allah berfirman:

رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۗ

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya.

Surah al-Baqarah (2) : 286

Dalam bahasa Arab apabila dikatakan *اطاق الشيء* ia merujuk kepada orang yang kekuatan serta kemampuannya telah mencapai puncak kelemahan sehingga menderita kesukaran dan kesusahan untuk melakukannya.⁵³

Al-Raghib al-Asfahani mengatakan bahawa *طاقه* ialah pengertian bagi sesuatu ukuran yang orang masih mampu untuk melakukannya tetapi dengan kesusahan dan kepayahan seumpama dengan gelang yang melingkari sesuatu justeru kalimat ini berasal dari kata *طوق* iaitu gelang.⁵⁴ Di sana terdapat qiraat lain seperti riwayat daripada Ibn ‘Abbās yang membaca *يطوقونه* dengan *fatḥah* (baris atas) *tā* (ط) dan *tasydīd* (sabdu *wāw* (و)).⁵⁵ Manakala Mujāhid meriwayatkan bacaan *يطيقونه* (baris atas pada *ي*) dan ianya adalah batil.⁵⁶

Al-Tabarī telah membawakan sejumlah riwayat yang banyak tentang ayat ini yang menunjukkan bahawa ia telah dimansuhkan secara umum kecuali untuk mereka yang tua dan sakit berpanjangan.⁵⁷ Demikian juga dalam kitab-kitab tafsir yang lain.⁵⁸

⁵² Al-Sabuni (1980), *loc. cit.*

⁵³ *ibid*

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Al-Qurṭubī, Muhammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farh (1372H), *al-Jamī‘ li Aḥkām al-Qur‘ān*. Kaḥerah : Dār al-Sha‘b, Jil.2, h.274.

⁵⁶ *ibid.*

⁵⁷ Al-Tabarī, Abu Ja‘far Muhammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khālid (1405H), *Jamī‘ al-Bayan ‘An Ta‘wīl Ay al-Qur‘ān*. Beirut : Dār al-Fikr, j.2, h.131-133

Antaranya riwayat daripada Mu‘ādh bin Jabal⁵⁹ yang menyatakan ketika ayat ini turun mensyariatkan puasa pada bulan Ramadan, ia memberikan pilihan samada hendak berpuasa atau tidak. Yang tidak mahu berpuasa bolehlah berbuka dan memberi makan kepada orang miskin (fidyah). Kemudian Allah mewajibkan berpuasa kepada orang yang sihat bermukim dan menetapkan kelonggaran kepada orang tua yang tidak mampu berpuasa dengan membayar fidyah dengan turunnya ayat :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَن
 شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ
 بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ
 وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu, barang siapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan barang siapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.

Surah al-Baqarah (2) : 185

Ibn ‘Abbās pula menyatakan ayat tersebut (al-Baqarah : 184) turun sebagai *rukhsah* kepada orang-orang tua dan lemah untuk berbuka lantaran tidak mampu untuk

⁵⁸ Antaranya lihat, Ibn Kathīr, Abi al-Fida` Isma‘il (2000), *Tafsīr al-Qur`ān al-‘Aẓīm*. Jizah : Mu`assasah Qurtubah, c.1, j.2, h.175-179 ; Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakr dan Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Muhalla (t.t), *Tafsīr al-Imamayn al-Jalalayn*.t.t.p : Dar Ibn Kathir, h.28; dll.

⁵⁹ al-Tabarī (1405H), *loc. cit.*

berpuasa, kemudian dinasakhkan dengan ayat selanjutnya (al-Baqarah : 185). Maka terhapuslah *rukhsah* tersebut melainkan untuk yang lemah daripada mereka.⁶⁰ Demikian juga riwayat daripada Ibn ‘Umar yang menyatakan pemansuhan tersebut.⁶¹

Dalam ayat ini juga jelas bahawa fidyah itu ialah *طعام مسكين* iaitu memberi makan kepada orang miskin satu *mud* daripada makanan asasi sesebuah negeri pada setiap hari yang ditinggalkan puasanya itu.⁶²

Dalil al-Hadis.

Antaranya:

63

Qutaybah telah menceritakan kepada kami, ‘Abthar bin al-Qasim telah menceritakan kepada kami, daripada Ash‘ath, daripada Muhammad daripada Nafi’, daripada ibn ‘Umār r.a. , bahawasanya nabi SAW sabdanya; ”Barangsiapa yang mati sedangkan dia masih mempunyai puasa Ramadan , hendaklah diberi makan seorang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkan bagi pihaknya.”

64

⁶⁰ al-Qurtubī (1372H), *loc.cit.*

⁶¹ Ibn Kathīr (2000), *loc.cit.*

⁶² al-Jalalyn (t.t.), *loc.cit.*

⁶³ H.R. al-Tirmidhī no. 718. Lihat, al-Tirmidhī, Muhammad bin Abū ‘Īsā (t.t.), *Sunan al- Tirmidhī*. Beirut : Dār Ihyā al-Turāth al-‘Arabī, j.3, h.96.

⁶⁴ Hadis riwayat Abi Dawūd no. 2401. Lihat, al-Sajistānī, Sulaymān bin al-Ash‘ath Abū Dawūd (t.t), *Sunan Abi Dawūd* . t.t.p:Dār al-Fikr, Jil.2, h.315.

Muhammad bin Kathir telah menceritakan kepada kami, Sufyan telah memberitahu kami daripada Abi Husayn, daripada Sa'id bin Jubayr, daripada ibn 'Abbās r.a. katanya; Apabila seseorang itu sakit pada bulan Ramadan kemudian mati dan dia tidak berpuasa, hendaklah diberi makan bagi pihaknya.

2.2.2. Fidyah Haji.

Dalil daripada al-Quran:

وَأَتُمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۖ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَن تَمَتَّع بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ ۚ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۗ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ۗ ذَٰلِكَ لِمَن لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٦٦﴾

Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah karena Allah. Jika kamu terkepung (terhalang oleh musuh atau karena sakit), maka (sembelihlah) korban yang mudah didapat, dan jangan kamu mencukur kepalamu, sebelum korban sampai di tempat penyembelihannya. Jika ada di antaramu yang sakit atau ada gangguan di kepalanya (lalu ia bercukur), maka wajiblah atasnya berfidyah, yaitu: berpuasa atau bersedekah atau berkorban. Apabila kamu telah (merasa) aman, maka bagi siapa yang ingin mengerjakan umrah sebelum haji (di dalam bulan haji), wajiblah ia menyembelih) korban yang mudah didapat. Tetapi jika ia tidak menemukan binatang korban atau tidak mampu), maka wajib berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari (lagi) apabila kamu telah pulang kembali. Itulah sepuluh (hari) yang sempurna. Demikian itu (kewajiban membayar fidyah) bagi orang-orang yang keluarganya tidak berada (di sekitar) Masjidilharam (orang-orang yang bukan penduduk kota Mekah). Dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah sangat keras siksaan-Nya.

- Surah al-Baqarah (2) : 196.

2.2.3. Fidyah Sembahyang

Tidak kedapatan dalil yang *qat'i* (jelas) daripada al-Quran tentang hukum membayar fidyah bagi mereka yang meninggalkan sembahyang justeru ia merupakan ibadat yang tidak ada *rukhsah* padanya untuk ditinggalkan. Dalam al-Quran Allah SWT hanya menyatakan tentang fidyah puasa dan haji sahaja sebagaimana yang telah dihuraikan di atas.

Manakala daripada al-hadis pula, 'Abd al-Rahman bin al-Shaykh Muhammad bin Sulayman dalam kitab syarahnya ketika menerangkan tentang dibayarkan fidyah simati yang meninggalkan sembahyang telah memetik satu hadis yang dijadikan sandaran tentang fidyah sembahyang dengan mengatakan, sabda Nabi SAW,

65

*Tidak berpuasa seseorang untuk seorang yang lain
dan tidak bersembahyang seseorang untuk orang lain
melainkan diberi makan (bagi pihaknya).*

Perbahasan lanjut mengenai hadis ini akan dikemukakan dalam bab 4.

2.3. JENIS-JENIS DAN SEBAB-SEBAB FIDYAH.

Dalam perbahasan fikah, terdapat beberapa jenis fidyah yang terbahagi kepada fidyah yang disepakati pensyariatannya oleh para *fuqaha`* dan fidyah yang tidak disepakati oleh ulama tentang pensyariatannya. Fidyah yang disepakati oleh para ulama ialah fidyah

⁶⁵ 'Abd al-Rahman bin al-Shaykh Muhammad bin Sulayman (t.t), *loc.cit.*

puasa dan haji manakala fidyah yang menimbulkan khilaf di kalangan para ulama ialah fidyah sembahyang dan iktikaf.

Untuk perbahasan lebih lanjut ia dapatlah diperincikan seperti berikut;

2.3.1. Jenis-jenis dan Sebab-sebab Fidyah yang disepakati.

a. Fidyah Puasa.

Fidyah puasa ialah memberi makan kepada orang-orang fakir dengan satu *mud* makanan asasi untuk setiap hari puasa wajib yang ditinggalkan dengan sebab-sebab tertentu. Puasa wajib ialah puasa pada bulan Ramadan, puasa kafarah dan puasa nazar. Terdapat beberapa sebab puasa wajib yang ditinggalkan oleh seseorang yang dikenakan fidyah.

i. Meninggalkan puasa kerana tua.

Lelaki dan wanita yang terlalu tua dan merasa lemah untuk berpuasa dan jika berpuasa akan menimbulkan kesusahan (*mashaqqah*) atau mudarat kepada diri dan kesihatan mereka boleh meninggalkan puasa dan menggantikannya dengan membayar fidyah iaitu memberi makan kepada orang miskin bagi setiap hari yang ditinggalkannya.

Demikian diriwayatkan daripada ‘Alī bin Abī Talib, Abī Hurayrah, Anas bin Mālik, Sa‘īd bin Jubayr, Tāwūs, Abū Hanīfah, al-Thawrī dan al-

Awzā'ī.⁶⁶ Menurut Imam Malik tidak wajib puasa dan juga tidak dikenakan fidyah. Daripada al-Shafi'i terdapat dua pendapat sesuai dengan dua pendapatnya (*qadīm* dan *jadīd*)⁶⁷ yang mana pendapatnya yang pertama sama dengan Malik.⁶⁸ Yang lebih zahir dalam mazhab Shafi'i wajib dibayar fidyah untuk mereka dengan kadar satu *mud*.⁶⁹

ii. Meninggalkan puasa kerana sakit kronik.

Sakit kronik⁷⁰ ialah orang yang sakit berkepanjangan dan tidak dapat diharapkan sembuh menurut pengalaman atau pengesahan para pakar perubatan bolehlah dia berbuka yakni tidak berpuasa dan membayar fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan.⁷¹ Hukum ini telah disepakati oleh mazhab yang lima kecuali Imam Ahmad yang "menyukai" bukan "mewajibkan" fidyah.⁷²

iii. Meninggalkan puasa kerana mengandung dan menyusukan anak.

Terdapat beberapa keadaan orang yang mengandung dan menyusukan anak meninggalkan puasa. Pertama, meninggalkan puasa kerana takutkan keselamatan anak yang dikandung. Dalam hal ini menurut jumhur selain

⁶⁶ Ibn Qudāmah, Abī Muhammad 'Abd Allāh bin Aḥmad (1992), *al-Mughnī*, c.2. Kaherah : Hajar Li , j.4, hh 395 – 396.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ al-Dimashqī, Abi 'Abd Allāh Muhammad bin 'Abd al-Rahman (1996), *Rahmat al-Ummah fī Ikhtilaf al-A'immaḥ*. Beirut:Dār al-Fikr, h.66.

⁶⁹ al-Nawawī, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (t.t.), *Minhāj al-Tālibin wa 'Umdat al-Muftīn*. Beirut:Dar al-Ma'rifah, h.37. Lihat juga, al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (1400H), *Ahkām al-Qur'ān*. Beirut : Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, j.1,h.108.; Dr. Muṣṭafa al-Khīn et.al.(1998), *loc.cit.*

⁷⁰ Kronik merupakan kata pinjaman dari kosa kata Bahasa Inggeris *chronic* yang bermaksud (tentang sakit atau permasalahan) berkepanjangan pada suatu masa yang lama.Lihat Catherine Soannes and Sara Hawker (ed.) (2005), *Compact Oxford English Dictionary*.edisi 3. Oxford : Oxford University Press, h.170.

⁷¹ Ibn Qudāmah (1992), *loc.cit.*

⁷² Muhammad Jawad Mughniyyah (1984), *al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Khamsah*. Beirut : Dār al-Jawad, h.151.

ulama Hanafi, wajib ke atas mereka membayar fidyah dan juga qada pada tiap-tiap hari puasa yang ditinggalkannya itu.⁷³

Kedua, meninggalkan puasa kerana takutkan kemudaratan pada dirinya sendiri atau kedua-duanya iaitu takut ke atas diri mereka dan anak yang dalam kandungan. Mereka hanya perlu qada sahaja tanpa dikenakan fidyah. Ia merupakan pendapat semua ulama.⁷⁴

Ketiga, meninggalkan puasa kerana *rukhsah* sebagai musafir atau sakit. Jika perempuan yang hamil atau menyusui anak itu sedang dalam musafir ataupun sakit, lalu mereka berbuka puasa dengan berniat rukhsah atas sebab musafir atau sakit, bukan kerana takut akan kemudaratan kepada anaknya, maka diwajibkan ke atas mereka mengqada puasa itu tanpa membayar fidyah di hari-hari puasa yang ditinggalkan ketika musafir itu. Jika mereka berbuka kerana takut akan kemudaratan anaknya dan bukan berbukanya itu atas *rukhsah* musafir atau sakit, menurut pendapat yang *asah* dia juga tidak diwajibkan membayar fidyah.⁷⁵

iv. **Menta'khirkan qada puasa.**

Orang menangguhkan qada puasanya sehingga tiba bulan Ramadan berikutnya, maka dia akan dikenakan fidyah bagi setiap hari yang ditangguhkan. Demikian menurut pendapat jumhur.⁷⁶ Bersalahan dengan pendapat ulama Hanafi yang tidak mewajibkan fidyah untuk mereka.⁷⁷

⁷³ Al-Zuhayli, Dr. Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik : Dar al-Fikr, j.1, h.688.

⁷⁴ *ibid.*

⁷⁵ Al-Nawawī, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (1996), *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadḍah*, j.6. Beirut : Dār al-Fikr, h.272 & 375

⁷⁶ Al-Zuhaylī (1985), *op.cit.*,h.688-689

⁷⁷ *ibid*

Munurut pendapat yang *asah* dalam mazhab Shafi'i ia akan menjadi berganda jika bertambah pula tahun penangguhannya bersalahan dengan pandangan ulama Maliki dan Hanbali yang mewajibkan fidyah sekaligus sahaja.⁷⁸

b. Fidyah Haji.

Fidyah haji ialah dam sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Ia adalah denda tebusan yang dilakukan dengan sebab melakukan perkara-perkara berikut ;

- i. **Mengerjakan haji secara *tamattu'* dan *qirān* bagi mereka yang bukan warga Masjidil-Haram.**⁷⁹ *Tamattu'* ialah mengerjakan umrah sehingga selesai sebelum mengerjakan haji pada tarikh 8 Zulhijjah. Manakala *Qirān* pula ialah mengerjakan haji dan umrah sekaligus dengan berniat haji dan umrah sedangkan pekerjaan yang dijalankan dengan mencukupkan haji.
- ii. **Tidak mengerjakan wajib haji.** Wajib haji adalah seperti berikut ;
 - a. Berihram di *miqāt* (batasan tempat atau masa melakukan ihram).
 - b. Bermalam di Muzdalifah sesudah wukuf pada malam 10 Zulhijjah.
 - c. Bermalam di Mina selama dua atau tiga malam iaitu pada hari-hari Tasyrik.
 - d. Melontar Jamrah Jamrah al-‘Aqabah pada 10 Zulhijjah.
 - e. Melontar ketiga-tiga Jamrah al Ula, Jamrah al Wusta dan Jamrah al-‘Aqabah pada 11,12 dan 13 Zulhijjah.
 - f. Meninggalkan segala perkara yang diharamkan ketika dalam ihram.

⁷⁸ *ibid.*

⁷⁹ Al-Dimashqī (1996), *loc.cit.*

- iii. **Melanggar larangan semasa ihram**, iaitu ;
- a. Memakai pakaian yang berjahit ketika dalam ihram bagi lelaki dan ini disepakati oleh semua imam.⁸⁰
 - b. Menutup kepala bagi lelaki dan muka bagi perempuan. Ini juga disepakati oleh para imam. Al-Shafi‘i dan Abu Hanifah membolehkan berpayung dengan sesuatu yang tersentuh dengan kepalanya. Sedangkan Malik dan Ahmad tidak membolehkannya.⁸¹
 - c. Menggunakan bahan-bahan yang mengandungi bau-bauan seperti minyak wangi dan seumpamanya. Demikian pendapat al-Shafi‘i, Malik dan Ahmad. Abu Hanifah membolehkan wangian kasturi di kain, berdupa dengan kayu cendana, meletakkan bauan pada makanan dan memakai bunga-bunga yang berbau.⁸² Shafi`i, Malik dan Ahmad membolehkan orang berhram mandi dengan menggunakan daun bidara manakala Abu Hanifah mengingkarinya.⁸³
 - d. Menggunting atau menggugurkan rambut. Para ulama khilaf dalam menentukan jumlah helainya. Al-Shafi`i menetapkan sekurang-kurangnya tiga helai. Abu Hanifah menetapkan seperempat kepala manakala daripada Ahmad terdapat dua *qawl*, tiga helai dan seperempat kepala. Malik menetapkan seluruh kepala.⁸⁴
 - e. Memotong kuku sama ada kuku tangan atau kaki.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid.*

⁸² *Ibid.*

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ *Ibid.*

- f. Percumbuan yang membangkitkan syahwat dan ghairah antara pasangan suami isteri. Al-Shafi'i mensyaratkan sehingga keluar air mani manakala Hanafi menyatakan samada ia keluar air mani atau tidak.
- g. Memburu binatang yang halal dimakan dagingnya. Hukum ini disepakati oleh para Imam. Abu Hanifah memasukkan semua binatang termasuk yang liar dan tidak halal dimakan kecuali beruang.⁸⁵
- h. Memotong pohon-pohon yang tumbuh di Tanah Haram.
- i. Bernikah, menikahkan atau berwakil nikah.
- j. Melakukan hubungan seksual.

iv. Terhalang perjalanan hajinya.

Orang yang terhalang hajinya kerana sebab-sebab *syar'ī*.

2.3.2. Jenis-jenis dan Sebab-sebab Fidyah yang tidak disepakati.

Selain daripada hukum mengenai fidyah yang disepakati oleh ulama tentang kewujudannya dalam fikah, terdapat beberapa jenis fidyah yang menjadi pertikaian di kalangan para ulama iaitu fidyah sembahyang fardu, sembahyang witir dan iktikaf. Walau bagaimanapun, tidak ada nas yang sarikh dari al-Quran dan al-Sunnah bagi menyokong hujah ini secara terus.

Menurut pendapat yang terpilih dalam mazhab Shafi'i, tidak ditunaikan sembahyang dan iktikaf fardu yang tidak dikerjakan semasa hidup oleh seseorang yang

⁸⁵ *Ibid.*

mati samada dengan diqadaknya atau dibayarkan fidyahnya. Ini kerana tiada nas yang warid daripada Rasulullah mengenainya.⁸⁶

Namun di sana ada pandangan yang dianggap *da'if*⁸⁷ menyatakan dibayarkan fidyah bagi setiap sembahyang yang ditinggalkan itu satu *mud* dan juga dibayarkannya fidyah bagi iktikaf fardu yang ditinggalkan simati sehari semalam satu *mud*.⁸⁸ Imam Nawawi juga ada menaqalkan daripada al-Baghawi mengenai pembayaran fidyah sembahyang berasaskan kepada pendapat al-Shafi'i tentang fidyah iktikaf.⁸⁹ Mereka tidak mengemukakan sebarang hujah melainkan hanya menaqalkan pandangan sebahagian ulama sahaja.

Ada pandangan yang cuba menyandarkan amalan fidyah ini kepada pendapat Imam al-Subki. Ia dikatakan terdapat dalam *I'arah al-Talibin* yang merupakan syarah kepada *Fath al-Mu'in*. Sebenarnya Imam al-Subki mengqadakan sembahyang sebahagian ahli keluarganya dan bukannya membayar fidyah sebagaimana dalam teks,

90

Perkataan _____ merujuk kepada _____ iaitu sembahyang simati diqadakan, bukan dibayarkan fidyah.

Adapun teks selanjutnya,

91

⁸⁶ Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (t.t.), *op.cit.* h.152. Lihat juga , al-Sharbīnī, al-Shaykh Muḥammad al-Khatīb (t.t), *Mughnī al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'anī Alfaz al-Minhaj*. t.t.p : Dar al-Fikr, j.1, h.439; Al-Dimyāṭī (1995), *op.cit.*, h.407.; Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *op.cit.*, h.220.

⁸⁷ *ibid.*

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ al-Nawawi (1996), *op.cit.*,h. 430

⁹⁰ Al-Dimyāṭī, al-'Allāmah Abi Bakr 'Uthmān bin Muhammad Syattā (1995),*loc.cit.*

yang menyatakan tentang fidyah tidak merujuk kepada pandangan Imam al-Subki.

Imam Ahmad bin Hanbal ketika ditanya tentang seorang yang sakit meninggalkan sembahyang lalu mati menyatakan, tidak diqadakan untuknya bahkan tidak wajib ke atasnya sesuatu⁹² iaitu tidak diqada atau dibayarkan fidyah baginya. Sebahagian ulama Hanbali pula menetapkan agar sembahyang nazar yang tidak dapat ditunaikan kerana mati agar diqadakan tanpa membayar kafarah.⁹³

Dalam Mazhab Hanafi, terdapat beberapa buah kitab yang menyebutkan tentang fidyah sembahyang antaranya dalam *Hashyiah Ibn 'Abidin*⁹⁴. Dikatakan juga Ibn 'Abidin ada mengarang sebuah risalah tentangnya yang dikutip pula oleh al-Shaykh Muhammad Mukhtār bin 'Utarid dalam *Risalah al-Wahbah al-Ilahiyyah*⁹⁵. Terdapat beberapa lagi kitab dalam mazhab Hanafi yang menyebutkan tentang keharusan membayar fidyah ini atas *dalalah istihsan*.⁹⁶ Dalam *Fatawa Hindiyyah*, ada menyatakan tentang cara pembayaran fidyah sembahyang. Namun demikian ia juga memetik riwayat daripada al-Hasan bin 'Ali, Khumayr al-Wabari dan Abu Yusuf bin Muhammad tentang tidak harus dan tidak wajib dibayar fidyah bagi sembahyang yang ditinggalkan oleh simati.⁹⁷

⁹¹ *Ibid.*

⁹² 'Abd Allāh bin Ahmad (1981), *Masa'il al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut:al-Maktab al-Islami, c.1. j.1, h.178.

⁹³ Nūḥ 'Alī Sulaymān (1983), *op.cit.*,h.340.

⁹⁴ Muhammad Amin (1386H), *Hashiyah Rad al-Mukhtar 'Ala al-Dar al-Mukhtar Sharh Tanwīr al-Absar*. Beirut: Dar al-Fikr, , c.2, j.2, h.73.

⁹⁵ Lihat, Al-Shaykh Muḥammad Mukhtār bin 'Uṭarid (1330H), *op.cit.*, h.1.

⁹⁶ Lihat, Zain bin Ibrahim bin Muhammad bin Muhammad bin Bakr (t.t), *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah,., j.4. h.117; Al-Tahtawi al-Hanafi, Ahmad bin Muhammad bin Isma'il (1318H), *Hashiyah 'ala Muraqi al-Falah Sharh Nur al-Idah*. Mesir: Maktabah al-Babi al-Halabi, c.3, hh.284-285;

⁹⁷ Mawlana Shaykh Nizam (2000), *al-Fatawa al-Hindiyyah*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, c.1, j.1, h.138.

2.3.3. Pandangan Ulama Kontemporari Tentang Fidyah Solat.

Beberapa institusi fatwa di Malaysia telah memberikan pelbagai pandangan mengenai fidyah solat. Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis berpendapat tiada fidyah dalam kes meninggalkan sembahyang.⁹⁸ Ia disokong oleh fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang menyatakan pendapat yang muktamad ialah pendapat yang mengatakan sembahyang itu tidak dibayar fidyah.⁹⁹

Penulis juga menghubungi pihak Majlis Ugama Islam Singapura untuk bertanyakan pendapat mereka mengenai fidyah solat melalui e-mail dan jawapan yang diterima sependapat dengan fatwa negeri Perlis dan Pulau Pinang. Mereka menyatakan,

”Fidyah adalah hanya untuk membayar semula kewajipan puasa yang ditinggalkan ketika bulan Ramadan. Oleh itu, tidak terdapat fidyah bagi solat kerana apabila seorang itu meninggal dunia, tidak diwajibkan keatas ahli warisnya bersolat untuknya.”¹⁰⁰

Berbeza dengan Jabatan Mufti Kedah yang membolehkan fidyah solat dan tidak menganggapnya ia suatu *bid'ah* dengan syarat-syarat tertentu.¹⁰¹

Seorang ulama dan penulis terkenal dari Indonesia, Kiyai Haji Muammal Hamidy, ketika diajukan soalan mengenai fidyah sembahyang menyatakan tidak ada contoh daripada Nabi Muhammad tentang pembayaran fidyah sembahyang sedangkan ia merupakan ibadah *mahdah* yang mesti mengikut perbuatan nabi.¹⁰²

⁹⁸ http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/mufti/fatwa_warta_view.asp?keyID=433, 26 NOV 2007. Lihat lampiran 2

⁹⁹ http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=523, 26 Novemberr 2007. Lihat lampiran 3.

¹⁰⁰ Lihat lampiran 5.

¹⁰¹ http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa_id=48 29 Oktober 2008. Lihat lampiran 4.

¹⁰² KH Muammal Hamidy, Dialog Agama, Majalah Al-Falah, September 2007, Surabaya : Yayasan Dana Sosial Al-Falah, Edisi 234, h. 16.

Para ulama semasa Arab Saudi seperti Shaykh ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd Allah Bin Baz, Shaykh ‘Abd al-Raziq ‘Afifi, Shaykh ‘Abd Allah bin Qu‘ud dan Shaykh ‘Abd Allah bin Ghudyen ketika ditanya berkaitan orang yang meninggalkan sembahyang tidak pernah menyatakan tentang ianya perlu dibayar ganti dengan fidyah justeru mereka berpegang kepada pendapat orang yang meninggalkan sembahyang secara sengaja tanpa uzur sebagai kafir.¹⁰³

Bahkan mereka berpendapat tidak ada qada` bagi sembahyang yang ditinggalkan kerana sengaja kecuali sembahyang yang ditinggalkan kerana keuzuran seperti tertidur atau terlupa. Mereka yang meninggalkannya secara sengaja hendaklah bertaubat nasuha kepada Allah serta membanyakkan amalan saleh , berdoa dan bersedekah.¹⁰⁴

Mufti Kesultanan Oman, Shaykh Ahmad bin Hamad al-Khalili menyatakan, sembahyang tidak boleh diganti dengan kafarah dan yang lain walaupun beliau ada mengutarakan khilaf ulama tentang kafarah meninggalkan sembahyang samada diwajibkan atau tidak. Ada pandangan yang mengatakan wajib kafarah bagi setiap sembahyang yang ditinggalkan, manakala yang lain mengatakan wajib membayar lima kafarah bagi setiap satunya dan ada pula yang menyamakan dengan kafarah bersetubuh ketika puasa Ramadan.¹⁰⁵

Al-Shaykh Muhammad Abu Zahrah berpendapat amalan membayar fidyah sembahyang tidak mempunyai asal-usulnya secara mutlak dan sahih pada hukum syarak.

¹⁰³ Lihat fatwa-fatwa mereka dalam ,al-Duwaisi, Al-Shaykh Ahmad bin ‘Abd al-Razzaq (ed.) (t.t), *Fatawa al-Lujnah al-Da’imah li al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifa’*. Kaherah: Dar Ibn al-Haytham, hh.195 – 206.

¹⁰⁴ *Ibid.*

¹⁰⁵ al-Khalili, Shaykh Ahmad bin Hamad (2003), *al-Fatawa*. ‘Oman : al-Maktab al-Fanni Li al-Ajyal, h.115.

Sembahyang adalah ibadat *badaniyyah* yang tidak gugur kewajibannya melainkan ditunaikan oleh para *mukallaf*.¹⁰⁶

Tidak banyak yang dapat kita temui para ulama kontemporari yang menyatakan bahawa solat itu boleh digantikan dengan fidyah di mana kebanyakan daripada mereka lebih cenderung untuk mengatakan bahawa tidak mungkin solat itu dapat digantikan dengan sebarang bentuk gantian.

2.4. KAEDAH PELAKSANAAN FIDYAH MENURUT HUKUM FIKAH.

Terdapat beberapa kaedah pembayaran fidyah yang dilakukan menurut hukum fikah mengikut kesalahan masing-masing.

2.4.1. Fidyah puasa.

Para ulama sepakat tentang fidyah puasa, iaitu memberi makan kepada fakir miskin dengan kadar secupak makanan asasi sesebuah negeri bagi setiap hari yang ditinggalkan. Sebagai contoh jika meninggalkan puasa selama lima belas hari, maka fidyah yang dikeluarkan ialah lima belas cupak.

Hal ini bersandarkan kepada dalil al-Quran:

فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ

(Membayar) fidyah kepada orang miskin
- Surah al-Baqarah (2) : 184

Adalah jelas dalam ayat tersebut menyatakan fidyah puasa itu adalah untuk orang miskin. Bahkan dalam hadis-hadis Nabi juga secara terang menyatakan bahawa fidyah itu

¹⁰⁶ Dr.Muhammad ‘Uthman Shabir (2006), *Fatawa Al-Shaykh Muhammad Abu Zahrah*. Damsyik: Dar al-Kalam, c.1, h.189-190.

hanya untuk orang miskin dan tiada keterangan yang menyatakan untuk mereka yang lain seperti asnaf zakat yang lapan.

2.4.2. Fidyah Haji.

Sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini, fidyah haji ialah bayaran denda bagi beberapa perkara tertentu yang dilakukan ketika menunaikan ibadat haji. Terdapat berbagai cara bayaran denda yang juga disebut sebagai dam mengikut kesalahan yang dilakukan.

- a. **Mengerjakan haji secara *Tamattu'* atau *Qiran*.** Damnya ialah menyembelih seekor kambing yang sah untuk dibuat korban dan disedekahkan kepada fakir miskin atau menggantikannya dengan berpuasa selama sepuluh hari dengan tiga hari dikerjakan pada waktu haji dan tujuh hari ketika berada di tanah air.¹⁰⁷
- b. **Tidak mengerjakan wajib haji.** Damnya sama dengan mengerjakan haji secara *Tamattu'* atau *Qiran* di atas.¹⁰⁸
- c. **Melanggar larangan semasa ihram.** Dalam hal ini terdapat beberapa bentuk dam yang dikenakan mengikut kesalahan yang dilakukan ;¹⁰⁹
 - i. **Melakukan hubungan seks dengan sengaja.** Damnya dilakukan secara *tartib*, iaitu ; Menyembelih seekor unta atau lembu jika tidak didapati unta atau boleh juga diganti dengan tujuh ekor kambing jika lembu juga tidak diperolehi. Jika tidak dapat

¹⁰⁷ Mustafa al-Khin et.al (1998), *op.cit.* h.417

¹⁰⁸ *ibid.*

¹⁰⁹ *ibid.*, h.418 - 422

- dilakukan, berpuasa dengan kadar satu *mud* bagi setiap hari. Kadar *mud* tersebut berdasarkan harga haiwan yang disembelih.
- ii. **Membunuh binatang buruan di Tanah Haram.** Damnya ialah dengan menyembelih binatang yang serupa atau hampir serupa dengan binatang yang dibunuhnya. Jika tidak diperolehi, wajib dikeluarkan sedekah makanan kepada fakir miskin sebanyak nilai harga binatang yang dibunuhnya. Jika tidak, wajib berpuasa berpuasa dengan kadar satu *mud* bagi setiap hari yang mana kadar *mud* tersebut berdasarkan harga haiwan yang disembelih.
 - iii. **Memotong pohon-pohon yang ada di tanah suci.** Damnya ialah dengan menyembelih unta atau lembu jika pohon yang dipotong itu merupakan pohon yang besar mengikut '*urf*'. Jika pohon yang dipotong itu kecil maka cukup dengan seekor kambing.
 - iv. **Larangan lain.** Bagi larangan dalam ihram yang lain daripada yang disebutkan di atas, maka damnya ialah menyembelih seekor kambing atau memberi makan kepada enam orang fakir miskin.
- d. **Terhalang perjalanan hajinya.** Bagi mereka yang terhalang perjalanan hajinya sedangkan sudah dalam ihram atau terhalang penyempurnaan hajinya kerana sebab-sebab terhalang di jalan maka damnya ialah dengan menyembelih seekor kambing di tempat terhalangnya itu dan kemudiannya bolehlah memotong rambut atau mencukurnya dengan niat *tahallul*.

2.4.3. Cara Membayar Fidyah sembahyang dan iktikaf.

Fidyah sembahyang dan iktikaf bagi ulama yang mewajibkannya sama dengan fidyah puasa iaitu dibayar dengan makanan untuk fakir miskin dengan kadar satu *mud* bagi setiap sembahyang yang ditinggalkan manakala bagi iktikaf ialah satu *mud* bagi setiap hari iktikaf wajib yang tidak dikerjakan.¹¹⁰

Jika simati meninggalkan sembahyang sebanyak 200 waktu, maka fidyah yang dikeluarkan ialah 200 *mud* makanan asasi negara berkenaan. Dalam konteks Malaysia ialah beras. Begitu juga dengan iktikaf, jika 15 hari, maka fidyah yang dikeluarkan ialah 15 *mud* beras. Kadar satu *mud* itu adalah bersamaan dengan 15 tahil atau kira-kira 567 gram.¹¹¹

Dalam kitab *Risālah al-Wahbah al-Ilāhiyyah* pula menyatakan, bagi setiap sembahyang fardu yang ditinggalkan dikeluarkan fidyahnya satu *kilah*¹¹² mengikut ukuran mazhab Shafi'i. Oleh kerana amalan fidyah ini bertaklid kepada mazhab Hanafi, maka dikeluarkan fidyah sembahyang itu sehari semalam enam *kilah* iaitu ditambah dengan sembahyang witr yang dianggap wajib dalam mazhab tersebut.¹¹³

¹¹⁰ Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (t.t), *op.cit.* h.153

¹¹¹ Lihat, Pejabat Mufti Brunei (t.t), "Fidyah Puasa dan Permasalahannya", *Irsyad*, Bil.331, Bahagian Akhir, h.6. Dalam Kamus *Al-Miftah* menyatakan satu *mud* bersamaan 543 gram = 0.687 liter. Lihat Mohd Khairi Zainudin, et.al (2008), *Al-Miftah Mu'jam 'Asri 'Arabi Malayuwi Injlizi*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise, c.2, h.1579

¹¹² *Kilah* ialah bekas untuk sukatan yang kadar ukuran satu *kilah* bersamaan dengan lapan cupak. Lihat Hj.Othman b. Hj.Khalid et.al (2006), *op.cit.*, h.2045.

¹¹³ Muhammad Mukhtār bin 'Uṭarid (1330H), *op.cit.*, h.4.

2.5. FAKIR DAN MISKIN MENURUT HUKUM FIKAH.

Berdasarkan dalil al-Quran, terdapat dua keadaan manusia dari segi sosio-ekonomi yang dianggap tidak berkemampuan iaitu fakir dan miskin. Justeru itu mereka merupakan antara orang yang berhak menerima zakat. Firman Allah;

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Surah Al-Taubah (9) : 60.

Dalam ayat lain, Allah S.W.T berfirman;

﴿ لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أَحْصَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ
مَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ
إِلْحَافًا وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴾

(Berinfaklah) kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak dapat (berusaha) di muka bumi; orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya karena memelihara diri dari minta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.

Surah Al-Baqarah (2) : 273

Beberapa riwayat daripada Rasulullah S.A.W ada menyatakan tentang golongan fakir dan miskin ini, antaranya ;

114

Dari 'Ubayd Allah bin 'Adi r.a.; Bahawasanya dua orang lelaki mengkhabarkan kepadanya bahawa mereka berdua telah datang kepada Rasulullah SAW semasa haji wida' untuk meminta bahagian daripada zakat, maka baginda melihat mereka berulang-ulang dan ternyata bahawa mereka itu adalah orang-orang gagah, maka baginda SAW bersabda : Kalau kamu mahu, aku akan memberinya, tetapi orang yang mampu, dan yang kuat yang dapat berusaha tidak ada hak menerima zakat.

115

Dari Abi Hurayrah r.a., Bahawasanya Nabi SAW bersabda : Bukanlah dinamakan miskin orang-orang yang berkeliling mengemis kepada manusia, yang diberinya sesuap dua makanan ; sebiji atau dua biji tamar, tetapi dinamakan miskin ialah orang-orang yang tidak mendapat kecukupan dan tidak diketahui orang pula tentang kemiskinannya itu, lalu orang memberinya sedekah dan dia tidak keluar mengemis.

¹¹⁴ Hadis riwayat Imam Ahmad no.22958. Lihat, Ahmad bin Hanbal, al-Imam (1995), *al-Musnad*. Kaherah : Dar al-Hadith, c.1, j.16, h.512-513.; Al-Nasa'i no.2597. Lihat, al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (1998), *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', j.2, h.228.

¹¹⁵ Hadis Riwayat Bukhari no.1479.Lihat al-Bukhari, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il (1400H), *al-Jami' al-Sahih*. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, j.1, h.458.dan Muslim, Imam Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj (t.t.), *al-Jami' al-Sahih*. t.t.p: al-Taba'ah al-Turkiyah , j.3, h.95..

Dari Qabisah bin Mukhariq Al-Hilali r.a., beliau berkata ; Rasulullah SAW bersabda ; Sesungguhnya meminta-minta itu tidak halal kecuali bagi salah satu dari tiga orang ini; orang yang menanggung hutang orang lain, maka hal baginya mengemis, sehingga dia dapat membayar hutang itu. Kemudian dia hendaklah berhenti dari mengemis. Dan orang yang kena bencana sehingga habis semua hartanya, maka halal baginya mengemis sehingga dia mendapat penghidupan yang tetap. Dan orang yang tertimpa kesengsaraan sehingga tiga orang yang berakal dari kaumnya berkata ; Sungguh si fulan telah ditimpa kesengsaraan, maka halal baginya meminta-minta sehingga dia mendapatkan sandaran hidup yang tetap. Adapun selain daripada itu hai Qabisah, adalah haram dan orang yang makan harta itu bererti makan yang haram.

2.5.1. Fakir dan miskin menurut pandangan fuqaha`.

Oleh kerana al-Quran menyebutkan fakir dan miskin secara berasingan, maka tentulah kedua-dua golongan tidak sama sebagaimana yang biasa difahami. Dalam perundangan Islam, setiap golongan mempunyai takrif masing-masing yang membezakan di antara mereka.

Para *fuqaha`* berbeza pendapat dalam mentakrifkan fakir dan miskin. Imam Abu Hanifah menyatakan fakir ialah orang yang memiliki sedikit daripada nisab harta, atau yang memiliki harta yang cukup nisab tetapi tidak cukup untuk memenuhi keperluannya,

¹¹⁶ HR Abi Dawūd no. 1640. Lihat, *op.cit.*, h.285. ; Al-Nasa'i no.2578, 2579. Lihat, al-Albani (1998), *op.cit.*, h.221-222.

ataupun nisab hartanya banyak tetapi tidak cukup untuk keperluannya, maka tidak wajib baginya mengeluarkan zakat kerana dia adalah fakir malah berhak pula untuk menerima zakat. Manakala miskin pula ialah mereka yang tidak memiliki apa-apa.¹¹⁷ Dengan erti kata lain, fakir ialah yang mempunyai sebahagian keperluannya tetapi tidak mempunyai sebahagian yang lain manakala orang miskin tidak punya apa-apa.¹¹⁸

Imam Malik pula menyatakan, fakir ialah mereka yang memiliki harta sedikit daripada kecukupan umum¹¹⁹ manakala miskin ialah orang yang lebih terdesak keperluannya daripada faqir.¹²⁰ Manakala dalam mazhab Imam Ahmad bin Hanbal pula berpendapat fakir ialah mereka yang tidak memiliki apa-apa ataupun tidak memiliki setengah daripada keperluannya dan miskin ialah mereka yang memiliki setengah daripada keperluannya ataupun lebih.¹²¹

Imam Shafi'i menyatakan bahawa orang fakir ialah orang yang tiada berharta dan tiada pekerjaan yang berhasil baginya pada suatu masa atau bukan pada suatu masa samada dia mengemis atau tidak suka mengemis. Orang miskin pula ialah orang yang mempunyai harta atau pekerjaan yang berhasil baginya dan tidak mencukupi samada ia mengemis atau tidak mengemis.¹²²

Secara ringkasnya, fakir di sisi Abu Hanifah dan Malik ialah mereka yang mempunyai sebahagian daripada keperluannya dan miskin pula ialah mereka yang tidak

¹¹⁷ Al-‘Ainani, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad (1990), *al-Banayah fi Sharh al-Hidayah*. Beirut : Dar al-Fikr, c.2, j.3, h. 526. Lihat juga al-Jaziri, ‘Abd al-Rahman (1987), *Kitab al-Fiqh ‘Ala al-Mazahib al-Arba‘ah*. Kaherah : Dar al-Rayyan, h. 4

¹¹⁸ As-Siddiqy, Prof.Dr.T.M. Hasbi (1983), *Hukum-hukum Fiqih Islam*. Jakarta : Bulan Bintang, h.175

¹¹⁹ Al-Qarafi, Shihab al-Din Ahmad bin Idris (1994), *Al-Dhakhirah*. Beirut : Dar al-Gharb al-Islami, c.1, j.4, h.144. Juga Al-Jaziri, *loc.cit*.

¹²⁰ *Ibid*.

¹²¹ Al-Bahuti, Mansur bin Yunus (t.th), *al-Rawd al-Murabbi’ Sharh Zad al-Mustaqni’*. t.t.p.: Dar Mu‘ayyad, h. 219. Juga, al-Najdi, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim al-‘Asimi (1398H), *Hashiyah al-Rawd al-Murabbi’ Sharh Zad al-Mustaqni’*. t.t.p : t.p., c.1, j.1.3, h.310

¹²² al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (2001), *al-Umm*. Mesir : Dār al-Wafā', c.1, j.3, h.182.

punya apa-apa manakala fakir di sisi Ahmad dan Shafi'i ialah mereka yang tidak punya apa-apa sedangkan miskin ialah mereka yang memiliki sebahagian daripada keperluannya.¹²³

Daripada huraian di atas, pendapat Imam Abu Hanifah lebih kurang sama dengan pendapat Imam Malik dan begitu juga pendapat Imam Ahmad bin Hanbal lebih kurang sama dengan pendapat Imam Shafi'i. Pendapat Hanafi dan Maliki adalah kebalikan kepada pendapat Hanbali dan Shafi'i yang mana fakir bagi Hanafi dan Maliki ialah miskin bagi Hanbali dan Shafi'i dan begitulah sebaliknya.

2.5.2. Fakir dan miskin menurut pandangan mazhab Shafi'i

Al-Jaziri menukilkan pendapat al-Shafi'i tentang fakir dan miskin sebagaimana yang telah disebutkan di atas sebagai berikut - fakir ialah mereka yang tidak memiliki harta dan tiada kerjaya yang halal atau mempunyai harta dan pekerjaan yang halal tetapi tidak mencukupi kerana ianya sedikit daripada setengah keperluan dan tidak ada orang yang memberinya nafkah yang kecukupan. Miskin pula ialah mereka yang mempunyai harta atau kerjaya halal yang hanya memenuhi setengah keperluan hidup atau lebih daripada sebahagian setengah (tetapi masih belum memenuhi keperluan penuh).¹²⁴

Status kefakiran dan kemiskinannya tidak terhapus dengan adanya rumah yang selayaknya bagi mereka, atau mempunyai pakaian yang seumpamanya walaupun pakaian itu untuk keanggunan. Demikian juga tidak terhapus status fakir dan miskin perempuan yang memakai barang kemas sekadar keperluan perhiasan mengikut adat atau mereka mempunyai kitab-kitab yang diperlukan untuk muzakarah dan rujukan. Begitu juga jika mereka memiliki hasil usaha dari yang haram, atau harta yang berada jauh dua marhalah

¹²³ Ad-Dimashqi (1996), *op.cit.*,h.64

¹²⁴ Al-Jaziri (1987), *Op.cit.*

atau lebih, atau piutang pada orang yang tertanggung. Semuanya ini tidaklah menghalang mereka mendapat bahagian zakat atas sifat fakir dan miskin.¹²⁵

Imam Nawawi menyatakan bahawa orang yang fakir ialah mereka yang tidak kuasa bekerja untuk perbelanjaannya sehari-hari, tidak dengan harta dan tidak pula dengan usaha.¹²⁶ Manakala miskin pula ialah mereka yang berupaya untuk bekerja mencari keperluan hidup sehari-hari namun tidak cukup untuk memenuhi keperluannya.¹²⁷

Dalam *Kifayah al-Akhyar* menyatakan bahawa fakir itu ialah mereka yang tidak punya harta dan pekerjaan atau mempunyai harta atau pekerjaan tetapi tidak dapat menampung keperluannya. Sebagai contoh seseorang yang keperluannya sepuluh tetapi hanya mempunyai dua dirham.

Status kefakiran mereka tidak terangkat walaupun mereka mempunyai tempat tinggal, beberapa helai pakaian sekalipun pakaian cantik untuk hari-hari tertentu (seperti Hari Raya), memiliki hamba yang diperlukan sebagai pelayan, mempunyai harta sejauh dua marhalah, mempunyai harta di tempat yang dia tidak dapat mengambilnya kerana halangan sesuatu, mempunyai harta piutang yang belum sampai masa pembayaran dan mempunyai pekerjaan yang tidak selayaknya.¹²⁸

Orang miskin pula ialah orang yang memiliki harta atau kerjaya yang dapat memenuhi keperluannya tetapi masih belum cukup. Misalnya dia mempunyai keperluan

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ Al-Nawawī, Imam Abi Zakariyya Yahya bin Sharaf (t.t), *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab Li al-Shirazi*. Jeddah : Maktabah al-Irshad, j.6, h.169.

¹²⁷ *Ibid.*, h.177.

¹²⁸ Al-Husayni, al-Imam Taqiy al-Din Abi Bakr bin Muhammad (2001), *Kifayah al-Akhyar fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.277. Lihat juga, Al-Bujayrami, Shaykh Sulayman bin Muhammad bin 'Umar (1996), *Hashiyah al-Bujayrami 'ala al-Khatib*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, c.1, j. 3, h.79-82.

10 tetapi hanya mempunyai 8 dan ia tidak mencukupi sekalipun dia memiliki harta lebih daripada satu nisab.¹²⁹

Dalam *Fath al-Qarib* pula menjelaskan, fakir dalam bab zakat ialah mereka yang tidak mempunyai harta dan tidak mempunyai penghasilan tertentu yang sekira-kira dapat memenuhi keperluannya, manakala fakir 'araya (عراي) ialah orang yang sama sekali tidak mempunyai wang.

Manakala miskin pula ialah orang yang mempunyai harta atau penghasilan yang tidak cukup untuk memenuhi keperluannya seperti orang yang memerlukan 10 dirham tetapi hanya memiliki 7 dirham.¹³⁰

Berdasarkan kepada beberapa huraian dalam kitab-kitab mazhab Shafi'i di atas, dapatlah kita simpulkan bahawa fakir dan miskin mempunyai beberapa ciri. Ciri-ciri bagi seorang yang dikatakan fakir ialah;

1. Tidak mempunyai apa-apa harta yang dalam *Fath al-Qarib* dikatakan fakir 'araya (عراي).
2. Tidak mampu berkerjaya.
3. Jika ada harta atau hasil kerjayanya tidak cukup setengah dari keperluan hidup

Manakala ciri-ciri miskin pula ialah;

1. Ada harta dan kerjaya
2. Harta dan kerjayanya tidak memenuhi keperluan hidup
3. Harta atau kerjayanya hanya memenuhi setengah atau lebih dari keperluan hidup.

¹²⁹ *Ibid.* h. 278.

¹³⁰ Al-Ghazi al-Shafi'i, Shams al-Din Abu 'Abdillah Muhammad bin Qasim (t.t), *Fath al-Qarib al-Mujib*. Singapura: Dar al-Tiba'ah al-Misriyyah al-Kubra, h.25.

2.6. PEMBAYARAN FIDYAH DALAM BENTUK NILAI MAKANAN.

Dalam ayat berkenaan fidyah, perkataan (طعام مسكين) jelas menunjukkan bahawa fidyah itu hendaklah dikeluarkan dalam bentuk memberi makan kepada orang-orang miskin. Hal ini samalah dengan pembayaran zakat yang mana hukum asalnya ialah mengeluarkan zakat dalam bentuk benda yang dizakatkan. Menurut Al-Sharbini: *وجنسها أي الفدية جنس الفطرة*:¹³¹ Maksudnya: "Jenis (makanan) fidyah itu ialah jenis (makanan) fitrah." Dalam masalah zakat fitrah, pembayaran dalam bentuk nilai wang menimbulkan perdebatan di kalangan para ulama.

Para *fuqaha`* khilaf dalam memberikan pandangan mereka mengenai masalah ini. Sebahagian daripada mereka membenarkan pembayaran zakat dalam bentuk nilai mata wang tanpa sebarang alasan. Pandangan ini adalah pendapat mazhab Hanafi . Pandangan mereka disandarkan kepada *qawl* beberapa orang sahabat seperti ‘Umar dan anaknya ‘Abd Allah bin ‘Umar, Ibn ‘Abbas, Ibn Mas‘ud dan Mu‘adh r.a.¹³² Sebahagian yang lain tidak membenarkan pembayaran dalam bentuk nilai mata wang sebagaimana pandangan mazhab Shafi‘i dan juga al-Zahiri. Demikian pendapat dalam mazhab Maliki dan Hanbali. Walau bagaimanapun terdapat pandangan dalam mazhab mereka yang membenarkan pembayaran dalam bentuk nilai mata wang dalam kes-kes tertentu dan

¹³¹ Al-Sharbini, al-Shaykh Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib (1997), *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifah Ma‘ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, c.1, j.1, h.646.

¹³² Al-‘Aini, Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad (1980), *Al-Banayah Fi Sharh Al-Hidayah*. Beirut : Dar Al-Fikr, j.3, h.408

bukan dalam semua keadaan.¹³³ Demikianlah halnya fidyah yang disandarkan kepada zakat.

Walaupun dalam mazhab Shafi‘i yang menjadi amalan penduduk Nusantara tidak membenarkan zakat atau fidyah dibayar dengan nilai wang, namun sesetengah pihak berkuasa agama membenarkan kita untuk bertaqlid kepada mazhab Hanafi dengan mengharuskan pembayaran melalui mata wang sebagai nilai bagi zakat atau fidyah yang dikeluarkan. Ini dinyatakan dalam Fatwa kerajaan Brunei Darussalam¹³⁴ yang sejalan dengan fatwa negeri Pulau Pinang¹³⁵ Manakala fatwa negeri Selangor menetapkan tidak boleh dibayar fidyah menggunakan nilai duit sebagai ganti beras.¹³⁶

¹³³ Al-Qaradawi, Dr. Yusuf, (t.t), *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Beirut : Dar al-Irsyad, j.2 h.948-951. Lihat juga al-Subki, Mahmud Muhammad al-Khattab (1991), *al-Din al-Khalis*. t.t.p : al-Maktabah al-Mahmudiyah al-Subkiyyah, c.5., j.8., h.255.

¹³⁴ Lihat, Pejabat Mufti Brunei (t.th), “Membayar Fidyah Puasa:Memadaikah Dengan Wang?”, *Irsyad*, Bil.265, h.6.

¹³⁵ http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=612. 26 November 2007. Lihat lampiran 3.

¹³⁶ http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=1172. 26 November 2007. Lihat lampiran 6.

BAB 3

AMALAN FIDYAH PENDUDUK KANCHONG DARAT

3.1. PROFIL KAMPUNG KANCHONG DARAT

3.1.1. Lokasi Geografi dan Geopolitik.

Kampung Kanchong Darat terletak di antara garis lintang utara 2°48' dan 2°45'.¹³⁷ Ia merupakan salah sebuah kampung tradisional yang terletak di sebuah negeri paling maju di Malaysia iaitu Selangor Darul Ehsan. Kedudukannya amat strategik kerana berada di dalam daerah Kuala Langat yang terletak di pinggir Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya dan Lembah Klang. Malahan daerah ini terletak di kawasan yang termasuk akan dibangunkan sebagai Lembah Klang ke-2.

Dari segi persempadanan pilihan raya, Kanchong Darat terletak dalam kawasan kerusi Parlimen P.45 Kuala Langat dan kerusi Dewan Undangan Negeri N.58 Morib. Kedudukan kampung ini hanya sekitar 60 km dari Putra Jaya dan 80 km dari Kuala Lumpur. Ia juga terletak bersempadan dengan Pekan Banting yang merupakan pusat pentadbiran dan komersial daerah Kuala Langat selain dekat dengan pusat peranginan Pantai Morib dan Pantai Kelanang yang menjadi tumpuan pelancong pada musim cuti persekolahan.

¹³⁷ *Google Earth Plus*, dari <http://kh.google.com>.

3.1.2. Sejarah Kampung.

Berdasarkan cerita orang tua-tua, Kampung Kanchong Darat dipercayai dibuka pada tahun 1904 oleh sekumpulan pendatang dari Tanah Jawa, Indonesia. Kawasan yang mula-mula sekali dibuka ialah di sebelah Kanchong Bengkok, yang terletak di hujung kampung yang ada sekarang.¹³⁸

Setelah itu, ramai lagi yang datang dari Tanah Jawa untuk mendiami kampung ini yang menyebabkan ia terus berkembang. Pada tahun 1911 terdapat 20 keluarga telah mendiami kampung Kanchong Darat. Selain orang Jawa, beberapa keluarga Banjar yang juga berasal dari Indonesia turut mendiami kampung ini.¹³⁹

Asal usul nama kampung tidak dapat diketahui dengan tepat. Ada yang mengatakan nama asalnya Kanchong Bengkok. Selain itu, Polis Benggali yang berpengkalan di Jugra¹⁴⁰ pada masa itu telah sedia menyebut penempatan ini sebagai Kanchong Darat. Dipercayai nama ini lanjutan daripada nama kampung Kanchong Laut yang telah wujud terlebih dahulu. Justeru kedudukan kampung ini jauh ke darat, dinamakanlah ia sebagai Kanchong Darat.¹⁴¹

3.1.3. Populasi

a. Bilangan Penduduk, Komposisi Etnik dan Agama.

¹³⁸ *Buku Himpunan Profil Kanchong Darat*, t.t.p : t.p , Fail 1/11, h. 3.

¹³⁹ *Ibid.*

¹⁴⁰ Pada masa itu Jugra merupakan pusat pemerintahan negeri Selangor sebelum berpindah ke Klang semasa pemerintahan al-Marhum Sultan Sir Alaeddin Suleiman Shah. Lihat Khazin Mohd.Tamrin (2005), "Perkembangan Petempatan dan Masyarakat", dalam Abdullah Zakaria Ghazali *et.al.* (eds), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*, c.1. Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, h.64 dan 104.

¹⁴¹ *Buku Himpunan Profil Kanchong Darat*, Fail 1/11, h.4.

Menurut bancian JKKK pada tahun 1999 penduduk Kanchong Darat berjumlah 7,808 orang.¹⁴² Etnik terbesar yang mendiami kampung ini ialah orang Melayu yang didominasi oleh suku Jawa diikuti oleh Banjar dan Melayu. Bakinya ialah etnik Cina yang membuka premis komersial di hujung kampung (Kanchong Bengkok – pusat asal kampung), etnik India, pendatang dari Kemboja dan juga beberapa orang Pakistan yang sebahagiannya telah mendapat kewarganegaraan, warga pendatang Indonesia dan Melayu Thai yang mencari rezeki di sini.

Berikutan itu, komposisi agama yang terbesar di Kanchong Darat ialah Islam Sunni selain kepercayaan orang Cina dan agama Hindu yang dianuti oleh sebahagian besar etnik India. Hampir keseluruhan penduduk Islam di Kanchong Darat mengamalkan Mazhab Shafi'i. Hanya pendatang Pakistan yang dikenal pasti mengamalkan Mazhab Hanafi. Terdapat beberapa orang penduduk yang dikatakan berfahaman Wahabi tetapi tidak memberikan impak kepada amalan majoriti yang berpegang teguh dengan Mazhab Shafi'i.

Oleh kerana majoriti penduduk dari suku Jawa, banyak amalan yang disandarkan kepada keagamaan dipengaruhi oleh adat kebiasaan masyarakat tersebut.¹⁴³ Antaranya seperti amalan *tahlilan* (kenduri arwah selepas kematian) yang dibuat pada malam pertama hingga ke malam ketujuh (*mitung bengi*), malam keempat puluh (*matang puluh*), malam keseratus (*nyatus*) dan malam keseribu (*nyewu*). Kemudian ia menjadi amalan tahunan khusus pada bulan Syaaban yang dipanggil bulan *Ruwah* (bulan para arwah) dalam kalendar Jawa¹⁴⁴ sebagai kenduri *unggah-unggahan*.

¹⁴² *Ibid.*,h.10.

¹⁴³ Berdasarkan pengalaman penulis sebagai anak jati Kanchong Darat.

¹⁴⁴ Kalendar Jawa mengikut kiraan bulan-bulan Islam tetapi nama bulan-bulannya diJawakan; *Suro* (Muharram),*Sapar* (Safar), *Mulud* (Rabiul Awal), *Bakda Mulud* (Rabiul Akhir), *Jumadil Ngawal*, *Jumadil*

Selain itu, terdapat juga amalan adat yang lain seperti *mapati* (kenduri selamat untuk ibu yang mengandung empat bulan), *mitoni*¹⁴⁵ (kenduri selamat untuk ibu yang mengandung tujuh bulan), diikuti pula dengan upacara *mumputi* (bercukur jambul) setelah kelahiran bayi yang diserikan dengan bacaan Barzanji serta salawat dan kemudiannya upacara *bancaan* (kenduri kecil sempena bayi memijak tanah).

Adakalanya amalan-amalan agama dilakukan mengikut kiraan tertentu berdasarkan tarikh dan hari menurut apa yang dinamakan *kalendar pasaran Jawa*.¹⁴⁶ Sebagai contoh, pada malam Jumaat *Kliwon*¹⁴⁷ di surau atau madrasah tertentu akan diadakan upacara *tawasulan*, iaitu membaca wirid-wirid dan doa-doa tertentu dengan dipimpin oleh *Kiyai-kiyai* (gelaran bagi ulama dalam terminologi Jawa seperti Tuan Guru bagi masyarakat Melayu) yang mana dalam doa tersebut mereka akan bertawasul dengan nama-nama seperti Nabi Muhammad, Siti Khadijah, Fatimah al-Zahra, Hassan dan Hussein, tidak ketinggalan tokoh-tokoh pengembang Islam di Tanah Jawa seperti wali-wali sembilan,¹⁴⁸ Raden Fatah,¹⁴⁹ Fatimah Gondosari¹⁵⁰ dan lain-lain.

Ngakhir, Rejeb, Ruwah (Syaaban), *Poso* (Ramadan), *Sawal, Zulkagedah* dan *Besar* (Zulhijjah). Untuk lebih lanjut lihat, Ir.H.Wibatsu Harianto S (2003), *Almanak Mahadewa* 2004. Tangerang: Penerbit Cakrawala.

¹⁴⁵ Jika mengikut adat asal dari Tanah Jawa, *Mapati* dan *Mitoni* bukan hanya kenduri doa selamat tetapi merupakan satu upacara khas yang dilakukan oleh ibu yang mengandung. Namun upacara khas tersebut sudah tidak lagi dilakukan oleh generasi muda di kampung ini melainkan kenduri doa selamat sahaja. Untuk lebih lanjut mengenai adat-adat Jawa ini boleh lihat, Thomas Wiyasa Bratawijaya (1997), *Mengungkap dan Mengenal Budaya Jawa*, Jakarta : PT Pradnya Paramita.

¹⁴⁶ Dalam *kalendar pasaran Jawa*, terdapat lima *pasaran* hari yang berkitar berterusan iaitu *Legi, Pahing, Pon, Wage* dan *Kliwon*. Lihat, Ir.H.Wibatsu Harianto S (2003), *op.cit.h.2*.

¹⁴⁷ *Kliwon* merupakan salah satu lima pasaran hari yang menurut kepercayaan Jawa malam Jumaat *Kliwon* merupakan satu malam yang istimewa selain malam penuh mistik. Lihat *ibid*.

¹⁴⁸ Sembilan orang pengembang Islam di Jawa, iaitu; Maulana Malik Ibrahim, Sunan Bonang, Sunan Gunung Jati, Sunan Kali Jaga, Sunan Drajat, Sunan Kudus, Sunan Giri, Sunan Muria dan Sunan Ampel. Lihat, Haji Abd.Halim Bashah (t.t), *Wali Songo Dengan Perkembangan Islam Di Nusantara*, Kota Bharu : Al-Kafilah Enterprise, h. 87 – 122.

¹⁴⁹ Pengasas Kesultanan Demak. Lihat, *ibid*.

¹⁵⁰ Isteri kepada Sunan Gunung Jati yang merupakan puteri kepada Sultan Demak. Lihat, *ibid*.

b. Sosio Ekonomi Penduduk

Kebanyakan penduduk kampung Kanchong Darat ialah petani yang menghasilkan tanaman kelapa sawit dan kopi. Terdapat sebuah kilang kopi FAMA di kampung ini selain beberapa orang penduduk Cina yang membeli biji-biji kopi daripada penduduk untuk diproses. Selain itu, terdapat beberapa penduduk yang mengusahakan tanaman ubi kayu dan sayur-sayuran. Terdapat 7 buah industri kecil dan sederhana iaitu kilang makanan ringan yang berasaskan ubi kayu, pisang, keledak dan lain-lain selain dua buah bengkel batu ukir konkrit dan kilang perabot yang kesemuanya diusahakan oleh pengusaha bumiputra.

Selain itu, terdapat juga beberapa penduduk kampung yang mengusahakan ternakan ayam kampung, lembu, kambing dan cacing tanah. Malah, salah seorang penternak cacing tanah di kampung ini telah menjadi usahawan yang berjaya apabila cacing-cacing tanah dan baja organik yang terhasil daripadanya dieksport ke Jepun. Sebahagian kecil penduduk mengusahakan perniagaan pelbagai bidang. Kanchong Darat boleh dikatakan sebagai syurga makanan kerana di sepanjang jalan besar yang merentasi kampung terdapat lebih 17 buah restoran dan warung makanan pelbagai citarasa. Kebanyakannya diusahakan oleh pendatang dari Siam.

Masyarakat Cina pula mengusahakan kedai-kedai papan, nurseri tanaman, kedai runcit dan bengkel kenderaan. Terdapat juga orang Melayu yang mengusahakan bengkel kenderaan dan kimpalan. Selain daripada itu, sebahagian penduduk bekerja makan gaji samada dengan pihak kerajaan atau swasta. Antara penduduk asal Kanchong Darat yang pernah menjawat jawatan tinggi ialah Almarhum Dato' Hj.Ishak bin

Hj. Baharom, mantan Mufti Kerajaan Negeri Selangor, Encik Mokhtar bin Taib, Penolong Pengarah Pendidikan Negeri Selangor dan Tn. Hj. Zainal bin Mohd. Nor, Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam .

c. Status Pendidikan Masyarakat

Majoriti penduduk Kanchong Darat mendapat pendidikan mereka sehingga ke peringkat menengah. Hanya segelintir yang terdiri daripada warga emas sahaja yang hanya mendapat pendidikan di peringkat rendah. Lebih daripada 200 orang anak watan kampung ini yang berpendidikan tinggi hingga ke peringkat tertiar dari dalam dan luar negara.¹⁵¹

3.1.4. Struktur Pentadbiran.

a. Pentadbiran Kampung

Pentadbiran kampung Kanchong Darat dikendalikan oleh satu Jawatan Kuasa Keselamatan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang diketuai oleh Ketua Kampung sebagai pengerusinya. Ketua Kampung atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Lurah oleh masyarakat dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Ketua Kampung kemudiannya akan melantik ahli-ahli JKKK berdasarkan budi bicara dan kebijaksanaan pentadbirannya. Di Kanchong Darat, kampung ini telah dibahagikan kepada 12 kawasan dengan setiap kawasan ditadbir oleh seorang ahli

¹⁵¹ *Buku Himpunan Profil Kanchong Darat*, Fail 8/11, h. 10.

JKKK. Selain itu terdapat beberapa orang ahli JKKK tambahan. Setiap orang ahli JKKK pula memegang beberapa portfolio tertentu. Untuk lebih jelas sila lihat rajah 3.1 yang menunjukkan struktur pentadbiran kampung Kanchong Darat.

b. Pentadbiran Masjid.

Masjid di Kanchong Darat merupakan masjid daerah. Nama rasminya ialah Masjid Jamik Assolihin Daerah Kuala Langat. Justeru itu ia ditadbir secara langsung oleh Pejabat Agama Daerah (PAID) Kuala Langat melalui satu jawatan kuasa yang dilantik berdasarkan cadangan daripada mantan ahli-ahli jawatan kuasa masjid yang terdahulu dan pemilihan yang dijalankan semasa mesyuarat agung tahunan masjid. Mereka akan memegang jawatan tersebut selama tempoh tiga tahun.

Para pegawai utama masjid pula dilantik berdasarkan skim perkhidmatan kerajaan negeri Selangor disamping mereka yang dilantik oleh pihak jawatan kuasa masjid itu sendiri. Imam 1 terdiri daripada pegawai lantikan S17 manakala Imam 2 adalah lantikan pihak masjid. Bilal 1 dilantik oleh PAID manakala Bilal 2, Siak 1 dan Siak 2 dilantik oleh pihak masjid itu sendiri. Selain itu, pihak PAID juga mengupah kontraktor khas membersihkan dan memulihara kawasan dan bangunan masjid. Untuk lebih terperinci lihat rajah 3.2 yang menunjukkan struktur pentadbiran masjid.

Nazir masjid merupakan penjawat awam iaitu Pengarah Kolej Komuniti Klang manakala timbalannya masih lagi berkhidmat sebagai guru agama di sekolah Kementerian Pelajaran. Terdapat 5 orang imam dengan 2 orang lantikan kerajaan dan 3 orang lantikan kariah.

Ahli-ahli jawatan kuasa yang lain merupakan kombinasi antara pegawai-pegawai dan pesara kerajaan, ahli perniagaan dan orang kampung biasa. Dengan

kombinasi yang pelbagai ini pengurusan masjid dapat dijalankan dengan lancar dan mantap sesuai dengan kedudukannya sebagai masjid daerah.

3.1.5. Kemudahan Sosial dan Agama

Sesuai dengan statusnya sebagai kampung terbaik di peringkat nasional, Kampung Kanchong Darat mempunyai kelengkapan kemudahan sosial dan agama yang lengkap. Ia meliputi kemudahan dalam bidang pendidikan, kemasyarakatan, sukan dan rekreasi, rumah ibadat dan tanah perkuburan.

a. Pendidikan

Kemudahan pendidikan di Kampung Kanchong Darat bermula daripada pendidikan pra-sekolah hingga ke peringkat menengah. Terdapat sebuah Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TAKIS) kelolaan JAIS, 3 buah Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam (PASTI), dua buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) KEMAS dan sebuah pra-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.¹⁵²

Terdapat dua buah sekolah di peringkat rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Kanchong Darat dan Sekolah Rendah Agama Kanchong Darat. Di peringkat menengah terdapat Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah yang merupakan sebuah sekolah yang telah mencapai taraf ISO 9002. Bagi penduduk kampung yang dewasa mereka biasanya mendapatkan pendidikan agama secara tidak formal melalui program-program pengajian yang diadakan di surau-surau dan masjid seperti pengajian mingguan dan

¹⁵² *Buku Himpunan Profil Kanchong Darat*, Fail 1/11, h.12

bulanan dan juga kuliah-kuliah subuh. Di masjid Kanchong Darat, setiap pagi diadakan kuliah subuh yang disampaikan oleh pemuka agama tempatan.

b. Dewan Perhimpunan, Pusat Sukan dan Rekreasi.

Di kampung ini terdapat 3 buah dewan perhimpunan masyarakat iaitu Dewan Orang Ramai Kanchong Darat sebagai dewan utama, Dewan Semarak dan Dewan Orak Arek. Dewan-dewan ini digunakan juga sebagai tempat permainan badminton dan ping-pong. Sebuah padang bolasepak awam juga disediakan di samping padang futsal. Selain itu, terdapat 2 buah gelanggang gasing dibina di kampung ini. Sebuah pusat latihan bina badan juga disediakan di kampung ini.¹⁵³

Selain pusat sukan dan rekreasi yang dibina oleh pihak berkuasa, terdapat beberapa gelanggang badminton yang dibina oleh pihak persendirian dengan gelanggang di kediaman Allahyarham Dato' Hj. Sidek bin Dolah Kamar, bapa kepada jaguh badminton negara 5 bersaudara, merupakan yang terbesar. Salah seorang jutawan di kampung ini juga telah membina taman rekreasi untuk berjoging di sebelah kediamannya yang boleh digunakan oleh ahli kariah suraunya.

c. Rumah Ibadat dan Tanah Perkuburan.

Berikutan majoriti penduduk Kanchong Darat adalah beragama Islam, terdapat sebuah masjid dan 20 buah surau untuk kemudahan umat Islam menjalankan aktiviti agama Islam di sini. Selain daripada itu, terdapat sebuah tokong Cina di hujung kampung iaitu kawasan pertempatan masyarakat Cina. Selain daripada masjid, setiap kawasan

¹⁵³ *ibid.*

pentadbiran JKKK kampung terdapat sekurang-kurangnya sebuah surau dan kesemuanya berjumlah 20 buah.


Surau-surau tersebut ialah;¹⁵⁴

1. Surau Darul Iman.
2. Surau Darul Ikram.
3. Surau Darul Rahman.
4. Surau Sanmuhailil.
5. Surau Kiyai Hj.Hairawi.
6. Surau Darul Aman
7. Surau Darul Huda.
8. Surau Darul Ma'arif.
9. Surau Haji Hasan.
10. Surau Hajjah Zubaidah.
11. Surau Darul Husna.
12. Surau Darun Nur.
13. Surau Darus Syahid.
14. Surau Darul Karim.
15. Surau Darul Amin.
16. Surau Darul Makmur.
17. Surau Darul Ulum.
18. Surau Al-Mutmainnah.
19. Surau SAM Unwanus Saadah.
20. Surau Sekolah Rendah Agama.

¹⁵⁴ *Ibid.*


Di kampung ini hanya terdapat sebuah tanah perkuburan untuk orang Islam yang terletak di Jalan Aman Hujung. Tidak kedapatan tanah perkuburan bukan Islam atau krematorium untuk mereka di kampung ini. Bagi masyarakat Cina, mereka akan mengkebumikan mayat mereka di jirat Cina di Klang atau dibakar di krematorium Banting manakala bagi masyarakat India mereka mempunyai pilihan untuk di kebumikan di Kampung Tongkah yang bersempadan dengan Kanchong Darat atau dibakar di Sungei Sedu yang terletak kira-kira 10 km dari kampung ini.

Rajah 3.1 : Struktur pentadbiran Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Kanchong Darat sehingga Disember 2007.



(Sumber : *Buku Himpunan Profil Kanchong Darat*, t.t.p : t.p , Fail 1/11, h.13.)

Rajah 3.2 : Struktur pentadbiran Masjid Jamik Assolihin, Kanchong Darat.



3.2. AMALAN FIDYAH PENDUDUK KANCHONG DARAT.

Penulis telah menemui beberapa orang yang pernah membayar fidyah dan mereka yang pernah terlibat dalam upacara membayar fidyah. Mereka yang pernah membayar fidyah terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan yang mungkin mempengaruhi amalan tersebut. Responden yang ditemui dari kalangan mereka daripada yang tiada pendidikan formal sehinggalah kepada mereka yang mempunyai ijazah pertama.¹⁵⁵

Selain itu, penulis juga terlibat sama dalam upacara membayar fidyah yang diadakan di rumah En. Yusuf bin Sohor¹⁵⁶, di rumah waris Allahyarham En. Muhammad bin Hamid¹⁵⁷, di rumah Allahyarham Hj. Islah bt. Kapil¹⁵⁸, di rumah bapa mertua Allahyarham Tn. Hj. Raus bin Abdullah,¹⁵⁹ di rumah Allahyarham Tn. Hj. Amin bin Salleh¹⁶⁰ dan di rumah Allahyarham Hj. Salim bin Suri.¹⁶¹

Secara keseluruhan terdapat dua perkara utama yang dapat diperhatikan dalam penyelidikan ini iaitu jenis fidyah dan cara dilakukan.

3.2.1. Jenis-jenis Fidyah Yang Diamalkan.

Berdasarkan temu-bual dan penglibatan penulis dalam upacara membayar fidyah, amalan fidyah yang dilakukan oleh penduduk kampung Kanchong Darat ialah fidyah puasa dan fidyah sembahyang. Fidyah puasa dilakukan oleh mereka yang masih hidup dan juga bagi

¹⁵⁵ Lihat lampiran 11.

¹⁵⁶ Pemerhatian dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah En. Yusuf bin Sohor pada 16 Jun 2007.

¹⁵⁷ Pemerhatian dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah Allahyarham Muhammad bin Hamid pada 7 Disember 2007.

¹⁵⁸ Pemerhatian dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah Allahyarham Hj. Islah bt. Kapil pada 16 Februari 2008.

¹⁵⁹ Pemerhatian dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah Tn. Hj. Sairi bin Kambari pada 23 Ogos 2008 yang mengadakan upacara ini untuk menantunya yang telah meninggal dunia pada tahun lepas.

¹⁶⁰ Pemerhatian dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah Allahyarham Tn. Hj. Amin bin Salleh pada 10 Oktober 2008.

¹⁶¹ Pemerhatian dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah Allahyarham Tn. Hj. Salim bin Suri pada 20 November 2008.

orang yang telah meninggal dunia. Sedangkan fidyah sembahyang hanya dilakukan oleh waris untuk mereka yang telah meninggal dunia.

3.2.2. Cara Pelaksanaan Fidyah

Berdasarkan penyelidikan terdapat beberapa cara pelaksanaan fidyah yang dilakukan oleh penduduk di kampung Kanchong Darat. Cara-cara tersebut ialah;

a. Membayar terus kepada pihak berkuasa agama.

Di Selangor, pihak berkuasa agama yang dilantik untuk menerima bayaran fidyah ialah Lembaga Zakat Selangor (LZS). Mereka mempunyai kaedah dan kiraan tertentu yang telah diprogramkan dalam komputer untuk membuat pengiraan, khususnya bagi fidyah yang hendak dibayar. Walau bagaimanapun, setakat ini pihak Lembaga Zakat Selangor Cawangan Banting belum pernah menerima fidyah sembahyang. Apa yang diterima ialah fidyah puasa sahaja.¹⁶²

Kesemua hasil kutipan fidyah akan diagihkan kepada golongan sasaran iaitu fakir miskin sebelum bulan Ramadan menjelang. Hal ini dilakukan agar pembayar fidyah puasa tidak melangkaui bulan Ramadan berikutnya yang akan menyebabkan gandaan dalam nilai pembayaran fidyah.

Dalam majlis agihan bantuan Ramadhan / Hari Raya 1429 Hijrah bagi Mukim Morib dan Kelanang yang disempurnakan oleh Dato' Dr. Hj. Hassan bin Hj. Mohd Ali , Exco Kerajaan Negeri Selangor, yang diadakan di Dewan Orang Ramai Kanchong Darat

¹⁶² Isa bin Wardi, Eksekutif Lembaga Zakat Selangor. Temubual pada 31 Disember 2008.

pada 28 Ogos 2008 ada menyatakan tentang sumber agihan selain daripada zakat juga daripada fidyah yang dibayar kepada Lembaga Zakat Selangor.¹⁶³

b. Memberi terus kepada fakir miskin.

Selain daripada membayar fidyah kepada pihak berkuasa agama, ada juga di kalangan penduduk yang membayar fidyah terus kepada golongan sasar iaitu fakir miskin samada melalui perantara atau tanpa melalui perantara. Perantara yang membantu mereka membayar fidyah ialah guru agama, imam atau *kiyai*. Mereka akan mendapatkan nasihat daripada perantara ini tentang jumlah bayaran yang dikenakan dan menyerahkan pembayaran tersebut yang biasanya dalam bentuk beras kepada perantara untuk diagihkan pula kepada fakir miskin.

Dua orang pembayar fidyah yang penulis temui, Pn.Ruziana bt. Makhragi dan Pn. Rizaini bt. Salleh, kedua-duanya guru sekolah kebangsaan, membayar fidyah puasa mereka melalui Imam 2 Masjid Jamik As-Solihin¹⁶⁴. Mereka berbuat demikian kerana ia lebih mudah di samping kepercayaan mereka kepada Imam sebagai orang yang tahu tentang hukum-hakam berkaitan fidyah yang sudah pasti akan melaksanakannya menurut hukum syarak.

Adakalanya, pembayar fidyah akan mencari sendiri fakir miskin dan membayar terus fidyah berkaitan kepada mereka. Dalam temubual dengan Tn.Hj. Ahmad bin Mastar yang membayar fidyah puasa untuk anaknya yang meninggal dunia kerana

¹⁶³ Kad Atur Cara Program Agihan Bantuan Ramadan 1429. Lihat lampiran 7 .

¹⁶⁴ Ruziana bt. Makhragi.Temubual pada 11 Jun 200. Juga Rizaini bt. Salleh.Temubual pada 12 Jun 2008 .

kemalangan kerja menyatakan, beliau membayar fidyah terus kepada golongan sasaran.¹⁶⁵ Beliau yang juga Ketua PAS Cawangan mendapatkan maklumat tentang fakir miskin melalui Lujnah Kebajikan PAS Cawangan Kanchong Darat yang saban tahun mengagihkan bantuan kebajikan kepada mereka yang memerlukan.

Demikian juga mekanisme yang dilaksanakan oleh En. Muhammad Jamali bin Basirun, seorang guru agama Kementerian Pelajaran yang membayar fidyah puasa untuk isterinya setelah mendapat nasihat daripada Pejabat Agama Daerah.¹⁶⁶ Beliau mendapatkan maklumat mengenai fakir miskin daripada rakan-rakan dan amil bertauliah di kawasannya.

Biasanya, mereka yang berhasrat untuk membayar fidyah secara terus akan mendapatkan maklumat mengenai fakir miskin daripada rakan-rakan, amil-amil bertauliah, JKKK atau daripada imam surau setempat. Pemberian fidyah secara ini tidak menyeluruh kepada semua fakir miskin yang ada di kampung.

c. Mengadakan kenduri arwah.

Selain itu, ada juga pembayaran fidyah ini dilakukan dengan mengadakan kenduri arwah khususnya pada malam ketujuh satu-satu kematian. Keluarga simati akan membuat anggaran kiraan ibadat puasa atau sembahyang yang ditinggalkan dan mereka akan menyediakan beras mengikut jumlah yang telah dikira. Pada malamnya mereka mengadakan kenduri arwah dengan menjemput ahli kariah sesebuah surau tanpa mengira samada orang miskin atau bukan.

¹⁶⁵ Tn.Hj.Ahmad bin Mastar .Temu bual pada 4 Disember 2007.

¹⁶⁶ En. Muhammad Jamali bin Basirun. Temu bual pada 21 Jun 2008.

Setelah selesai acara kenduri, selain dijamu makan, para jemputan akan dibekalkan dengan bungkusan *berkat sego ambang*¹⁶⁷ untuk di bawa pulang selain sekampit beras 5 kg setiap seorang sebagai bayaran fidyah untuk simati. Ini bermaksud, setiap jemputan tanpa mengira status ekonominya akan menerimanya. Jika beras itu berlebihan ia akan diagihkan pula untuk jiran-jiran yang lebih miskin atau jiran-jiran sebelah rumah.

Ada juga penduduk yang walaupun telah mengadakan upacara khas fidyah sebagaimana yang akan dijelaskan di bawah, tetap mengagihkan beras-beras kepada para jemputan kenduri yang diadakan pada malamnya.¹⁶⁸

d. Mengadakan upacara khas.

Salah satu mekanisme membayar fidyah yang dijalankan oleh penduduk di Kanchong Darat ialah dengan mengadakan upacara khas membayar fidyah. Upacara ini biasanya akan dikepalai oleh seorang pemuka agama kampung seperti mantan imam, mantan bilal, atau orang tua yang berpengalaman dalam mengendalikan upacara ini.

Upacara bermula dengan menjemput beberapa orang jemputan khas yang biasanya di kalangan mereka yang dipercayai tidak mempersoalkan amalan ini atau mereka yang memang telah biasa menjalani acara ini. Status ekonomi mereka tidak diambil kira. Dalam semua upacara fidyah yang penulis hadiri, semua jemputan khas

¹⁶⁷*Sego ambang* (baca : ambeng) ialah nasi yang mengandungi lauk-pauk seperti ayam dan ikan kering serta sayur-mayur seperti serunding kelapa, mi goreng dan *kluban* (kerabu daun ubi). Dalam tradisi masyarakat Jawa, *sego ambang* ini akan dibahagi 5 atau 6 setiap dulang untuk diagihkan kepada para jemputan. Bahagian *sego ambang* yang telah dibungkus dinamakan '*berkat*'.

¹⁶⁸ Pemantauan dan penyertaan penulis semasa kenduri arwah di rumah Allahyarham Islah bt. Kapil pada 16 Februari 2008 .

bukan dari kalangan orang miskin. Bahkan ada antara mereka merupakan salah seorang kaya di kampung.

Setelah semua jemputan yang merupakan peserta yang bakal menerima fidyah dalam upacara khas ini berkumpul, pengendali acara iaitu mantan bilal dan dibantu oleh mantan imam masjid Kanchong Darat akan memberikan sedikit penerangan mengenai upacara tersebut, iaitu ; hujah-hujah yang membolehkan upacara tersebut dilakukan, kaifiat pelaksanaannya, dan harapan agar amalan ini diterima oleh Allah SWT.

Selain itu, para peserta diminta mengisytiharkan diri mereka miskin dengan menyerahkan segala harta benda yang ada kepada isteri dan anak-anak mereka bagi membolehkan mereka layak menerima fidyah yang akan dijalankan sebentar lagi. Alasan yang diberikan ialah kerana sukarnya mencari orang miskin untuk dikumpulkan bagi melaksanakan acara tersebut pada zaman ini.¹⁶⁹ Adapun fakir miskin yang menerima zakat pada zaman ini bukan benar-benar miskin sebagaimana yang dikehendaki disebabkan mereka memiliki kenderaan serta kemudahan lain seperti peti televisyen, peti sejuk dan mesin basuh.¹⁷⁰

Kemudian bahan-bahan untuk menjalankan upacara di bawa ke hadapan pengendali acara iaitu satu dulang beras dan satu mangkuk barang kemas. Barang kemas ini dipinjam daripada waris terdekat. (Lihat Lampiran 10, gambar 1). Waris kepada simati kemudiannya akan melakukan akad wakalah menyerahkan kepada pengendali untuk menguruskan upacara tersebut bagi pihak dirinya. (Lihat Lampiran 10, gambar 2).

¹⁶⁹ Tn.Hj.Sharif bin Warno .Taklimat semasa majlis upacara fidyah yang dijalankan di rumah En. Sohor bin Yusof pada 16 Jun 2007.

¹⁷⁰ Tn.Hj.Sharif bin Warno . Taklimat semasa majlis upacara fidyah yang dijalankan di rumah Allahyarham Hj. Amin bin Hj. Salleh pada 10 Oktober 2008.

Upacara dimulakan dengan bacaan al-Fatihah dan kemudian pengendali akan menyerahkan barangan tersebut kepada salah seorang peserta dengan menyatakan , ”Saya hibahkan beras dan harta ini kepada tuan untuk menggugurkan sembahyang / puasa / witr sipolan bin sipolan.”. Ia akan disambut oleh peserta pertama dengan ucapan,” Saya terima beras dan harta ini dan saya sedekahkan / hibahkan kepada tuan” seraya menyerahkan kembali barangan tersebut kepada pengendali. Perkara tersebut dilakukan berulang-ulang kepada peserta lain sehingga semua peserta selesai melakukannya untuk satu pusingan. Biasanya ia dimulai dengan pembayaran fidyah sembahyang, kemudian fidyah puasa dan kemudian fidyah sembahyang witr (Lihat Lampiran 10, gambar 3).

Dalam satu upacara yang lain yang diketuai oleh orang lain pula, barang-barang yang digunakan untuk upacara tersebut ialah beberapa kampak beras 5 kg setiap satu yang diletakkan di dalam dulang besar. Tiada barang kemas digunakan dalam acara ini. Acara yang dilakukan juga sama seperti di atas.¹⁷¹

Setelah selesai upacara tersebut, ia diakhiri dengan bacaan tahlil dan doa arwah khusus untuk simati yang difidyahkan. Majlis berakhir dengan jamuan makan yang disediakan oleh tuan rumah. Biasanya, pengendali dan para peserta fidyah akan diberikan sagu hati. Sagu hati yang diberikan antara RM 10.00 hingga RM 50.00 setiap orang mengikut kemampuan tuan rumah (waris). Selain itu, para peserta acara fidyah akan diberikan satu kampak beras 5 kg setiap seorang untuk dibawa pulang. (Lihat lampiran 10, gambar 4).

Sagu hati dan beras ini tidak dinyatakan sebagai fidyah kerana upacara membayar fidyah telah pun selesai tadi. Apabila ditanyakan kepada waris simati mereka akan

¹⁷¹ Pemantauan dan penyertaan penulis pada upacara fidyah di rumah Allahyarham Muhammad bin Hamid pada 7 Disember 2007.

menyatakan ia sebagai sedekah. Manakala barang kemas dikembalikan semula kepada pemilik asal.

3.2.4. Pandangan dan Pemahaman Beberapa Kelompok Masyarakat Kanchong Darat

i. Pandangan dan Pemahaman Pembayar Fidyah.

Pihak yang membayar fidyah boleh dibahagikan kepada tiga kelompok;

Pertama; Mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama secara formal. Mereka hanya membayar fidyah puasa sahaja tanpa membayar fidyah sembahyang. Pembayaran yang mereka lakukan ialah dengan membayarnya terus kepada fakir miskin samada melalui atau tanpa melalui perantara. Cara ini dilakukan oleh Pn. Ruziana bt. Makhragi, En. Muhammad Jamali bin Basirun dan Tn.Hj. Ahmad bin Mastar.¹⁷²

Kedua; Mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama secara formal tetapi membayar fidyah sama seperti di atas. Fidyah yang dibayar juga hanya fidyah puasa dan memberinya terus kepada fakir miskin melalui perantara iaitu Imam. Ini yang diamalkan oleh Pn.Rizaini binti Saleh. Kefahaman beliau tentang fidyah diperoleh daripada bapanya yang merupakan mantan imam di masjid Kampung Endah, kampung yang berjiran dengan Kanchong Darat.¹⁷³

Ketiga; Mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama secara formal. Biasanya mereka akan membayar fidyah puasa dan sembahyang dengan mengadakan upacara khas. Mereka melakukannya berdasarkan ikut-ikutan dan saranan

¹⁷² Ruziana bt. Makhragi, *op.cit.*; En. Muhammad Jamali bin Basirun, *op.cit.*; Tn. Hj. Ahmad bin Mastar, *op.cit.*

¹⁷³ Pn. Rizaini bt. Saleh, *op.cit.*

daripada pihak lain seperti kerabat yang lebih tua atau pihak yang memimpin upacara khas ini iaitu mantan imam dan bilal masjid.

ii. Pandangan dan Pemahaman Pemuka Agama Tempatan

Penulis telah menemui beberapa orang pemuka agama tempatan di Kanchong Darat yang terdiri daripada mantan imam, bilal dan guru agama untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai amalan fidyah yang dilakukan oleh penduduk. Hasil daripada temubual yang dilakukan, penulis dapat menyimpulkan pendapat dan pemahaman mereka kepada berikut;

a) Bersepakat tentang adanya fidyah puasa kerana ia sabit dalam nas.

Mereka bersepakat mengatakan adanya fidyah puasa bagi orang yang mati meninggalkan puasa ataupun mereka yang masih hidup meninggalkan puasa kerana sebab-sebab syarie justeru hal ini disebutkan dengan jelas dalam al-Quran, al-Hadis dan juga nas-nas kitab fikah. Hal ini tidak menimbulkan pertikaian.

b) Tidak bersepakat tentang fidyah sembahyang fardhu dan sunat witr kerana nas yang bersangkutan menimbulkan pertikaian.

Berbeza dengan fidyah puasa, mereka tidak bersepakat dengan adanya fidyah sembahyang fardhu dan sembahyang sunat witr. Bagi Tn. Hj. Syarif bin Warno, mantan

bilal Masjid Jamik Assolihin, Kanchong Darat yang merupakan orang yang mengepalai upacara-upacara membayar fidyah, adanya fidyah sembahyang fardhu dan witr bersandarkan kepada apa yang disebut dalam kitab *I'arah al-Talibin* yang menyatakan Imam al-Subki pernah melakukan hal tersebut.

Ia juga dikiaskan kepada pembayaran fidyah oleh mereka yang meninggalkan puasa yang diketahui dinyatakan secara *qat'i* dalam nas.¹⁷⁴ Lagipun, amalan ini dikatakan pernah dilakukan oleh al-Marhum Dato' Hj. Ishak in Hj. Baharom, bekas Mufti Kerajaan Negeri Selangor semasa beliau tinggal di kampung ini sebagai tenaga pengajar di Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah.¹⁷⁵

Tn. Hj. Sutjonoh bin Masut, mantan Pegawai Tadbir Agama Daerah Kuala Langat juga bersetuju adanya fidyah sembahyang¹⁷⁶. Beliau yang merupakan alumni pusat pengajian Islam di Indonesia dan Universiti Malaya juga menyandarkan itu kepada apa yang terdapat dalam *I'arah al-Talibin*.

Bagi pihak yang tidak bersetuju dengan adanya fidyah sembahyang fardhu dan witr, mereka menyatakan hal tersebut hanya berdasarkan kepada pandangan semata-mata dan tidak ada nas yang *sarih* dan *qat'i* bagi menyokong amalan tersebut. Demikian yang dinyatakan oleh Ustaz Abdul Aziz bin Ismail, Imam 2 Masjid Jamik Assolihin yang merupakan graduan Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengajar agama di Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok. Beliau juga menambah, sembahyang fardhu merupakan kewajipan bagi setiap orang Islam yang tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit. Oleh kerana itu tiada ruang bagi orang yang

¹⁷⁴ Tn.Hj.Sharif bin Warno, mantan bilal Masjid jamik Assolihin, Kanchong Darat. Temu bual pada 10 Oktober 2008.

¹⁷⁵ Tn.Hj.Abdul Majid bin Kambari, mantan Imam Besar Masjid Jamik Assolihin, Kanchong Darat. Temu bual pada 7 Oktober 2008.

¹⁷⁶ Tn.Hj.Sutjonoh bin Masut. Temu bual pada 5 September 2008.

meninggalkannya untuk menggantikan dengan apa cara sekalipun kecuali bagi orang yang tidak sengaja lupa, mabuk dan pingsan sebagaimana ada dinyatakan dalam hadis¹⁷⁷

Bagi Ustaz Syafi'i bin Abdul Rahman, anak watan Kanchong Darat yang merupakan Nazir Masjid Jamik Assolihin selain bertugas sebagai Pengarah dan Pensyarah Pengajian Islam di Kolej Komuniti Klang meragui tentang kesahihan amalan membayar fidyah solat apatah lagi mengadakan upacara khusus bagi membayarnya kerana belum berjumpa dengan kitab-kitab berkaitan yang mengharuskannya.¹⁷⁸ Beliau yang merupakan graduan Pengajian Usuludin dari Universiti Kebangsaan Malaysia bagaimanapun turut terlibat dalam upacara membayar fidyah di rumah Allahyarham Hjh. Islah bt. Kapil. Keterlibatan beliau sekadar untuk mengetahui bagaimana amalan tersebut dijalankan.

Ustaz Hj. Salbini bin Ismail, bekas pengetua sekolah Arab yang terulung di kampung ini iaitu Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah, Kanchong Darat amat tidak bersetuju dengan fidyah sembahyang apatah lagi dengan upacara membayar fidyah yang biasa dijalankan oleh penduduk kampung kerana tiada nas yang jelas mengenainya. Beliau seorang lulusan Universiti Al-Azhar yang juga merupakan penceramah bebas terkenal di daerah Kuala Langat dan daerah sekitarnya bertegas fidyah hanya untuk mereka yang tidak mampu menunaikan ibadat puasa Ramadan kerana sebab-sebab yang dibenarkan syarak berdasarkan nas-nas yang jelas dalam al-Quran dan sunnah.¹⁷⁹

Ustaz Isa bin Wardi, Eksekutif Lembaga Zakat Selangor sependapat tentang tiadanya fidyah sembahyang justeru beliau belum berjumpa tentang hukum yang

¹⁷⁷ Abdul Aziz bin Ismail .Temu bual pada 18 Ogos 2008.

¹⁷⁸ Tn. Hj. Syafi'i bin Abdul Rahman. Temu bual pada 18 Februari 2008.

¹⁷⁹ Tn.Hj. Salbini bin Ismail. Temu bual pada 16 Februari 2009.

berkaitan dalam kitab fikah mazhab Shafi'i yang muktabar setakat yang diketahuinya. Apatah lagi dibayar melalui satu upacara khas.¹⁸⁰

Manakala Imam Besar Masjid Jamik Assolihin, Ustaz Azhar bin Kesot tidak dapat menyatakan pendiriannya tentang hal ini berikutan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentangnya.¹⁸¹ Beliau juga belum pernah dijemput untuk menyertai mana-mana upacara membayar fidyah.

c) Tidak bersepakat tentang kaifiat atau cara-cara fidyah tersebut dibayar melalui upacara khas.

Pemuka agama tempatan yang ditemui juga tidak sepakat mengenai cara membayar fidyah melalui upacara khas sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini. Bagi mereka yang mengamalkan cara ini menyatakan, tujuan upacara ini diadakan adalah untuk memudahkan pembayaran fidyah justeru sukar untuk mencari fakir miskin pada masa ini.¹⁸² Oleh kerana itu para jemputan terdiri daripada mereka yang bukan fakir miskin, tetapi dari kalangan mereka yang biasa melakukannya.

Tn.Hj.Sutjonoh bin Masut walaupun bersetuju adanya fidyah solat tetapi amat menentang amalan membayar fidyah melalui upacara khas ini. Beliau menganggap ianya satu perbuatan mempermainkan agama, tidak ada sumber dapatannya secara jelas dan merupakan adat yang tidak ada kena mengena dengan ajaran agama yang sebenar. Justeru

¹⁸⁰ Isa Wardi, *op.cit.*

¹⁸¹ Azhar bin Kesot, Imam Besar Masjid Jamik Assolihin, Kanchong Darat. Temu bual pada 18 Ogos 2008.

¹⁸² Tn.Hj.Sharif bin Warno. Taklimat. *op.cit.*

itu ia adalah perbuatan bidaah yang diada-adakan berdasarkan hawa nafsu semata-mata. Beliau juga mengatakan ia sebagai perbuatan yang membazirkan harta.¹⁸³

Pandangan beliau dipersetujui oleh Ustaz Isa bin Wardi yang merupakan graduan Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga berpendapat ia seperti bermain-main dalam hal yang sangat serius iaitu perkara yang melibatkan perkara agama lebih-lebih lagi dalam hal '*ibadah khususiah*'.¹⁸⁴

3.3. KESIMPULAN

Kesimpulannya, penduduk Kampung Kanchong Darat mengamalkan pembayaran fidyah dengan pelbagai cara berdasarkan pemahaman masing-masing. Pegangan yang digunakan untuk melakukan amalan ini mengikut siapa yang mereka ikuti dan percayai. Jika mereka mempercayai pihak yang menjalankan upacara fidyah, maka mereka akan mengamalkannya dengan cara tersebut.

Sebaliknya, jika mereka lebih percaya kepada pemuka agama yang menentang upacara membayar fidyah dan amalan fidyah sembahyang, mereka akan melakukannya berdasarkan apa yang jelas nasnya iaitu membayar fidyah terus kepada fakir-miskin. Bak kata Dr.Yusuf al-Qaradawi, "*Mazhab orang awam ialah mazhab guru yang diikutinya*".¹⁸⁵

¹⁸³ Tn.Hj.Sutjonoh bin Masut, *op.cit.*

¹⁸⁴ Isa Wardi, *op.cit.*

¹⁸⁵ Al-Qaradawi, Dr. Yusuf (1984), *Halal dan Haram Dalam Islam*. Muammal Hamidy (terj), c. 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. h.12.

BAB 4
ANALISIS HUKUM TERHADAP AMALAN FIDYAH PENDUDUK
KANCHONG DARAT

4.1. PENGENALAN

Setelah penelitian dibuat terhadap amalan fidyah penduduk di Kanchong Darat, Banting, Selangor, dapatlah kita rumuskan kepada dua perkara;

Pertama, amalan fidyah yang tidak perlu untuk dibincangkan secara lanjut daripada segi hukum justeru ia dilakukan oleh sebahagian penduduk berdasarkan ketetapan yang telah disepakati oleh ahli fikah berdasarkan nas yang jelas lagi *sarih* sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bab dua. Ia meliputi ;

1. Jenis fidyah yang dibayar iaitu fidyah puasa dan,
2. Cara pembayarannya iaitu membayar kepada golongan sasar sebagaimana yang disebutkan oleh al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 184. Samada ia dibayar kepada pihak berkuasa agama atau dibayar terus kepada fakir miskin, hukumnya adalah jelas menepati kehendak syarak. Justeru itu ia tidak perlu diperbincangkan untuk dianalisis dari segi syarak dalam bab ini.

Kedua, amalan fidyah yang menimbulkan pertikaian iaitu;

1. Jenis fidyah yang dibayar iaitu fidyah sembahyang fardu.

2. Dari segi amalannya iaitu cara atau kaifiyat membayar fidyah seperti melalui satu upacara khas membayar fidyah atau melalui kenduri yang pembayarannya tidak kepada golongan fakir miskin semata-mata.

Kedua-dua hal inilah yang akan menjadi pokok perbahasan dan perbincangan dalam bab ini.

4.2. JENIS FIDYAH YANG DIAMALKAN : FIDYAH SEMBAHYANG FARDU

Sebelum kita membahaskan dengan lebih lanjut berkaitan fidyah sembahyang, adalah lebih baik untuk kita huraikan serba sedikit tentang kedudukan sembahyang dalam Islam.

4.2.1. Hukum Sembahyang

Para ulama telah sepakat tentang kewajipan dan kefarduan sembahyang dalam Islam.¹⁸⁶ Ia merupakan satu kewajipan yang telah diketahui secara *daruri* oleh semua orang Islam sepanjang zaman (). Ia berdasarkan kepada dalil-dalil *qat'ī* yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan al-Sunnah;

فَسُبِّحْنَ اللَّهَ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿٤١﴾ وَ لَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ

وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ ﴿٤٢﴾

(Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. Serta pujilah Allah Yang berhak menerima segala puji (dari

¹⁸⁶ al-Dimashqi (1996), *op.cit.*, h.20.

sekalian makhluk-Nya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepadanya serta pujilah dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zuhur.

– al-Rum (30) : 17 – 18.

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada, dan Dia memerintahkan kepadaku (mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup;

– Maryam (19) : 31

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

Dan ia menyuruh ahlinya untuk bersembahyang dan menunaikan zakat, dan ia adalah seorang yang diridai di sisi Tuhannya.

- Maryam (19) : 55

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٣﴾

Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman..

- al-Nisa (4) : 103

:

:

:

-

Islam itu terbina di atas lima perkara; bersaksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan Muhammad itu utusan Allah SWT,

*mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan puasa di bulan Ramadan.*¹⁸⁷

Berdasarkan nas-nas di atas maka sabitlah hukum sembahyang kepada setiap orang mukallaf iaitu orang Islam yang akil baligh tanpa pengecualian. Hanya orang yang dalam keadaan haid dan nifas sahaja gugur padanya kewajipan sembahyang dan tidak perlu pula diadakan. Orang yang sakit kronik pramati juga tidak gugur kewajipan sembahyang ke atasnya menurut jumhur ulama selama mana akalinya masih lagi stabil. Hanya Imam Hanafi yang berpendapat pesakit kronik pramati yang tidak dapat lagi mengangkat kepalanya gugur kewajipan sembahyang padanya.

4.2.2. Hukum Meninggalkan Sembahyang Fardu.

Terdapat tiga keadaan bagi orang yang meninggalkan sembahyang;

4.2.2.1. Meninggalkan sembahyang kerana ingkarkan kewajipannya.

Para ulama telah sepakat secara *ijma'* bahawa hukum orang yang meninggalkan sembahyang kerana ingkar terhadap kewajipannya bahkan jika syak pada kewajipannya sekalipun adalah jatuh kafir.¹⁸⁸

¹⁸⁷ Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim. Lihat dalam, al-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Sharif (2008), *Hadith 40 Disertakan Intipati Hadith*. Ahmad Hasan Mohd Nazam dan Khairia Haji Ismail (terj.), Shah Alam : Intel MULTIMEDIA AND PUBLICATIONS, h.12.

¹⁸⁸ Muhammad Jawad Mughniyah (1984), *op.cit.*, h.77.

4.2.2.2. Meninggalkan sembahyang kerana malas atau alasan lain tetapi tidak ingkarkan akan kewajipannya.

Sekiranya seseorang itu meninggalkan sembahyang atas sebab malas tanpa mengingkari kewajipannya, maka terdapat tiga pendapat ulama tentang hukumnya, iaitu;

- a. Orang itu tidak menjadi kafir, tetapi dia menjadi fasik. Maka wajib atas pihak yang berkuasa bertindak menyuruhnya bertaubat kembali mengerjakan sembahyang. Sekiranya dia enggan bertaubat maka dijalankan ke atasnya hukuman had , iaitu dibunuh dengan pedang. Ini pendapat mazhab Imam Maliki, Shafi'i¹⁸⁹ dan jumhur ulama salaf dan khalaf.
- b. Orang itu tidak menjadi kafir dan tidak pula dibunuh, sebaliknya dikenakan hukuman *ta'zir* dengan dipenjarakan sehingga dia mengerjakan sembahyang. Ini pula adalah pendapat mazhab Imam Abu Hanifah, al-Muzani salah seorang pengikut Imam al-Shafi'i¹⁹⁰ dan satu jemaah daripada para *fuqaha`* Kufah.
- c. Orang itu menjadi kafir. Hukumnya sama seperti orang yang ingkar terhadap kewajipannya tadi. Ini adalah pendapat mazhab Imam Ahmad bin Hanbal, 'Abd Allah bin al-Mubarak, Ishaq bin Rahawayh dan sebahagian

¹⁸⁹ al-Jaziri (1987), *op.cit.*, j.5, h.457.

¹⁹⁰ *Ibid.*

pengikut Imam al-Shafi‘i yang diambil riwayatnya daripada Saidina ‘Ali bin Abi Talib.¹⁹¹

4.2.2.3. Meninggalkan sembahyang kerana lupa, tertidur, mabuk atau pengsan.

Orang yang meninggalkan sembahyang kerana terlupa, tertidur, mabuk atau pengsan tidak kafir dan tidak fasik jika dia mengqada’kannya pada ketika ia teringat atau sedar. Demikian *ittifaq* para ulama berdasarkan hadis-hadis;

:
:
192
:
193

Dari Anas bin Malik r.a., bahawasanya nabi SAW bersabda: "Barangsiapa yang lupa akan sesuatu solat, maka hendaklah ia mengerjakan solat itu jikalau ia telah mengingatinya, tiada tebusan lain untuk solat itu kecuali solat yang dilupakannya saja" Dan dalam riwayat Muslim: "Sesiapa yang tertidur atau terlupa (hingga luput sembahyang) hendaklah dia menunaikan (sembahyang) sebaik-baik sahaja dia ingat (sedar) kembali."

4.2.3. Analisis Hukum Terhadap Fidyah Sembahyang Fardu.

Bagi menganalisis hukum mengenai fidyah sembahyang fardu ini kita akan merujuk kepada sumber-sumber hukum yang diguna pakai oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Sumber-sumber tersebut merupakan sumber yang disepakati dan juga yang tidak disepakati di kalangan para ulama iaitu al-Quran, al-Sunnah, *Ijma‘*, *Qiyas* dan *Istihsān*.

¹⁹¹ *Ibid.*

¹⁹² Hadis Riwayat Bukhari no.597. Lihat al-Bukhari (1400H), *op.cit.*, j.1, h.201.

¹⁹³ Lihat, Muslim (t.t), *op.cit.*, j.2, h.142.

a) Al-Quran dan Al-Sunnah

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab 2 tidak kedapatan dalil yang *qat'i* daripada al-Quran tentang hukum membayar fidyah bagi mereka yang meninggalkan sembahyang manakala daripada al-Sunnah pula terdapat satu hadis yang dipetik oleh 'Abd al-Rahman bin al-Shaykh Muhammad bin Sulayman yang mengatakan bahawa Nabi SAW telah bersabda,

194

Tidak berpuasa seseorang untuk seorang yang lain dan tidak bersembahyang seseorang untuk orang lain melainkan diberi makan (bagi pihaknya).

Beliau tidak menyatakan sanad hadis tersebut dan sekadar menyatakan matannya sahaja. Berdasarkan kajian daripada kitab-kitab hadis terdapat beberapa riwayat tentang hadis yang tersebut atau yang serupa dengannya;

i) Riwayat Imam al-Nasa'i.

195

Muhammad bin 'Abd al-A'la telah menghabarka, katanya; Yazid menceritakan kepada kami dan beliau ialah Bin Zuray' katanya; Hajjaj al-Ahwal menceritakan kepada kami, katanya; Ayub bin Musa

¹⁹⁴ 'Abd al-Rahman bin al-Shaykh Muhammad bin Sulayman (t.t), *loc.cit.*

¹⁹⁵ Hadis riwayat al-Nasa'i no. 2930. Lihat al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'ayb Abu 'Abd al-Rahman (2001), *Kitab al-Sunan al-Kubra*. Beirut : Muassasah Al-Risalah, j.3, h.257.

menceritakan kepada kami dari ‘Ata` bin Abi Rabah dari ibn ‘Abbas katanya; “Tidak berpuasa seseorang untuk seorang yang lain dan tidak bersembahyang seseorang untuk orang lain melainkan diberi makan bagi pihaknya setiap hari satu mud daripada gandum. Walinya hendaklah berpuasa untuk simati”.

ii) Riwayat al-Tahawi.

: :
:
:
:
:
:

196

Yahya bin ‘Uthman bin Salih telah menceritakan kepada kami, katanya; Sawwar bin Abd Allah al-‘Anbari telah menceritakan kepada kami, katanya; Yazid bin Zuray‘ telah menceritakan kepada kami katanya; al-Hajjaj al-Ahwal telah menceritakan kepada kami , kata Abu Ja‘far dia ialah al-Hajjaj bin al-Hajjaj al-Bahili, telah bercerita darinya Yazid dan Ibrahim bin Tuhman dan riwayatnya diterima di kalangan ahli hadis, katanya; menceritakan kepada kami Ayyub bin Musa daripada ‘Ata,` daripada Ibn ‘Abbas r.a. katanya; “Tidak berpuasa seseorang untuk seorang yang lain dan tidak bersembahyang seseorang untuk orang lain melainkan diberi makan bagi pihaknya setiap hari satu mud daripada gandum”.

iii) Riwayat Imam Malik.

197

¹⁹⁶ Lihat, al-Tahawi, Abu Ja‘far Ahmad bin Salamah bin ‘Abd al-Malik bin Salmah al-Azadi al-Hijri al-Misri (1415 H), *Sharh Mushkil al-Athar*. Beirut : Muassasah al-Risalah, c.1, j.6, h.177.

¹⁹⁷ Hadis no.836 pada versi riwayat Yahya bin Yahya al-Laythi al-Andalusi.Lihat Malik bin Anas (1997), *al-Muwatta’*. Beirut : Dar al-Gharb al-Islami, j.1, c.2, h.405; hadis no. 835 pada versi riwayat Abu Mus‘ab. Lihat Malik bin Anas (1998), *al-Muwatta’*. Beirut : Muassasah Al-Risalah, j.1, h.322; Lihat juga, al-Tabrizi, Muhammad bin ‘Abd Allah al-Khatib (1985), *Misykat al-Masabih*. Beirut : al-Maktab al-Islami, c.3, j.1, h.460, Hadis No.2035.

Telah menceritakan kepada ku daripada Malik bahawasanya telah menyampaikannya bahawa ‘Abd Allah bin ‘Umar telah ditanya tentang adakah dipuaskan seseorang oleh orang lain atau disembahyangkan seseorang oleh orang lain? Maka katanya; “Tidak dipuaskan seseorang oleh orang lain dan tidak disembahyangkan seseorang oleh orang lain”

iv) Riwayat ‘Abd al-Razzaq al-San‘ani.

198

Daripada ‘Abd Allah bin ‘Umar, daripada Nafi’, daripada Ibn ‘Umar, katanya; “Tidak berpuasa seseorang untuk seorang yang lain dan tidak bersembahyang seseorang untuk orang lain tetapi jika engkau mahu melakukannya berikan sedekah bagi pihaknya.”

v) Riwayat Abi Bakr bin Jahm.

199

Ahmad bin al-Haytham telah mengkhabarkan kepada kami, Sulayman bin Harb telah memberitahu kepada kami, Hammad bin Zayd telah memberitahu kepada kami daripada Ayyub daripada Nafi’ daripada bin ‘Umar bahawasanya dia berkata; “Tidak berpuasa seseorang untuk seorang yang lain dan tidak menunaikan haji seseorang untuk orang lain dan sekiranya engkau hendak engkau bersedekah, membebaskan hamba dan beri hadiah bagi pihaknya”

¹⁹⁸ Hadis no. 16346. Lihat al-San‘ani., Abu Bakr ‘Abd al-Razzaq bin Humam (1403H), *al-Musannaf*. Beirut : al-Maktab al-Islami, c.2, j.9, h.61.

¹⁹⁹ Lihat al-Zayla‘i, ‘Abd Allah bin Yusof Abi Muhammad al-Hanafî (1357H), *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*. Mesir : Dar al-Hadith, j.2, h.463.

Terdapat beberapa perbahasan yang dapat dikemukakan tentang hadis-hadis tersebut:

Petama; Kesemua hadis di atas, walaupun riwayat al-Nasa'i dikatakan sahih sanadnya²⁰⁰ tetapi ianya *mawquf* kepada Ibnu Abbas dan Ibnu Umar r.a..²⁰¹ Asal hukum pada hadis *mawquf* sekalipun sahih tidak menjadi hujah syarak kerana ia mungkin ijthihad sahabat semata-mata.²⁰² Andaikata mereka mendengar daripada Nabi SAW sudah tentu ia tidak *mawquf* kepada mereka berdua sahaja.

Hadis *mawquf* yang matannya disandarkan kepada Rasulullah SAW jika sahih barulah menjadi hujah justeru itu memang daripada baginda SAW.²⁰³ Para ulama tidak sepakat tentang kehujahan *qawl* sahabat . Jumhur ulama menyatakan ianya tidak menjadi hujah.²⁰⁴

Kedua; al-Zayla'i menganggap hadis tersebut *gharib marfu'* dan diriwayatkan secara *mawquf* kepada Ibn 'Abbas²⁰⁵ . Ia tidak terdapat dalam himpunan hadis yang enam (*kutub al-sittah*) melainkan pada al-Nasa'i sahaja. Hadis ini juga tidak terdapat dalam kitab *al-Mujtabanya*.²⁰⁶

Imam al-Bayhaqi pula ketika membuat komentar persoalan hadis orang mati meninggalkan puasa ada menyebut hadis tersebut dengan sanad yang sama dengan

²⁰⁰ Ketika mensyarahkan hadis no.714, al-Mubarakfuri telah membawa hadis riwayat al-Nasa'i ini dengan mengatakan sanadnya *sahih*. Tetapi hadis yang dinukilkan hanya setakat لا يصلي أحد عن أحد ولا يصوم أحد عن أحد. Lihat, al-Mubarakfuri, Muhammad bin 'Abd al-Rahim, (t.t), *Tuhfah al-Ahwazi Bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*. t.t.p : Dar al-Fikr, j.3, h.407

²⁰¹ Lihat, al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (t.t), *al-Dirayah fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*. Beirut : Dar al-Ma'rifah, j.1, h.283.

²⁰² al-Tahhan,Dr. Mahmud (1405H), *Taysir Mustalah al-Hadith*. Iskandariah : Markadh al-Huda li al-Dirasah, c.7, h.100.

²⁰³ *Ibid.*

²⁰⁴ al-Hudari Bik, al-Shaykh Muhammad, (1389H), *Usul al-Fiqh*. Mesir : al-Maktabah al-Tijarah al-Kubra, c.6, h.357.

²⁰⁵ al-Zayla'i (1357H), *loc.cit.*

²⁰⁶ Imam al-Nasa'i mempunyai dua versi kitab hadis iaitu *Kitab al-Sunan al-Kubra* dan *al-Mujtaba* .Kitab yang pertama mengandungi hadis yang lebih banyak daripada kitab keduanya.

riwayat al-Nasa'i tetapi hanya mengungkapkan seraya menyatakan sebahagian *ashabnya menda'if*kannya.²⁰⁷

Hadis yang *da'if* tidak boleh dijadikan hujah untuk mensabitkan sesuatu kewujudan hukum melainkan sebagai penyokong kepada hukum yang telah sedia ada sebagai *fadha'il a'mal* serta ia tidak pula terlalu *da'if*.²⁰⁸ Demikian menurut sebahagian ulama sementelahan ulama lain menolaknya terus.²⁰⁹

Ketiga ; Pada riwayat Malik tidak terdapat lafaz untuk memberi makan kepada fakir miskin. Manakala pada riwayat Abi Bakr bin Jahm dan Imam al-Bayhaqi tidak menyebut tentang sembahyang.

Keempat ; Para ulama tidak konsisten ketika menukilkan hadis ini. Ada yang mengatakan ia sebagai kata-kata nabi atau dari nabi sedangkan berdasarkan teks pada kitab-kitab hadis ia *mawquf* kepada sahabat. Sebagai contoh apa yang dikatakan oleh 'Abd al-Rahman bin al-Shaykh Muhammad bin Sulayman bahawa ia adalah sabda Rasulullah SAW. Selain beliau, Ibn Abi al-'Iz al-Hanafi dalam *Sharh 'Aqidah Tahawiyah* memetik hadis tersebut dengan mensabitkannya daripada Nabi SAW²¹⁰, manakala al-Zar'i dalam kitabnya *Al-Ruh fi al-Kalam 'ala Arwah al-Amwat wa al-Ihya' bi al-Dala'il min al-Kitab wa al-Sunnah* memetik ia sebagai kata-kata Ibn 'Abbas r.a.²¹¹

²⁰⁷ al-Bayhaqi, Imam Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali bin Musa Abi Bakr (2003), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, c.3, j.4, h.429.

²⁰⁸ Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad, (t.t), *al-Wasit Fi 'Ulum Wa Mustalah al-Hadith*. t.t.p : t.p., h.277 – 278.

²⁰⁹ Al-'Adawi, Mustafa bin (1990), *Taysir Mustalah al-Hadith Fi Su'al Wa Jawab*. t.t.p : Maktabah al-Haramayn, c.2, h.30. Lihat juga, Dr. Subhi Saleh (1996), *Ilmu Hadis Satu Pengenalan dan Kajian*. Arifin Omar & Mohd. Nor Ngah (terj). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, c.2, h.197-199.

²¹⁰ Ibn Abi al-'Iz al-Hanafi (1391H), *Syarh al-'Aqidah al-Tahawiyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami, c.4, h.512.

²¹¹ al-Zar'i, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr Ayub (1975), *Al-Ruh fi al-Kalam 'ala Arwah al-Amwat wa al-Ihya' bi al-Dala'il min al-Kitab wa al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.138.

Berdasarkan hakikat kedudukan riwayat-riwayat tersebut didapati ia *mudtarib* pada matannya²¹² yakni mengalami kecelaruan pada teks walaupun mempunyai jalur sanad yang hampir serupa. Hadis yang *mudtarib* adalah *da'if*.²¹³ Kemudian ada pengkritik mengatakan hadith ini *gharib*²¹⁴ *marfu*²¹⁵ pula. Para ulama hadis berhati-hati dengan hadis *gharib* kerana kkuatir akan berlakunya *tadlis* (pembohongan) sebagaimana Imam Abu Hanifah menyatakan, "Barangsiapa mencari *gharib* maka ia disifatkan sebagai pembongong".²¹⁶

Oleh yang demikian tiada nas yang *thabitah* (sabit) secara pasti dari sunnah Rasulullah SAW yang boleh dipertanggung jawabkan untuk dijadikan sandaran yang *qat'i* bagi menyatakan keharusan membayar fidyah sembahyang.

b) *Ijma'*

Dari segi etimologi, *ijma'* ialah kesepakatan dan keazaman melakukan sesuatu.²¹⁷ Dari segi terminologi *ijma'* ialah kesepakatan seluruh ulama mujtahid di kalangan umat Nabi Muhammad SAW pada satu-satu masa terhadap sesuatu hukum syara' setelah kewafatan baginda SAW.²¹⁸ Definisi ini mentakhsiskan definisi umum Imam Ghazali yang mengatakan *ijma'* ialah kesepakatan umat Muhammad SAW terhadap urusan dunia mereka.²¹⁹ Ulama yang bukan mujtahid tidak termasuk dalam kesepakatan ini, demikian

²¹² Lihat al-Siba'i, Dr. Mustafa (2000), *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islami*. t.t.p : Dar al-Waraq, h. 114.

²¹³ *ibid.*

²¹⁴ Hadis *gharib* ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi atau sedikit perawi sehingga hadis tersebut tidak diketahui ramai.

²¹⁵ Hadis *marfu'* ialah hadis yang disandarkan terus kepada Nabi samada sanadnya berhubung atau tidak.

²¹⁶ Dikutip dari, Dr. Subhi Saleh, *op.cit.*,h.52-53.

²¹⁷ al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (t.t), *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul*.Tahqiq Dr Hamzah bin Zuhayr Hafiz. t.t.p : t.p, h.294.

²¹⁸ Khalid Ramadan Hasan (1998),*Mu' jam Usul al-Fiqh*. tt : al-Rawdah, c.1, h. 25

²¹⁹ al-Ghazali (t.t), *op.cit.*

juga kesepakatan mujtahid pada sesetengah tempat seperti *ijma'* ahli Madinah juga tidak dikira sebagai *ijma'* yang dikehendaki.²²⁰

Al-Dimashqi menyatakan adanya *ijma'* bahawa sembahyang yang fardu itu tidak boleh diganti samada oleh orang lain atau harta.²²¹ Ini adalah hukum asal bagi orang yang hidup manakala bagi orang yang mati terdapat khilaf ulama padanya. Imam yang empat juga sepakat menyatakan tidak diqada sembahyang fardu simati oleh orang yang lain.²²² Demikian juga pandangan jumbuh.²²³ Mazhab Hanbali hanya membolehkan qada sembahyang nazar sahaja.²²⁴ Manakala Ibn Hazm, al-Awza'i dan Ishaq bin Rahawayh membolehkan penggantian sembahyang nazar serta yang tertinggal kerana tidur dan lupa. Demikian juga pandangan sebahagian ulama terkemudian mazhab Shafi'i yang antara lain Imam al-Subki.²²⁵

Mazhab Ja'fariyah menetapkan boleh diqada sembahyang orang yang mati malah ada yang mewajibkan anak mengqada sembahyang bapa atau ibu yang telah mati.²²⁶ Malah boleh pula memberi upah kepada orang untuk melakukannya.²²⁷ Berdasarkan kesepakatan mereka ini tentang diqada sembahyang simati menunjukkan bahawa tiada pembayaran fidyah untuk itu.

Pada pandangan penulis, apa yang dikatakan oleh al-Dimashqi meliputi yang hidup atau yang mati. Sebagaimana takrif *ijma'* di atas, *ijma'* tentang tidak diganti sembahyang dengan harta samada hidup atau mati dilihat berlaku di kalangan para imam mujtahid.

²²⁰ Khalid Ramadan Hasan (1998), *op.cit.*.

²²¹ al-Dimashqi (1996), *op.cit.*, h.20.

²²² Muhammad Jawad Mughniyah (1984), *op.cit.*, h.132.

²²³ Nuh 'Ali Sulayman (1983), *op.cit.*, h.336.

²²⁴ al-Hajawi, Sharaf al-Din Abi al-Naja Musa bin Ahmad (1397), *al-Rawd al-Murabbi' Bi Sharh Zad al-Mustaqni'*. Kaherah : al-Matba'ah al-Salafiyah, c.8, h.129.

²²⁵ Nuh 'Ali Sulayman (1983), *loc.cit.*

²²⁶ al-Hajawi (1397H), *loc. cit.*.

²²⁷ al-Khomeini, Ayatullah al-'Uzma al-Imam al-Musavi (1404H), *Zubdah al-Ahkam*. Tehran : Munazzamah al-I'lam al-Islami, h.74-75.

Para ulama Shafi'i tidak meriwayatkan daripada beliau tentang fidyah sembahyang fardu. Demikian juga tidak diriwayatkan daripada Imam Abu Hanifah tentangnya bahkan anak muridnya yang tersohor Imam Abu Yusuf bin Muhammad menyatakan tidak harus dan tidak wajib dibayar fidyah bagi sembahyang yang ditinggalkan oleh simati.²²⁸ Demikian daripada Imam Malik tiada riwayat daripadanya tentang hal ini manakala Imam Ahmad bin Hanbal menyatakan tidak diwajibkan atasnya sesuatu yakni termasuk fidyah. Begitu juga pandangan yang disepakati di kalangan Ja'fariyah.

Apa yang berlaku ialah terdapat sebahagian ulama dalam mazhab Hanafi yang mengatakan adanya fidyah sembahyang fardu dan sesetengah ulama mazhab Shafi'i yang bertaqlid kepada mereka. Apabila dikatakan sebahagian, maka ini menunjukkan sebahagian lagi ulama dalam mazhab Hanafi sendiri ada yang tidak mengharuskan fidyah sembahyang dan inilah juga pendapat yang zahir dan dipandang muktamad dalam mazhab Shafi'i. Inilah juga pandangan yang dipegang oleh beberapa orang ulama kontemporari yang menolak adanya fidyah sembahyang fardu sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bab yang lalu.²²⁹

c) *Qiyas*

Qiyas merupakan kaedah usul fikah yang tidak disepakati oleh semua dengan mazhab al-Zahiriyah dan sebahagian golongan Syi'ah menolak penggunaannya.²³⁰

Menurut Sadr al-Hanafi *qiyas* ialah melampaui hukum asal kepada furu' dengan sebab

²²⁸ Dipetik dari Mawlana Shaykh Nizam (2000), *op.cit.* h.138.

²²⁹ Lihat perbincangan mengenai hal ini dalam bab 2.

²³⁰ Muhammad bin Abu Zuhrah (t.t), *Usul al-Fiqh*. t.t.p : Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 220-221. Lihat juga, Dr. 'Abbas Husni Mohamad (1996), *Perkembangan Fikah Islam*. Mohd.Asri Hashim (terj.) Kuala Lumpur : YADIM, c. 1, h.11.

persamaan pada *'illah*, manakala al-Subki menyatakan *qiyas* ialah menetapkan hukum sesuatu perbuatan yang belum ada ketentuannya atas sesuatu yang telah ada ketentuan hukum justeru persamaan antara keduanya pada *'illah*.²³¹

Qiyas banyak berkisar pada *'illah* dan ia digunakan untuk menentukan hukum bagi perkara yang belum ada ketentuannya terutamanya setelah wafatnya nabi. Fidyah sembahyang adalah perkara yang berkaitan dengan ibadat dan semua hukum tentang ibadat selesai setelah wafatnya nabi, pengajar dan pembuat syariat. Tidak mungkin boleh mengadakan sesuatu yang baharu dalam ibadat setelah nabi Muhammad SAW tiada kerana hal itu termasuk dalam mengadakan-adakan sesuatu yang baru secara batil (*bid'ah munkarah*).

Kerana itu , asal daripada ibadat *mahdah* seperti sembahyang, puasa dan haji adalah tidak berlakunya *qiyas*. Hal berkaitan ibadat *khususiah* atau ritual dalam Islam tidak masuk padanya *qiyas*.²³² Oleh yang demikian, hujah *qiyas* secara jelas tidak dapat dijadikan sandaran untuk mentasyri'kan fidyah sembahyang.

Namun, di sana ada kaedah berpindah daripada *qiyas jali* kepada *qiyas khafi* dan ia merupakan salah satu kaedah *istihsan* . Hal ini akan dibahaskan pada bahagian seterusnya tentang *istihsan*.

²³¹ Ya'kub Ismail (1988), *Usul Fiqh*. Shah Alam : Pustaka Salam, h.85.

²³² Abi Islam Mustafa bin Muhammad bin Salamah (t.t), *al-Ta'sis fi Usul al-Fiqh 'Ala Dhaw' al-Kitab wa al-Sunnah*. t.t.p : Maktabah Al-Haramayn li al-'Ulum al-Nafi'ah, h.208. Lihat juga al-Qaradawi, Dr.Yusuf (2002), *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'asir fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*. Abdul Hayyie al-Kattani et.al (terj.), Jakarta : Gema Insani, h.69.

d) *Istiḥsān*

Istiḥsān digunakan sebagai alasan keharusan fidyah sembahyang dalam pandangan sebahagian ulama Hanafi. Ia juga salah satu kaedah usul fikah yang tidak ada kesepakatan ulama dalam penggunaannya. Dari segi etimologi *istiḥsān* berakar dari kata *al-hasan* yang bererti baik atau cantik. Ia lawan dari kata buruk atau hodoh.²³³ Ia bermaksud apa-apa yang baik daripada sesuatu perkara yakni kecenderungan pada sesuatu yang dianggap baik²³⁴. Kerana itu dalam istilah bahasa Inggeris *istiḥsān* diertikan sebagai *preference*.

Dari segi terminologi atau istilah *usul al-fiqh*, para ulama mempunyai keragaman pendapat dalam mentakrifkannya. Antaranya, Imam Al-Bazdawi menyatakan *istiḥsān* adalah pemindahan *qiyas* pertama kepada *qiyas* lain yang lebih kuat atau membatasi *qiyas* dengan dalil yang lebih kuat. Manakala al-Faqih al-Hawani al-Hanafi memberikan definisi meninggalkan *qiyas* karena ada dalil dari al-Quran, al-Sunnah dan *ijma'* yang lebih kuat sedangkan Imam Al-Kurkhi mendefinisikan *istiḥsān* sebagai seseorang yang meninggalkan suatu hukum yang telah ditetapkan berdasarkan dalil syarak, dengan menetapkan hukum lain dari peristiwa itu juga. *Ibn al-'Arabi* pula memberikan mentakrifkan *istiḥsān* sebagai meninggalkan suatu dalil dengan cara pengecualian dan memberi keringanan pada suatu masalah yang sudah ditentukan hukumnya.²³⁵

²³³ Lihat Al-Fairuz Abadi (t.t), *al-Qamus al-Muhit*. Beirut : Dar al-Jil, j. 4, h. 215; juga Ibn al-Husayn (1971), *op.cit.* h. 234.

²³⁴ Khalid Ramadan Hasan (1998), *op.cit.*, h.29.

²³⁵ 'Abd al-Karim Zaydan (2002), *al-Wajîz Fî Usûl al-Fiqh*. Beirut : Muassasah Risalah, h. 230. Takrif lebih lanjut daripada ulama lain boleh lihat, al-Zuhayli, Dr. Wahbah (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami Damsyik* : Dar al-Fikr, j. 2, h.736 – 739.

Mazhab Hanafi terkenal dalam penggunaan *istiḥsān*²³⁶ manakala kebanyakan daripada ulama Maliki dan Hanbali juga menggunakan kaedah ini dalam mengistinbat hukum.²³⁷ Imam Shafi‘i dan kebanyakan ahli mazhabnya menolak penggunaan *istiḥsān*. Beliau menyatakan, ”Barang siapa yang ber *istiḥsān* maka ia telah mencipta syara’ ”²³⁸ yang menunjukkan akan ketidak setujuan beliau tentang dalil ini. Namun, definisi Mazhab Shafi‘i dengan lain-lain mazhab tentang *istiḥsān* tidak sama yang membawa kepada implikasi persepsi yang berbeza.

Bentuk *istiḥsān* yang digunakan oleh sebahagian ulama Hanafi ketika membolehkan dibayar fidyah sembahyang ialah kebersamaan antara sembahyang dan puasa.²³⁹ Maka harus mewajibkan pada sembahyang apa yang diwajibkan pada puasa. Oleh kerana fidyah diwajibkan untuk menggantikan puasa yang ditinggal, maka ia boleh juga menggantikan sembahyang sebagai *ihṭiyat*. Jika diberi ganjaran maka hasillah maksudnya dan jika tidak maka ia sebagai amal baik yang menghapuskan dosa.²⁴⁰

Dasar *istiḥsan* sebagaimana yang digunakan oleh sebahagian ulama mazhab Hanafi ini kurang sesuai untuk menetapkan sesuatu perkara penting yang merupakan salah satu rukun utama agama seperti sembahyang yang merupakan perkara ibadat *khususiyah*. Lagipun, penggunaan *istiḥsan* itu sendiri menjadi pertikaian di kalangan para ulama. Ia bukan kaedah usul yang disepakati oleh mereka. Perkara ibadat *khususiyah* telah selesai pensyariatannya sebaik sahaja baginda wafat. Sesuatu ibadat *khususiyah* apatah lagi yang merupakan rukun dalam agama perlu kepada nas yang jelas

²³⁶ al-Zuhayli (1986), *ibid.*, h.735.

²³⁷ Ya’kub Ismail (1988), *op.cit.* h. 128.

²³⁸ al-Jayzani, Muhammad bin Husayn bin Hasan (1996), *Ma’alim Usul al-Fiqh ‘Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*. Riyad : Dar Ibn al-Jawzi, c.1, h.237.

²³⁹ Nuh ‘Ali Sulayman (1983), *op.cit.*, h.339.

²⁴⁰ *Ibid.*,h.339-340.

dan sah dari Rasulullah SAW samada secara 'am atau khas. Kaedah fikah ada menyatakan,

241

Asal pada sesuatu ibadat itu dilarang melainkan apa yang warid daripada pembuat syarak pensyari'atannya, dan asal pada adat itu harus melainkan apa yang warid daripada pembuat syarak pengharamannya.

Apatahlagi ia melibatkan perkara pokok dalam agama yang merupakan sebahagian rukun Islam seperti sembahyang.

4.3. CARA / KAIFIAT FIDYAH YANG DIAMALKAN.

Terdapat dua cara pembayaran fidyah yang menimbulkan persoalan;

1. Mengadakan upacara khas
2. Memberi kepada peserta kenduri

4.3.1. Tinjauan Hukum Terhadap Upacara Khas Membayar Fidyah

Berdasarkan tinjauan dan temu bual, bolehlah dikatakan apa yang dilakukan pada hari ini ialah suatu ikut-ikutan kepada amalan generasi sebelumnya tanpa mengetahui sandarannya secara pasti bagi dijadikan hujah yang meyakinkan. Tiada bahan rujukan

²⁴¹ al-Sa'di, Shaykh 'Abd al-Rahman bin Nasir (t.t.), *Risalah Latifah fi Usul al-Fiqh*. t.t.p : t.p., h.12.

yang boleh dikemukakan kepada penulis terutamanya tentang kaifiyat mengadakan upacara khas membayar fidyah ini.

Kalaupun kita mengambil pandangan yang membolehkan membayar fidyah sembahyang namun cara yang dilakukan oleh sebahagian penduduk di Kanchong Darat tidak menepati kaedah yang dikehendaki. Justeru itu terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan jika ditinjau daripada segi hukum syarak iaitu;

- i. **Sasaran penerima fidyah** – Semua peserta upacara ini bukan terdiri daripada fakir miskin.²⁴² Ini amat bertentangan dengan nas yang mengatakan fidyah itu hanya untuk orang miskin dan hal ini disebutkan dalam semua kitab fikah. Bahkan dalam kitab *Wahbah al-Ilahiyyah* yang boleh dijadikan sandaran kepada upacara membayar fidyah ini jelas menyatakan; ”*dan wajib memelihara daripada menghadirkan orang kaya*”²⁴³. Alasan yang mengatakan pada zaman ini sukar untuk mencari orang miskin tidak dapat diterima kerana menurut data pihak Lembaga Zakat Selangor Cawangan Banting tahun 2008, terdapat 69 orang miskin dan fakir di kampung Kanchong Darat.²⁴⁴ Atas alasan apa pun, pemberian fidyah kepada orang yang tidak miskin adalah amat bertentangan dengan hukum syarak.
- ii. **Pengisytiharan diri sebagai miskin** – Demi untuk mengabsahkan pembayaran fidyah itu, para peserta diminta untuk mengisytiharkan diri menjadi miskin dengan menyerahkan segala hartanya kepada anak isteri. Ini adalah amalan yang tidak betul dipandang dari beberapa sudut;

²⁴² Lihat profil peserta upacara membayar fidyah, lampiran 8.

²⁴³ Muhammad Mukhtār bin ‘Uṭarid (1330H), *op.cit.*, h.5.

²⁴⁴ Lihat lampiran 7.

- a) Hakikat sesuatu tidak terhapus melalui pengisytiharan lisan semata-mata dan ia dianggap sebagai pendustaan. Kaedah fikah ada menyatakan "الاصل بقاء ما كان على ما كان" yang bermaksud asal pada sesuatu kekal seperti adanya²⁴⁵. Seorang yang bukan hakim tidak boleh mendakwa diri sebagai hakim walaupun dia menyatakannya melalui beratus perisytiharan lisan. Justeru itu perisytiharan menjadi miskin tidak sah dan tidak berlaku. Ini bermaksud peserta fidyah tetap bukan fakir miskin walaupun telah mengisytiharkan diri menjadi miskin.
- b) Penyerahan sesuatu harta kepada isteri atau anak-anak menurut fikah muamalat terletak di bawah kontrak *hibah* iaitu transaksi suatu barang tanpa balasan apa-apa. Ibn Rusyd menetapkan rukun *hibah* ada 3; *al-wahib*, *al-mawhub lah* dan *al-hibah*.²⁴⁶ Setiap daripada satu itu ada pula syarat-syaratnya. Hal itu perlu diketahui oleh penerima di samping adanya *sighah ijab* dan *qabul* yang jelas justeru transaksi ini melibatkan jumlah harta yang besar. Menurut al-Shafi'i dan Abu Hanifah, antara syarat sah hibah ialah *al-qabd* (penerimaan) iaitu pemberian *hibah* hendaklah disertakan dengan penerimaan. Manakala sebahagian Hanbali dan golongan Zahiriyah memandang sah tanpa penerimaan asalkan adanya aqad.²⁴⁷ Malik menyatakan tidak perlu menerima barang untuk mengesahkan *hibah* justeru cukup dengan adanya *ijab* dan *qabul*.²⁴⁸

²⁴⁵ al-Zarqa, al-Shaykh Ahmad bin al-Shaykh Muhammad (2001), *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik : Dar al-Fikr, c. 6, h. 87-93.

²⁴⁶ Ibn Rusyd al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad (1996), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, ct.1, j.2, h.324.

²⁴⁷ *ibid.*, h.473.

²⁴⁸ al-Dimashqi (1996), *op.cit.*, h.143.

Dalam hal ini penyerahan harta itu dibuat secara *ex-parte* dan ternyata isteri dan anak-anak tidak mengetahui suami atau ayah mereka telah pun menyerahkan semua hartanya kepada mereka. Maka penyerahan ini tidak sah menurut hukum *syara'* kerana tidak ada *ijab* dan *qabul* dan tidak diiktiraf dari segi undang-undang, samada secara *de facto* atau *de jure*, dan peserta upacara fidyah ini tetap tidak menjadi miskin.

- c) Menyerahkan harta kepada anak-anak juga perlu kepada pembahagian yang sempurna iaitu sama rata. Demikian pendapat Abu Hanifah, Malik dan pandangan yang kuat dalam mazhab Shafi'i. Imam Ahmad, Muhammad bin al-Hasan dan sebahagian mazhab Shafi'i melebihkan lelaki atas perempuan²⁴⁹ Namun, kebanyakan ahli hadis dan golongan Zahiriyah mewajibkan pembahagian sama rata²⁵⁰ berdasarkan hadis Nu'man bin Basyir riwayat Imam Muslim.²⁵¹ Inilah yang dipandang lebih kuat.²⁵²
- d) Walaupun jika berlaku penyerahan harta tersebut, peserta tetap tidak menjadi miskin secara hakiki justeru isteri dan anak-anaknya adalah kaya dan sudah tentu dia berada di bawah tanggungan mereka (anak-anak). Lagipun setelah selesai upacara membayar fidyah, tidak pula isteri dan anaknya mengembalikan harta tersebut kepada peserta upacara. Ini bermakna, jika kaedah ini diterima, peserta tetap menjadi miskin selama mana isteri dan anak mereka tidak menyerahkan kembali segala hartanya.

²⁴⁹ *ibid.*

²⁵⁰ Dr.TM Hasbi Ash Shiddieqy (1983),*Hukum-hukum Fiqih Islam*. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang, cet.7, h.504.

²⁵¹ Lihat, Muslim (t.t.), *op.cit.*, Jil.5, h.65.

²⁵² Dr.TM Hasbi Ash Shiddieqy (1983), *loc.cit.*

Maka perlu apa untuk peserta yang sama mengisytiharkan diri miskin setiap kali menjadi peserta upacara membayar fidyah justeru mereka telah pun miskin sejak upacara yang pertama lagi.

e) Peserta yang telah mengisytiharkan diri miskin dengan menyerahkan semua harta kepada isteri dan anak mereka, jika benar-benar berlaku, tidak berhak lagi untuk menggunakan harta-harta tersebut dan memakan hasilnya melainkan diizinkan oleh isteri atau anak-anaknya. Dan hal ini tidak pernah pun berlaku.

iii. **Pihak yang dibayar fidyah** – Sepanjang pemantauan dijalankan rata-rata pihak yang dibayar fidyah melalui upacara membayar fidyah bukan terdiri daripada orang yang tidak meninggalkan harta. Pada pemerhatian penulis, simati ada meninggalkan harta beberapa hektar kebun dan jika dinilai harganya cukup untuk membayar fidyah seumur hidupnya sekalipun jika itu yang perlu dilakukan. Demikianlah yang disebutkan dalam kitab-kitab *fiqh al-mawarith* tentang kewajipan yang perlu disempurnakan terhadap mayat iaitu dibayarkan segala hutang-hutangnya termasuklah fidyah atau kifarot daripada semua harta tinggalannya (*tarikah*) selagi ada. Yang selebihnya barulah dibahagikan menurut undang-undang pewarisan Islam. Maka keperluan untuk mengadakan upacara ini tidak ada kerana mereka mampu untuk menyediakan jumlah nilai pembayaran fidyah dan ia boleh diberikan terus kepada fakir miskin atau melalui pihak tertentu seperti pihak berkuasa agama.

Kaedah pembayaran fidyah melalui upacara khas sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab yang lepas jelas merupakan sesuatu yang tidak disebutkan dalam mana-mana kitab besar mazhab Shafi'i. Jika ada, ia hanya disebutkan dalam kitab-kitab kecil yang membicarakan khusus tentang perkara tersebut seperti *Risālah al-Wahbah al-Ilāhiyyah*.

Ada yang berpendapat ia dilakukan pada zaman dahulu justeru kehidupan pada masa itu yang susah sehingga tidak mungkin seseorang yang meninggalkan ibadat wajib membayar penuh fidyahnya. Melihat kepada struktur hirarki masyarakat Melayu pada masa itu, hanya golongan bangsawan dan pemerintah sahaja yang mempunyai simpanan bekalan makanan rujinya dengan kuantiti yang banyak. Bagi masyarakat awam, ia merupakan suatu yang terbatas dan sudah tentu mereka tidak mampu menyediakan sejumlah besar makanan ruji tersebut untuk disedekahkan kepada fakir miskin justeru mereka juga miskin. Sebagai jalan penyelesaian pemuka agama pada masa itu mengadakan upacara sorong tarik sebagai salah satu bentuk bantu-membantu di antara satu sama lain.²⁵³

Caranya ialah dengan menyediakan secupak beras sebagai ganti satu hari puasa atau sembahyang yang ditinggalkan dan diberikan kepada peserta upacara yang terdiri daripada masyarakat kampung yang miskin-miskin belaka. Setelah menerimanya, beras yang secupak itu disedekahkan semula oleh penerima kepada pembayar fidyah. Proses tersebut berlaku berulang kali sehingga jumlah fidyah yang sepatutnya dibayar tercapai.

Selain daripada beras, berlaku juga pembayaran yang dibuat melalui barangan kemas. Mereka yang memiliki barang kemas akan membantu dengan cara menghibahkan barang-barang kemas tersebut kepada pembayar fidyah yang kemudian digunakan dalam

²⁵³ Tn.Hj.Sutjonoh bin Masut, *op.cit.*

upacara tersebut. Setelah selesai, pembayar fidyah akan meng*hibahkan* semula barang kemas tersebut kepada pemilik asal.²⁵⁴ Kelihatannya seperti meminjam barangan tersebut. Ia juga merupakan suatu bentuk tolong-menolong dalam masyarakat.

4.3.2. Tinjauan Hukum Terhadap Memberi Fidyah Kepada Peserta Kenduri.

Memberi sekampit beras 5 kg setiap satu kepada setiap peserta kenduri arwah tanpa mengira status ekonomi seseorang juga bertentangan dengan hukum syarak jika dimaksudkan untuk membayar fidyah. Ini adalah kerana mereka yang menghadiri kenduri arwah itu tidak semuanya fakir atau miskin.

Namun, jika ia dimaksudkan untuk memberi sedekah, hadiah atau hibah, maka beberapa perkara hendaklah diberi perhatian;

- i. Jika ia merupakan wasiat simati untuk sedekah atau hibah maka ia hendaklah tidak lebih daripada 1/3 hartanya itupun setelah diselesaikan kewajipan simati terhadap hak Allah dan hak orang lain.
- ii. Jika ia bukan wasiat simati maka tidak harus sama sekali diambil daripada harta simati untuk disedekahkan atau dihadiahkan kepada orang lain tanpa kesepakatan setiap ahli waris yang sah. Lebih-lebih lagi jika melibatkan harta waris yang belum aqil baligh maka keharamannya adalah jelas sebagai memakan harta anak yatim.
- iii. Jika ia diambil daripada harta waris sendiri lalu disedekahkan atau dihadiahkan kepada peserta kenduri manakala pahala sedekahnya itu

²⁵⁴ Lihat bab 3, nota kaki 20.

dihadiahkan pula kepada simati, maka ia adalah harus menurut pandangan sebahagian ulama.²⁵⁵

4.4. KESIMPULAN

Secara kesuluruhannya, fidyah merupakan salah satu daripada kaedah penggantian ibadat yang tidak dapat dilaksanakan akibat keuzuran tertentu sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan disokong pula oleh sejumlah hadis-hadis daripada Rasulullah SAW sebagaimana yang telah dikemukakan dalam bab-bab yang lepas. Terdapat dua pembahasan pokok tentang amalan fidyah yang telah didapati iaitu tentang amalan fidyah yang disepakati oleh para ulama dan yang tidak disepakati oleh mereka.

Fidyah puasa dan haji merupakan amalan yang telah disepakati oleh para ulama pelaksanaannya kerana di sana terdapat nas-nas yang jelas mengenainya daripada al-Quran dan juga al-Sunnah. Apa yang menjadi perbincangan hangat di kalangan ulama sebagaimana yang telah kita bentangkan ialah tentang fidyah selain daripada keduanya khususnya fidyah sembahyang. Berdasarkan daripada dapatan dan kajian yang dilakukan dapatlah dikatakan bahawa penulis lebih cenderung kepada pendapat yang zahir daripada mazhab Shafi'i iaitu tidak ditunaikan sembahyang dan iktikaf fardu yang tidak dikerjakan semasa hidup oleh seseorang yang mati samada dengan diqadaknya atau dibayarkan fidyahnya.²⁵⁶

²⁵⁵ Ulama khilaf dalam menyatakan tentang sampainya pahala orang yang hidup kepada orang yang mati. Untuk pembahasan lebih lanjut boleh lihat dalam, al-Jawzi, Ibn al-Qayyim (1996), *al-Ruh*. Mohd. Isa Semait (terj.), Singapura : Pustaka Nasional, cet. 6, h. 243 - 292.

²⁵⁶ Lihat bab 2.

Justeru itu, penulis berpendapat apa yang dilakukan oleh sebahagian penduduk Kanchong Darat dalam amalan fidyah mereka terutamanya fidyah sembahyang dan upacara membayar fidyah adalah suatu perkara yang tidak menepati hukum syarak berdasarkan hujah berikut;

- i. Hukum membayar fidyah sembahyang tidak sabit secara *qaṭ'ī* daripada nas al-Quran mahupun al-Sunnah. Nas al-Quran hanya menyebutkan tentang fidyah puasa dan haji sahaja dan tidak menyatakan tentang fidyah yang lain khususnya fidyah sembahyang secara langsung atau tidak. Hadis yang cuba dijadikan hujah untuk mengharuskannya didapati merupakan hadis yang *mawqūf* kepada sahabat atau *gharīb marfū'* berdasarkan pendapat al-Zayla'i bahkan mengandungi kecelaruan (*mudtarib*) pada matannya menyebabkan ianya tidak mempunyai kekuatan untuk mengistinbatkan hukum ini justeru sembahyang merupakan perkara ibadat pokok yang pelaksanaan hukum-hakam tentangnya memerlukan dalil yang *qaṭ'ī* lagi jelas. Hadis-hadis yang disebutkan sebelum ini kesemuanya *mawqūf* kepada Ibn 'Abbas dan Ibn 'Umar semata-mata. *Qawl* sahabat hanya menjadi hujah yang *qaṭ'i* apabila tidak ada pengingkaran terhadapnya dan telah masyhur ia menjadi *ijma'*. Apatah lagi jika kata-kata mereka itu bertentangan dengan nas-nas yang lebih kuat.
- ii. Sembahyang merupakan ibadat fardu yang tidak mempunyai *rukhsah* untuk ditinggalkan dalam keadaan apa sekalipun. Mengkiaskan dengan puasa adalah kurang tepat memandangkan puasa mempunyai *rukhsah* bagi orang-orang tertentu untuk ditinggalkan ibadat fardu tersebut. *'Illah* pengguguran kewajipan

puasa ialah kerana sakit dan musafir sedangkan tiada satu *'illah* pun yang dapat digunakan untuk menggugurkan sembahyang. Orang yang sakit kronik dan terlalu tua tanpa kemampuan melakukan ibadat puasa boleh tidak berpuasa dan diganti puasanya itu dengan membayar sahaja fidyah sebagaimana kesepakatan para ulama berdasarkan nas al-Quran sedangkan hukum tersebut tidak berlaku pada sembahyang. Demikian juga orang yang diharamkan sembahyang kerana haid dan nifas tidak dituntut untuk mengqadaknya atau membayar fidyah untuknya sementara orang yang diharamkan berpuasa kerana hal tersebut diwajibkan mengqadakan puasanya atau dibayarkan fidyahnya jika mati sebelum sempat menunaikannya. Justeru itu, jika ditinjau dari segi *istihsan* sekalipun sembahyang dan puasa tidak mempunyai kebersamaan dari segi *rukhsah* peninggalannya.

- iii. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, al-Dimashqī mencatatkan adanya *ijma'* tentang sembahyang tidak boleh diganti samada secara proksi atau dengan harta. Hal ini bertepatan dengan kaedah fikah yang menyatakan,

.²⁵⁷ Demikian juga Imam Ahmad

menyatakan jika mati seseorang dalam keadaan meninggalkan sembahyang maka tidak ada sesuatu atasnya (samada qada atau kafarah). Demikian juga Imam Shafi'i menyatakan bahawa tiada sesuatu apa pun yang dapat menggantikan sembahyang.²⁵⁸ Imam Malik dalam *al-Muwattā'* memetik hadis *mawqūf* tentang memberi makan kepada fakir miskin yang matannya terhenti

²⁵⁷ Al-Ghazzī, Muḥammad Ṣidqī bin Aḥmad al-Būrṇū Abu al-Harīth (2003), *Mawsū'ah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Beirut : Mu'assasah al-Risālah, c. 1, j.5, h.364.

²⁵⁸ al-Shāfi'ī, al-Imām Muḥammad bin Idrīs (2001), *op.cit.*, h.262.

hanya pada puasa sahaja.²⁵⁹ Walaupun daripada Imam Abu Hanifah ada diriwayatkan daripadanya tentang pembayaran fidyah sembahyang²⁶⁰ muridnya Imam Abi Yūsuf tidak mengharuskan hal tersebut.²⁶¹

- iv. Kebanyakan fatwa-fatwa ulama kontemporari lebih cenderung untuk menganggap pandangan yang menyatakan bolehnya fidyah sembahyang merupakan pandangan yang *da'if* yakni lemah dan tidak dapat dipakai dalam urusan *'ibadah khususiyah* dalam agama.²⁶²
- v. Jika amalan fidyah sembahyang ini dibenarkan dalam agama sudah tentu ia akan diambil kesempatan oleh mereka yang mempunyai banyak wang tetapi malas mengerjakan amal ibadat terutamanya sembahyang untuk meninggalkannya kerana mereka beranggapan ianya boleh diselesaikan oleh warisnya selepas daripada kematian mereka. Sudah tentu perkara ini amat bertentangan dengan sifat kefarduan sembahyang itu sendiri yang amat dititik beratkan dalam Islam.
- vi. Amalan sorong tarik dalam pembayaran fidyah juga tidak dapat diterima oleh akal yang waras dan pertimbangan hukum syarak kerana ia seolah-olah satu bentuk persendaan. Ia merupakan satu bentuk *hilah* yang tidak boleh diterima dalam agama. Jika ia boleh dilakukan dalam membayar hutang kepada Allah, mengapa tidak sahaja dilakukan dalam perkara hutang dengan manusia. Katakan seseorang berhutang RM 15,000.00 dengan seseorang dan simati

²⁵⁹ Lihat Malik bin Anas (1998), *loc.cit.*

²⁶⁰ Dikatakan pada sisi Imam Abu Hanifah sembahyang boleh difidyahkan jika simati berwasiat mengenainya. Lihat, Al-Dimyāṭī, *loc.cit.*

²⁶¹ Lihat Mawlana Shaykh Nizam (2000), *loc.cit.*

²⁶² Lihat pandangan mereka pada bab 2 kajian ini.

mempunyai wang sekadar RM 5,000.00 sahaja. Kenapa upacara sorong tarik ini tidak dilakukan tiga kali agar hutangnya tertunai, tetapi sebaliknya dalam Islam menggalakkan sipenghutang mendedahkan sahaja hutangnya kepada simati jika ia tidak mampu (miskin). Hal ini dinyatakan dalam al-Quran,

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ

تَعْلَمُونَ

Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) Bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

-al-Baqarah (2): 280.

Berdasarkan argumentasi inilah mengapa penulis menyokong pandangan yang menyatakan tidak adanya pembayaran fidyah sembahyang yang ditinggalkan oleh simati dan menolak amalan membayar fidyah melalui upacara khas sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian penduduk Kampung Kanchong Darat.

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, terdapat beberapa kesimpulan yang penulis dapati iaitu;

- i. Fidyah merupakan salah satu daripada amalan dalam Islam yang terdapat dalam fikah ibadah. Terdapat amalan fidyah yang menjadi kesepakatan oleh ulama tentangnya iaitu fidyah puasa dan fidyah haji. Amalan fidyah yang menjadi perbincangan dan pertikaian di kalangan ulama ialah fidyah sembahyang . Kedapatan sebahagian ulama yang bersetuju tentang fidyah sembahyang manakala sebahagian besar ulama sama ada ulama terdahulu atau ulama kontemporari tidak bersetuju dengan adanya fidyah sembahyang disebabkan tidak terdapatnya nas yang jelas dan terang tentang pensyariatannya. Lagi pun para Imam mazhab tidak menyebutkan mengenainya.
- ii. Dari segi pengamalannya oleh masyarakat terutamanya di kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor, terdapat pelbagai cara pembayaran fidyah yang dilakukan oleh mereka berdasarkan kefahaman masing-masing. Ada yang membayarnya kepada pihak berkuasa agama, membayarnya terus kepada kumpulan sasar iaitu fakir miskin dan ada pula yang melakukan upacara khas membayar fidyah.

iii. Terdapat dua pandangan tentang amalan membayar fidyah di kalangan penduduk kampung Kanchong Darat, Banting, Selangor. Bagi mereka yang mendapat pendidikan agama sehingga ke peringkat tertiar menolak amalan mengadakan upacara khas membayar fidyah ini apatah lagi fidyah sembahyang dengan alasan tiadanya nas yang kukuh untuk melakukannya. Manakala mereka yang telah lama menjadi rujukan agama di kampung tersebut masih mempertahankan dan mengamalkan upacara membayar fidyah termasuk amalan fidyah sembahyang.

iv. Upacara khas membayar fidyah masih lagi dijalankan oleh sebahagian masyarakat kampung Kanchong Darat disebabkan perkara berikut;

- a. Kurangnya maklumat yang mereka terima dalam memahami persoalan fidyah. Para pengamal upacara membayar fidyah ini tidak mempunyai pendidikan agama yang formal.
- b. Ikut-ikutan daripada pengamal sebelumnya. Mereka mengamalkan upacara membayar fidyah berdasarkan amalan yang dilakukan oleh leluhur mereka tanpa mempersoalkan kesahihannya dari segi hujjah yang berdasarkan nas al-Quran dan al-Hadis. Malahan, ada di antara mereka salah dalam memahami apa yang terdapat dalam kitab *I'alah al-Talibin* yang menjadi pegangan mereka dalam hal ini. Selain itu mereka hanya mengikut apa sahaja yang dilakukan dan dikatakan oleh pihak yang mengepalai upacara membayar fidyah ini. Oleh kerana yang melakukannya ialah mereka yang mempunyai kedudukan dalam agama di kampung mereka mengikutnya tanpa soal.

- c. Amalan upacara membayar fidyah ini juga telah menjadi adat kebiasaan bagi sesetengah daripada mereka. Apabila berlaku kematian maka upacara ini perlu diadakan bagi menolong simati yang kemungkinan ada meninggalkan puasa atau sembahyang mereka. Dengan mengadakan upacara ini besarlah harapan mereka agar Allah memaafkan sahaja kesalahan yang telah mereka lakukan.
- d. Keteguhan pihak tertentu berpegang kepada amalan ini terutama yang dianggap mahir dalam soal agama juga merupakan salah satu sebab mengapa amalan ini masih dilakukan. Persoalan ini pernah ditimbulkan oleh mereka yang tidak bersetuju dengan upacara ini tetapi akhirnya ia menimbulkan persengketaan dan permusuhan antara dua pihak. Mereka yang mempersoalkan amalan ini akan dilabel sebagai kaum muda, puak Wahabi dan golongan ekstrem. Walaupun hujah yang dikemukakan oleh golongan yang menentang ini lebih kuat dan sahih, ia tetap mendapat tentangan daripada mereka yang mempertahankannya. Alasan yang paling kerap dikemukakan ialah amalan ini pernah dilakukan oleh orang-orang alim terdahulu termasuk mantan Al-Marhum Mufti Negeri Selangor.
- e. Ia juga merupakan jalan pintas bagi mereka yang mendapati simati banyak menanggung dosa meninggalkan sembahyang dan puasa untuk menebus segala dosa yang dilakukannya. lebih-lebih lagi bagi mereka yang berkemampuan, ia merupakan salah satu peluang bagi menolong simati yang banyak meninggalkan sembahyang dan puasa semasa hidupnya walhal kita tidak tahu apakah ianya boleh menghapuskan dosa meninggalkan kefarduan asasi begitu sahaja.

ii. Berdasarkan kajian ini, setelah menganalisis hujah yang digunakan oleh kedua-dua pihak serta nas-nas dan sumber hukum yang berkaitan yang dijadikan sandaran maka didapati pendapat yang mengatakan sembahyang yang ditinggalkan tidak boleh digantikan dengan fidyah merupakan pendapat yang paling rajih dan kuat. Justeru itu pengamalan fidyah sembahyang yang dilakukan oleh sebahagian penduduk Kanchong Darat bersandarkan kepada pandangan yang lemah manakala cara yang dilakukan oleh mereka juga tidak bertepatan dengan hukum syarak.

5.2. Saranan.

Masyarakat perlu memahami perkara ini dengan sejelas-jelasnya. Sehubungan dengan itu, penulis menyarankan;

i) Pihak berkuasa agama mempunyai peranan tentang hal ini kerana mereka adalah pihak yang boleh dipercayai oleh masyarakat. Pihak Jabatan Mufti perlu memandang serius tentang perkara ini dengan mengadakan satu muzakarah khas ahli-ahli Majlis Fatwa negeri bagi membincangkan dan mengeluarkan fatwa serta garis panduan berkaitan untuk menjadi pedoman kepada masyarakat. Dengan fatwa yang dikeluarkan ia akan dapat menamatkan keraguan di kalangan masyarakat di samping boleh dijadikan pegangan oleh mereka dalam menjalankan tanggung jawab membayar fidyah yang sebenar.

ii) Khutbah Jumaat merupakan medium paling berkesan untuk menyampaikan maklumat agama. Satu khutbah mengenai amalan fidyah yang sebenar bagi membetulkan amalan

masyarakat hendaklah dikeluarkan untuk dibaca di masjid-masjid seluruh negeri Selangor. Hal ini akan memberikan kefahaman yang jelas kepada semua peringkat masyarakat.

iii) Ilmu tentang amalan fidyah yang sebenar perlulah disebar luaskan dengan sejelasa-jelasnya kepada masyarakat. Hanya dengan pendidikan yang lebih komprehensif sahaja dapat mengubah fikiran dan pendirian masyarakat. Para ilmuan dan pendakwah perlu menyebarkan kepada masyarakat dalam pengajian dan ceramah mereka tentang kepentingan melakukan amalan fardu, kerosakan akibat meninggalkannya serta menjelaskan amalan-amalan yang menyimpang daripada syarak dan membetulkannya berdasarkan hujah yang kuat dan berautoriti. Walau bagaimanapun ilmu yang hendak disampaikan itu hendaklah dengan cara yang baik dan berhikmah sesuai dengan metodologi dakwah Islam itu sendiri.

iv) Oleh kerana orang yang mengepalai upacara membayar fidyah ini ialah mereka yang berkedudukan dalam agama seperti imam dan bilal, maka pihak berkuasa agama negeri hendaklah memanggil mereka dalam satu kursus khas bagi menerangkan persoalan ini dan juga persoalan lain dengan sejelasnya agar mereka tidak lagi meneruskan amalan-amalan yang kurang bersesuaian dengan hukum syarak. Para ahli kariah bergantung kepercayaan kepada golongan ini maka mereka merupakan golongan sasaran utama untuk membetulkan sebarang amalan agama.

v) Para ulama yang menjadi kolumnis dalam mana-mana media penerbitan hendaklah menulis satu tajuk khusus mengenai hal ini untuk disiarkan dalam media penerbitan. Masyarakat biasanya akan menjadikan bahan tulisan dalam media penerbitan terutamanya akhbar harian dan majalah Islami sebagai rujukan yang dianggap terbaik untuk diamalkan oleh mereka. Pihak yang tidak bersetuju dengan amalan ini juga akan mempunyai pegangan dan sandaran yang kuat.

5.3. Penutup.

Dalam keghairahan umat untuk kembali kepada ajaran Islam dengan melaksanakan semua amalan yang dianjurkan oleh agama mereka, ia memerlukan kekuatan hujah dalam hal tersebut. Dalam ledakan dunia ilmu dan teknologi maklumat masa kini umat Islam perlu menjadikan ilmu pengetahuan sebagai salah satu kegiatan utama dalam kehidupan mereka. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang benar dan muktabar sahaja umat Islam dapat melakukan satu-satu amalan sesuai dengan kehendak Allah dan rasul-Nya.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Bāqī , Muḥammad Fu‘ād (1982), *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur`ān al-Karīm*. Istanbul : al-Maktabah al-Islāmiyyāh
- ‘Abd al-Karim Zaydan (2002), *al-Wajīz Fī Usūl al-Fiqh*. Beirut : Muassasah Risalah
- ‘Abd Allāh bin Aḥmad (1981), *Masa`il al-Imam Ahmad bin Hanbal*. c.1., Beirut:al-Maktab al-Islami.
- ‘Abd al-Rahman bin al-Syaikh Muhammad bin Sulayman (t.t), *Majma‘ al-Anhar fi Syarh Multaqa al-Abhar*. t.t.p : t.p
- ‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-(t.t), *al-Dirayah fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*. Beirut : Dar al-Ma‘rifah,
- Abbas Husni Mohamad, Dr.(1996), *Perkembangan Fikah Islam*. Mohd.Asri Hashim (terj.) c.1., Kuala Lumpur : YADIM.
- Abd.Ghani bin Yahya (1959), *Suluh Maṭla‘ al-Badrayn*. Singapura : Al-Ahmadiyah Press
- Abd.Halim Bashah, Haji (t.t), *Wali Songo Dengan Perkembangan Islam Di Nusantara*, Kota Bharu : Al-Kafilah Enterprise
- Abdul Kadir Hasan (1985), *Ilmu Hadis*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press
- Abdullah Zakaria Ghazali *et.al.* (eds), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*,c. 1. Shah Alam: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor
- Abi Islam Mustafa bin Muhammad bin Salamah (t.t.),*al-Ta`sis fi Usul al-Fiqh ‘Ala Dhaw’ al-Kitab wa al-Sunnah*. t.t.p : Maktabah Al-Haramayn li al-‘Ulum al-Nafi‘ah
- Abū Dawūd al-Sajastānī, Sulaymān bin al-Ash‘ath (t.t), *Sunan Abi Dawūd* . Riyad : Maktabah al-Ma’arif li al-Nasyr wa al-Tawzi’
- Abu Shahbah, Muhammad bin Muhammad, (t.t), *al-Wasit Fi ‘Ulum Wa Mustalah al-Hadith*. t.t.p : t.p.
- ‘Adawi, Mustafa bin al- (1990), *Taysir Mustalah al-Hadith Fi Su’al Wa Jawab*.c.2, t.t.p : Maktabah al-Haramayn.

- Ahmad bin Hanbal, al-Imam (1995), *al-Musnad*. 20 j., c.1., Kaherah : Dar al-Hadith.
- Ahmad Rofiq, Drs. (2000), *Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta : PT Raja Grafindo Persada
- Ahmad Sunawari Long (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi : Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- ‘Ainani, Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad al- (1990), *al-Banayah fi Sharh al-Hidayah*. 10 j., c. 2, Beirut : Dar al-Fikr,
- Albani, Muhammad Nasir al-Din al-(1998), *Sahih Sunan al-Nasa’i*. 3 j., Riyadh : Maktabah al-Ma‘arif li al-Nasyr wa al-Tawz
- Bahuti, Mansur bin Yunus al- (t.t), *al-Rawd al-Murabbi’ Sharh Zad al-Mustaqni’*. t.t.p: Dar Mu`ayyad
- Bayhaqi, Imam Ahmad bin al-Husayn bin ‘Ali bin Musa Abi Bakr al-(2003), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*. c.3, 11 j., Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Bujayrami, Shaykh Sulayman bin Muhammad bin ‘Umar al- (1996), *Hashiyah al-Bujayrami ‘ala al-Khatib*. c.1., 3 j., Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Bukhari, Abi Abd Allah Muhammad bin Ismail al- (1400H), *al-Jami’ al-Sahih*. 4 j., Kaherah : al-Maktabah al-Salafiyyah
- Buku Himpunan Profil Kanchong Darat*, t.t : t.p
- Catherine Soannes and Sara Hawker (ed.) (2005), *Compact Oxford English Dictionary*. edisi 3. Oxford : Oxford University Press
- Dimashqī, Abi ‘Abd Allāh Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-(1996), *Rahmat al-Ummah fi Ikhtilaf al-A‘immah*. Beirut : Dār al-Fikr
- Dimyaṭī, al-‘Allāmah Abi Bakr ‘Uthmān bin Muhammad Shattā al- (1995), *Ḥāshīyāh I‘ānah al-Ṭālibīn*. Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah
- Duwaisi, al-Shaykh Ahmad bin ‘Abd al-Razzaq (ed.) al-(t.t), *Fatawa al-Lujnah al-Da’imah li al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifta’*. Kaherah : Dar Ibn al-Haytham
- Fairuz Abadi Al-(t.t.), *al-Qamus al-Muhit*. Beirut : Dar al-Jil
- Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-(t.t.), *al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Usul*. Tahqiq Dr Hamzah bin Zuhayr Hafiz. 4 j., t.t.p : t.p

- Ghazi al-Shafi'i, Shams al-Din Abu 'Abdillah Muhammad bin Qasim al- (t.t.), *Fath al-Qarib al-Mujib*. Singapura : Dar al-Tiba'ah al-Misriyyah al-Kubra
- Ghazzī, Muḥammad Ṣidqī bin Aḥmad al-Būrnū Abu al-Harith al-(2003), *Mawsū'ah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. c.1., 12 j., Beirut : Mu`assasah al-Risālah.
- H. Idris Ahmad S.H.(1989), *Fiqh Syafi'i*. K.Lumpur : Pustaka Antara
- Hajawi, Sharaf al-Din Abi al-Naja Musa bin Ahmad (1397), *al-Rawd al-Murabbi' Bi Sharh Zad al-Mustaqni'*. c.8., Kaherah : al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Hissamuddin Ibrahīm (2002), “*Pengamalan Fidyah Solat : Satu Kajian Hukum di Negeri Kedah*” (Kertas Projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Hudari Bik, al-Shaykh Muhammad al-, (1389H), *Usul al-Fiqh*. c.6, Mesir : al-Maktabah al-Tijarah al-Kubra.
- Ibn Abi al-'Iz al-Hanafī (1391H), *Sharh al-'Aqidah al-Tahawiyah*. c.4., Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn al-Husayn. Ahmad bin Fāris bin Zakariyyā (1971), *Mu'jam Maqāyis al-Lughah* . Mesir : Mustafa al-Bābi al-Halabī
- Ibn Kathīr, Abi al-Fida' Isma'il (2000), *Tafsīr al-Qur`ān al-'Aẓm*. c.1., 15 j., Jizah : Mu`assasah Qurtubah.
- Ibn al-Manzūr (t.t.), *Lisān al-'Arab*. 6 j., Kaherah : Dar al-Ma'arif.
- Ibn Qudāmah, Abī Muhammad 'Abd Allāh bin Aḥmad (1992), *al-Mughnī*, c.2. Kaherah : Hajar Li
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*. Petaling Jaya : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel MULTIMEDIA AND PUBLICATION
- Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr dan Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Muhalla (t.t), *Tafsir al-Imamayn al-Jalalayn*. t.t.p : Dar Ibn Kathir
- Jawzi, Ibn al-Qayyim al- (1996), *al-Ruh*. Mohd. Isa Semait (terj.), c.6, Singapura : Pustaka Nasional.
- Jayzani, Muhammad bin Husayn bin Hasan al-(1996), *Ma'alim Usul al-Fiqh 'Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. c.1, Riyad : Dar Ibn al-Jawzi, cet.1
- Jaziri, 'Abd al-Rahman Al-(1987), *Kitab Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*. 4 j.,

Kaherah : Dar Al-Rayyan

Jurjānī, Abī al-Hasan ‘Alī bin Muhammad bin ‘Alī al-Husaynī Al-(2003), *Al-Ta‘rifāt*.
Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh

KH Muammal Hamidy, Dialog Agama, Majalah Al-Falah, September 2007, Surabaya :
Yayasan Dana Sosial Al-Falah, Edisi 234

Khalid Ramadan Hasan (1998), *Mu‘jam Usul al-Fiqh*. c.1, t.t.p : al-Rawdah.

Khalili, Syeikh Ahmad bin Hamad al-(2003), *al-Fatawa*. ‘Oman : al-Maktab al-Fanni
Li al-Ajyal

Khomeini, Ayatullah al-‘Uzma al-Imam al-Musavi (1404H), *Zubdah al-Ahkam*. Tehran
: Munazzamah al-‘Ilam al-Islami,

M. Aliy As‘ad , Drs. (1988), *Terjemahan Fathul Muin*. Klang : Klang Book Centre

Malik bin Anas (1998), *al-Muwatta’*. 2 j., Beirut : Muassasah Al-Risalah

Marbawī, Muhammad Idrīs ‘Abd al-Ra‘ūf Al-(1350 H), *Qāmūs Idrīs Al-Marbawī*
‘Arabī – Malāyūwī. Mesir : Mustafa al-Bābi al-Halabī

Mawlana Shaykh Nizam (2000), *al-Fatawa al-Hindiyyah*. c.1., 6 j., Beirut:Dar al-
Kutub al-‘Ilmiyyah.

Mohd Khairi Zainudin, et.al (2008), *Al-Miftah Mu‘jam ‘Asri ‘Arabi Malayuwi Injlizi*.
c.2, Negeri Sembilan : Al-Azhar Media Enterprise,

Mubarakfuri, Muhammad bin ‘Abd al-Rahim, al-(t.t), *Tuhfah al-Ahwazi Bi Sharh Jami’*
al-Tirmidhi. 10 j., t.t.p : Dar al-Fikr

Muhammad bin Abu Zuhrah (t.t), *Usul al-Fiqh*. t.t.p : Dar al-Fikr al-‘Arabi

Muhammad ‘Uthman Syabir , Dr.(2006), *Fatawa al-Syeikh Muhammad Abi Zahrah*.
c.1., Damsyik:Dar al-Kalam.

Muhammad Amin (1386H), *Hashiyah Rad al-Mukhtar ‘Ala al-Dar al-Mukhtar : Sharh*
Tanwīr al-Absar. c.2., Beirut:Dar al-Fikr.

Muhammad Jawad Mughniyah (1984), *al-Fiqh ‘Ala al-Madhahib al-Khamsah*. c.2.,
Beirut : Dar al-Jawad.

Muhammad Mukhtār bin ‘Uṭarid, al-Shaykh (1330H), *Risālah al-Wahbah al-
Ilāhiyyah fi Bayān Isqaṭ Ma ‘alā al-Mayt min al-Huqūq wa al-Ṣiyām wa al-
Ṣolāh*. Mekah : Matba‘ah al-Taraqī al-Mājidhiyyah al-‘Uthmāniyyah.

- Muslim bin al-Hajjaj , Imam Abi al-Husayn (t.t), *al-Jami' al-Sahih*. 8.j., t t.p : al - Taba'ah al-Turkiyah
- Mustafa al-Khin et.al (1998), *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. c.3, Damsyik : Dar al-Qalam.
- _____ (1998), *al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Ridzuan B. Hashim (terj). 6 j., Kuala Lumpur : Pustaka Salam.
- Najdi, 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim al-'Asimi al- (1398H), *Hashiyah al-Rawd al-Murabbi' Sharh Zad al-Mustaqni'*. c.1., 7 j., t.t.p : t.p.
- Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman al-(2001), *al-Sunan al-Kubra*. 12 j., Beirut : Muassasah Al-Risalah
- Nawawī, Imam Abi Zakariyya Yahya bin Sharaf al- (t.t), *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab Li al-Shirazi*. 23 j., Jeddah : Maktabah al-Irshad
- _____, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al- (1996), *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, 23 j., Beirut : Dār al-Fikr
- _____, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-(t.t), *Minhāj al-Tālibin wa 'Umdat al-Muftīn*. Beirut:Dar al-Ma'rifah
- _____, Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Sharif al- (2008) , *Hadith 40 Disertakan Intipati Hadith*. Ahmad Hasan Mohd Nazam dan Khairia Haji Ismail (terj.), Shah Alam : Intel MULTIMEDIA AND PUBLICATIONS
- Noresah bt. Baharom, Hajah, et.al. (eds) (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. c.2., Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cet.2.
- Norsazali Abdullah (1993), “*Amalan Fidyah : Cara dan Pelaksanaannya Di Dalam Masyarakat Islam Kini. Tumpuan kajian di Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.*” (Kertas Projek , Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).
- Nuh 'Alī Sulaymān (1983), *Qada' al-'Ibādah wa al-Niyābah Fīhā*. c.1, Amman : Maktabah al-Risālah al-Hadīthah.
- Othman b. Hj.Khalid et.al (2006), *Qamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pejabat Mufti Brunei (t.t), “Membayar Fidyah Puasa : Memadaikah Dengan Wang?”, *Irsyad*, Bil.265

Qaradawi, Dr. Yusuf, Al-(t.t), *Fiqh al-Zakah*, Dr. Monzer Kahf (terj.). Saudi Arabia : Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University

_____, Dr. Yusuf, (t.t), *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw` al-Quran wa al-Sunnah*. 2 j., Beirut : Dar al-Irsyad.

_____, Dr. Yusuf al-(2002), *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu`asir fi Daw` al-Quran wa al-Sunnah*. Abdul Hayyie al-Kattani et.al (terj.), Jakarta : Gema Insani

_____, Dr. Yusuf al- (1984), *Halal dan Haram Dalam Islam*. Muammal Hamidy (terj), c. 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd

Qarafi, Shihab al-Din Ahmad bin Idris Al- (1994), *Al-Dhakhirah*. c.1, Beirut : Dar al-Gharb al-Islami.

Qurṭubī, Muhammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farh al-(1372H), *al-Jamī` li Ahkām al-Qur`ān*. 24 j., Kaherah : Dār al-Sya`b

Sa`di, Shaykh `Abd al-Rahman bin Nasir al-(t.t), *Risalah Latifah fi Usul al-Fiqh*. t.t.p : t.p

Ṣābūni, Muhammad `Ali al- (1980), *Rawa`i` al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*. c.3., 2 j., Damsyik : Maktabah al-Ghazali.

San`ani., Abu Bakr `Abd al-Razzaq bin Humam al- (1403H), *al-Musannaf*. c.2, 12j., Beirut : al-Maktab al-Islami.

Shafi`i , al-Imam Muhammad bin Idris al- (2001), *Al-Umm*. c.1, 11 j., Mesir : Dār al-Wafā`.

_____, al-Imam Muhammad bin Idris al- (1400H), *Ahkām al-Qur`ān*. 2 j., Beirut : Dār al-Kitab al- `Ilmiyyah.

Sharbīnī, al-Shaykh Muḥammad al-Khatīb Al-(t.th) *Mughnī al-Muhtaj ila Ma`rifah Ma`anī Alfaz al-Minhaj*. 4 j., t.t.p : Dar al-Fikr

Siba`i, Dr. Mustafa al-(2000), *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri` al-Islami*. t.t.p : Dar al-Waraq

Subhi Saleh, Dr. (1996), *Ilmu Hadis Satu Pengenalan dan Kajian*. Arifin Omar & Mohd. Nor Ngah (terj). c.2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Subki, Mahmud Muhammad al-Khattab al- (1991), *al-Din al-Khalis*. c.5, 9 j., t.t.p : al-Maktabah al-Mahmudiyah al-Subkiyah.
- Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *Fūrū‘ al-Masā’il*. Pulau Pinang : Maktabah wa Maṭba‘ah Dār al-Ma‘ārif
- Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (t.t), *Sabīl al-Muhtadīn Lī al-Tafaqquh Fī Ūmūr al-Dīn*.Singapura : Pustaka Nasional
- Tabrizi, Muhammad bin ‘Abd Allah al-Khatib al- (1985), *Misykat al-Masabih*. c.3, Beirut : al-Maktab al-Islami.
- Tahawi, Abu Ja‘far Ahmad bin Salamah bin Abd al-Malik bin Salmah al-Azadi al-Hijri al-Misri al-(1415 H), *Sharh Mushkal al-Athar*. 16 j., Beirut : Muassasah al-Risalah
- Tahhan, Dr. Mahmud al- (1405H) , *Taysir Mustalah al-Hadith*. c.7, Iskandariah : Markadh al-Huda li al-Dirasah.
- Tahtawi al-Hanafi, Ahmad bin Muhammad bin Ismai‘l Al- (1318H), *Hashiyah ‘ala Muraqī al-Falah Syarh Nur al-Idhah*. c.3, Mesir:Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Thomas Wiyasa Bratawijaya (1997), *Mengungkap dan Mengenal Budaya Jawa*, Jakarta : PT Pradnya Paramita
- Tirmidhī, Muhammad bin Abū ‘Īsā al-(t.t.) , *Sunan Al- Tirmidhī*. Beirut : Dār Ihyā al-Turāth al-‘Arab
- TM Hasbi Ash Shiddieqy (1983), *Hukum-hukum Fiqih Islam*. c.7 Jakarta : Penerbit Bulan Bintang.
- Wibatsu Harianto S, Ir. H. (2003), *Almanak Mahadewa 2004*. Tangerang: Penerbit Cakrawala.
- Ya‘kub Ismail (1988), *Usul Fiqh*. Shah Alam : Pustaka Salam
- Zayn bin Ibrahim bin Muhammad bin Muhammad bin Bakr (t.t), *Al-Bahr al-Ra‘iq Sharh Kandh al-Daqa‘iq*. Beirut:Dar al-Ma‘rifah,
- Zanātī, Anwār Mahmūd (t.t) *al-Rasyīd Mu‘jam al-Mustalahāt al-Islāmiyyah*. t.t.p : tp.
- Zar‘i, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr Ayub al-(1975), *Al-Ruh fī al-Kalam ‘ala Arwah al-Amwat wa al-Ihya’ bi al-Dala’il min al-Kitab wa al-Sunnah*. Beirut:Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Zarkashī, Abī ‘Abd Allāh Badr al-Dīn Muhammad Al- (2000), *al-Manthūr fi al-Qawā‘id Fiqh Shāfi`i*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh

al-Zarqa, al-Shaykh Ahmad bin al-Shaykh Muhammad (2001), *Sharh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. c.6, Damsyik : Dar al-Fikr.

Zayla‘i, ‘Abd Allah bin Yusof Abi Muhammad al-Hanafi al-(1357H), *Nasb al-Rayah li Ahadith al-Hidayah*. Mesir : Dar al-Hadith

Zuhayli, Dr. Wahbah Al-(1985), *al-Fiqh wa Adillatuhu*. 8 j., Damsyik : Dar al-Fikr

_____, Dr. Wahbah al-(1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik : Dar al-Fikr.

LAMAN WEB

http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=612. 26 November 2007.

http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=1172. 26 November 2007.

http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/mufti/fatwa_warta_view.asp?keyID=433 26 November 2007.

http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=523 26 November 2007

http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa_id=48 26 November 2007

Soalan-soalan temu bual.

TEMU BUAL 1

Kelompok : Pihak yang terlibat membayar fidyah.

	1.2.

TEMU BUAL 2

Kelompok : Pihak yang terlibat menyelenggarakan upacara membayar fidyah.

	1.4.

TEMU BUAL 3

Kelompok : Ahli agama tempatan dan pihak berkuasa agama.

	1.7.

Fatwa Negeri Perlis.

Fatwa Negeri Perlis 40

Kategori : Ibadat

Tajuk : Fidyah Sembahyang Dan Puasa.

Isu :

Oleh : Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

Keputusan :

Di dalam sembahyang tidak ada fidyah kerana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tinggal sembahyang dengan sengaja itu tidak ada jalan untuk menebusnya melainkan bertaubat Nasuha”.

Adapun fidyah puasa adalah seperti yang tersebut di dalam ayat 184 surah al-Baqarah yang bermaksud:

“Barangsiapa keberatan ke atas dirinya berpuasa maka hendaklah ia memberi fidyah dengan cara memberi makan seorang miskin (bagi tiap-tiap sehari yang ditinggalkannya)”.

Sumber : http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/mufti/fatwa_warta_view.asp?keyID=433

Fatwa Negeri Pulau Pinang

Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang

Kategori : Ibadat

Tajuk :

Fidyah Sembahyang Dan Puasa

Isu :

Hukum mengenai qadha sembahyang dan bayar fidyah puasa bagi si mati.

Keputusan :

Tiada diqadhakan dan juga tidak dikeluarkan fidyah bagi sembahyang si mati.

Manakala hukum fidyah puasa, sekiranya orang yang mati sedang menanggung puasa fardhu dan berkesempatan untuk menqadhakannya tetapi ia tidak berbuat demikian maka dikenakan fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan sebanyak 15 tahil beras. Jika puasa itu tidak diqadhakan lewat bertahun maka fidyah akan berganda mengikut bilangan tahun.

Keterangan >>

Baca : 217

Keterangan :

Terdapat 3 pendapat mengenai hukum fidyah sembahyang di dalam mazhab Shafie, antaranya:

- i) Tidak diqadhakan dan juga tidak dikeluarkan fidyah bagi sembahyang si mati.
- ii) Diqadhakan sembahyang si mati oleh waris atau kerabatnya, boleh di keluarkan harta peninggalan si mati bagi tujuan tersebut tetapi tiada di buat fidyah.
- iii) Boleh dibuat fidyah ke atas setiap waktu yang ditinggalkan oleh simati dengan kadar 15 tahlil beras setiap sembahyang.

yang muktamad adalah pendapat pertama.

Sumber : http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=523

Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang

Kategori : Ibadat

Tajuk :
Membayar fidyah puasa dengan barang kemas.

Isu :

Keputusan :

Jawatankuasa memutuskan bahawa membayar fidyah barang kemas untuk orang yang telah mati adalah bertaklik kepada Mazhab Imam Hanafi kerana fidyah puasa dalam mazhab shafie adalah barang makanan seperti beras.

Jawapan daripada Majlis Agama Islam Singapura



[Print](#) - [Close Window](#)

Date:	Mon, 26 Nov 2007 12:23:40 +0800
From:	"muis_feedback@muis.gov.sg" <muis_feedback@muis.gov.sg>
Subject:	RELIGIOUS [MUI-07-004385]
To:	"sostonong@yahoo.com" <sostonong@yahoo.com>

Assalamualaikum Wr. Wb.

Semoga tuan berada di dalam keadaan sihat sejahtera disamping keluarga.

Fidyah adalah hanya untuk membayar semula kewajipan puasa yang ditinggalkan ketika bulan Ramadan. Oleh itu, tidak terdapat fidyah bagi solat kerana apabila seorang itu meninggal dunia, tidak diwajibkan keatas ahli warisnya bersolat untuknya.

Wallahu a'lam.

Muhammad Maaz Bin Sallim | Temp | Office of the Mufti | DID: 6359 1449| Fax: 6259 1735 | Email:
oomtemp@muis.gov.sg | Islamic Religious Council of Singapore (Muis) | No 1 Lorong 6, Toa Payoh, Singapore
319376 | Website: www.muis.gov.sg

====Customer Enquiry Details =====

Customer Name: rumaizi ahmad

Submitted on:11/26/2007 11:04:00 AM

Subject:RELIGIOUS

Case Ref No.:MUI-07-004385

Question:

Askm. Apakah pandangan pihak MUIS tentang fidyah sembahyang. T.kasih.

Fatwa Negeri Kedah



Hukum membuat fidyah solat

▣ Kod Sumber: j1b2s24

▣ Jilid: 1

▣ Kategori: Solat

Soalan 24

Adakah membuat fidyah sembahyang yang dilakukan dengan beras atau barang itu menjadi bida'ah?

Jawapan

Membuat fidyah sembahyang yang dilakukan dengan beras atau barang itu tidak menjadi bida'ah dengan syarat-syarat yang tertentu.

 [Cetak halaman Fatwa ini](#)

 [Tutup halaman Fatwa ini](#)

Sumber : http://www2.kedah.gov.my/mufti/readfatwa.php?fatwa_id=48

Fatwa Negeri Selangor

Keputusan Fatwa Negeri Selangor Darul Ehsan

Kategori : Ibadat

Tajuk :
KIRAAN BAYARAN FIDYAH

Isu :
Persoalan ini adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan pandangan Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai kiraan bayaran fidyah.

Keputusan :

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum (FATWA) Negeri Selangor telah sebulat suara memutuskan bahawa:

- i- Maksud fidyah-denda yang dibayar dengan menggunakan beras (makanan asasi) mengikut kadar 1 cupak dan tidak boleh dibayar mengikut nilai duit sebagai ganti kepada beras.**
- ii- Seterusnya mesyuarat menyarankan agar pamflet berhubung perkara ini dikemaskinikan lagi dengan memasukkan kiraan yang betul mengikut sukatan 1.**

Sumber : http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_search_result.asp?keyID=1172

K A D A T U C A R A

JAWATANKUASA MAJLIS

PENAUNG

Tuan Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar

PENASIHAT

Al-Fadhil Tuan Md Razali Bin Hassanusi
Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Fakir Miskin
Daerah Kuala Langat

En. Sharifuddin Muda

Ketua Operasi Wilayah Selatan

PENYELARAS MAJLIS

En. Mohd Nur Fadhli Yohman
Pegawai Zakat Agihan Daerah Kuala Langat

PENYELIA PROGRAM (Kewangan)

En. Mat Husain Sabar

URUSETIA

En. Tamsir Kasran
En. Kamarulzaman Che Husain
Puan Nor Hafizah Baharudin
Cik Norliza Jajuli
Seluruh Kakitangan LZS Ibu Pejabat & Wilayah Selatan



PROGRAM AGIHAN BANTUAN RAMADHAN / HARI RAYA 1429 H/ 2008 M

DAERAH KUALA LANGAT
MUKIM MORIB/KELANANG

TARIKH

28HB OGOS 2008
BERSAMAAN 26 SYAABAN 1429H

TEMPAT

DEWAN ORANG RAMAI
KANCHONG DARAT

PERASMI

YB DATO DR HAJI HASSAN BIN HAJI MOHD ALI
EXCO HAL EHWAL ISLAM, ADAT-ADAT MELAYU,
INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM

ANJURAN

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)
DAERAH KUALA LANGAT

Selamat Hari Raya
Aidilfitri



Lampiran 7

ATUCARA MAJLIS

JUMLAH AGIHAN BANTUAN

PAGI

- 8.00 : Pendaftaran asnaf / sarapan pagi
8.30 : Taklimat LZS
8.45 : Tazkirah / Ceramah
(Tajuk – Nikmat Syukur & Bahana Kufur)
9.30 : Ketibaan Tetamu VIP
9.40 : Ucapan Pengerusi Majlis
: Bacaan Doa
: Ucapan Tuan Pegawai Agama Islam Daerah
: Ucapan Perasmian VIP
: Upacara Penyampaian Agihan kepada asnaf
: Makan Tengahari
: Bersurai

KARYAH	JUM . F/M	JUM. BANT HARI RAYA (RM)	JUM.BANT FID'YAH (F.M)	JUMLAH (RM)
MORIB	26	17 900.00	1 300.00	19 200.00
KG. ENDAH	17	12 900.00	850.00	13 750.00
KELANANG	67	38 850.00	3 350.00	42 200.00
KANCHONG DARAT	69	49 100.00	3 450.00	52 550.00
SG LANG TENGAH	8	6 000.00	400.00	6 400.00
KANCHONG TENGAH	14	10 250.00	700.00	10 950.00
JUMLAH BESAR	201	135 000.00	6 600.00	145 050.00

" Dan bersegeralah kamu mengharap keampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang di sediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (yaitu) orang-orang yang menafkahkan hartanya, baik di waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan."

(Ali Imran : 133-134)

Lampiran 8

Catatan Upacara Membayar Fidyah dan Profil Peserta Terlibat.

TARIKH : 7 DISEMBER 2007

HARI : JUMAAT

MASA : JAM 5.00 PETANG

TEMPAT : RUMAH KEDIAMAN ALLAHYARHAM MUHAMMAD BIN HAMID.

BAHAN : Beras dan barangan kemas dalam sebiji mangkuk.

TUJUAN : 1. Menebus untuk menggugurkan tanggungan sembahyang si mati.

2. Menebus tanggungan puasa simati.

3. Menebus tanggungan sembahyang witr simati.

PESERTA :

_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

KRONOLOGI UPACARA :

- Taklimat daripada Tn. Hj. Sharif bin Warno selaku ketua upacara menerangkan tujuan diadakan upacara ini . Meminta semua peserta mengisytiharkan diri miskin dengan menyerahkan semua harta kepa anak dan isteri.
- Upacara bermula dengan ketua upacara menyerahkan beras dan barangan kemas kepada semua peserta secara bergilir. Para peserta kemudian menterahkan semula barangan tersebut kepada ketua upacara.
- Setelah selesai ketua upacara membaca doa memohon agar amalan ini diterima.
- Tahlil dan doa untuk simati diketuai oleh Tn. Hj. Abdul Majid Kambari.
- Jamuan makan.
- Bersurai – semua peserta mendapat wang saku hati RM 20.00 dan 2 kampil beras 5 kg tiap seorang.

PROFIL RESPONDEN YANG DITEMUBUAL

1. Abdul Aziz bin Ismail
2. Hj. Shafie bin Abdul Rahman
3. Tn. Hj. Sharif bin Warno
4. Hj. Abdul Majid bin Kambari
5. Hj. Salbini bin Ismail
6. Hj. Sutjonoh bin Masut
7. En. Isa bin Wardi
8. En. Sazaril bin Salim
9. Pn. Ruziana bt. Makhragi
10. Tn. Hj. Ahmad bin Mastar @ Hj. Mustapha

Gambar-gambar upacara membayar fidyah.



Gambar 1 : Bahan-bahan yang digunakan untuk upacara pembayaran fidyah iaitu sekampit beras dan beberapa utas barang-barang kemas. Foto diambil semasa upacara membayar fidyah di rumah En. Yusuf bin Sohor pada 16 Jun 2007.



Gambar 2 : Waris simati menyerahkan kepada pengendali upacara fidyah untuk mengendalikan upacara pembayaran fidyah bagi simati.



Gambar 3 : Pengendali upacara fidyah sedang menjalankan upacara pembayaran fidyah secara sorong tarik dengan salah seorang peserta jemputan khas



Gambar 4 : Peserta upacara membayar fidyah menerima sekampit beras 5 kg untuk dibawa pulang. Gambar dirakam semasa upacara membayar fidyah di rumah Allahyarham Tn.Hj. Amin bin Salleh pada 10 Oktober 2008.

Jadual Maklumat Responden Yang Membayar Fidyah

Nama Responden	Latar Belakang Pendidikan	Jenis Fidyah Yang Dibayar	Cara Membayar Fidyah
Pn. Ruziana Bt. Makhragi	SPM, Maktab Perguruan (Pendidikan Islam)	Fidyah puasa	Kepada fakir miskin melalui Imam
Pn. Rizaini Bt. Saleh	SPM, Maktab Perguruan (Pengajian Melayu)	Fidyah puasa	Kepada fakir miskin melalui Imam
Mohd. Jamali bin Basirun	Sarjana Muda Pengajian Islam (UKM)	Fidyah puasa	Bayar sendiri terus kepada fakir miskin
Tn. Hj. Ahmad bin Mastar	Senawi Dua (Sekolah Arab)	Fidyah puasa	Bayar sendiri terus kepada fakir miskin
En. Yusuf bin Sohor	Sekolah Rendah	Fidyah puasa dan sembahyang	Mengadakan upacara khas
En. Abdul Aziz bin Rerah	SPM	Fidyah puasa dan sembahyang	Mengadakan upacara khas
Tn. Hj. Sairi bin Kambari	Tiada	Fidyah puasa dan sembahyang	Mengadakan upacara khas
En. Sazaril bin Salim	SPM	Fidyah puasa dan sembahyang	Mengadakan upacara khas

(Sumber : Temu bual dengan para responden)